

**Bil. 74**

**Selasa  
14 November 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**



## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(p):**

Merujuk YB. Datuk Dr. Awang Adek Hussin dan  
YB. Senator Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi kepada  
Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

(Halaman 19)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2007

**Jawatankuasa:**

**Jadual**

Maksud B.21

Maksud B.22

(Halaman 21)

(Halaman 40)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2007

**Jawatankuasa:**

Maksud P.21

Maksud P.22

(Halaman 21)

(Halaman 40)



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato’ Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS

24. Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

62. Yang Berhormat Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

- 
100. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
  101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
  102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
  103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
  104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
  105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
  106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
  107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
  108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
  109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
  110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
  111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
  112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
  113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
  114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
  115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
  116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
  117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
  118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
  119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
  120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
  121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
  122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
  123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
  124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
  125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
  126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
  127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
  128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mahmood bin Adam

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT**

Selasa, 14 November 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada undang-undang yang disifatkan "*draconian*" dianggap terus relevan menjelang 2020 apabila negara mencapai status negara maju dan sama ada kerajaan bercadang mengadakan suatu rancangan untuk meminda atau memansuhkan sebahagian atau kesemua akta-akta berkenaan sebelum 2020.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah menjadikan undang-undang sebagai alat untuk bertindak secara tidak adil terhadap mana-mana pihak. Adalah menjadi dasar kerajaan bahawa setiap undang-undang yang digubal berhubung dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan masyarakat dan negara secara umumnya dan bagi memastikan keadilan dapat ditadbirkan dengan berkesan dalam semua keadaan serta menjamin keselamatan negara dari ancaman dalam dan luar.

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Hasutan 1948 misalnya telah memberikan sumbangan yang sangat besar kepada keselamatan dan keamanan negara. Oleh yang demikian sesuatu undang-undang yang tetapi lah diluluskan akan terus dikuatkuasakan selagi ia masih relevan bagi mencapai hasrat yang ingin dicapai bagi maksud penggubalan undang-undang yang berkenaan.

Sesuatu undang-undang dipinda atau dimansuh bergantung pada keperluan, kesesuaian dan keberkesanan undang-undang tersebut dalam menangani apa-apa isu yang berbangkit serta bagi menyelarkannya dengan dasar semasa kerajaan. Sehubungan dengan itu, pindaan atau pemansuhan undang-undang tidak hanya tertakluk kepada sama ada undang-undang itu disifatkan sebagai "*draconian*" oleh sesetengah pihak atau kerana negara telah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengkaji, meminda atau memansuhkan mana-mana undang-undang yang tidak lagi sesuai atau berkesan. Ia merupakan usaha yang berterusan yang dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan keberkesanan sistem perundangan Malaysia. Namun begitu persoalan sama ada sesuatu undang-undang masih relevan atau sebaliknya merupakan satu perkara yang memerlukan pertimbangan yang sangat teliti dan perlu mengambil kira semua kepentingan yang terlibat dan implikasi yang berbangkit berhubung dengannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri daripada segi prinsipnya "*draconian*" mungkin tidak disifatkan sebagai "*draconian*" pada abad ke-17 dan ke-18 tetapi "*draconian*" pada abad yang ke-21. Juga, apa yang dianggap "*draconian*" dalam suatu negara lain mungkin tidak "*draconian*" suatu negara yang lain pula oleh kerana situasi yang berasingan dan berlainan keadaannya.

Dalam keadaan sedemikian *universal excepted standard* apa yang dikatakan "*draconian*" itu mungkin juga wujud dan tetap. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian bagaimana kerajaan untuk membuat satu garis panduan ataupun *yardstick* untuk memperbandingkan situasi yang sesuai untuk negara kita mewujudkan undang-undang yang betul-betul mendatangkan faedah kepada negara itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan dengan perkara itu. Memang benar iaitu soal sama ada "*draconian*" ataupun tidak itu merupakan soal subjektif kepada negara yang berkenaan dan ia tidak statik. Ia *dynamist*. Ada suatu ketika apa yang kita buat dianggap "*draconian*" tetapi apabila sesuatu berlaku maka dianggap itu sebagai sesuai.

Prinsip kerajaan ialah lebih baik kita mempunyai satu undang-undang yang mungkin dianggap "*draconian*" daripada tidak ada, kerana apabila sesuatu berlaku barulah kita hendak fikirkan kita perlu buat ini atau buat itu. Tetapi pada ketika itu mungkin banyak nyawa yang telah dikorbankan.

Dalam soal ini kita mengambil kira kepentingan negara kita, keadaan latar belakang negara kita dan kita mengambil pendirian lebih baik kita ada suatu undang-undang yang mungkin dianggap "*draconian*" daripada tidak ada langsung, jika sesuatu berlaku maka pada ketika itu barulah hendak difikirkan apa yang hendak dilakukan oleh kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Menteri tidak berbeza daripada nafi, nafi dan nafi sahaja yang merupakan satu *denial syndrom* yang sangat teruk, yang menyebabkan sekarang dalam tiga tahun pentadbiran ini menghadapi satu krisis keyakinan kepimpinan, yang menyebabkan FDI jatuh begitu serius. Bukankah bahawa undang-undang "*draconian*" yang perlu dihadapi dan dimasyhurkan kalau kita mahu menjadi *first world nation* dan sebab itulah tidak ada *first world mentality* seperti contohnya *Police Act* di mana perhimpunan seramai tiga ke lima orang dianggap sebagai *unlawful assembly*, *Printing Presses and Publications Act* mengenai peruntukan berhubung berita palsu dan mewajibkan pembaharuan lesen setiap tahun, *Official Secret Act* yang lebih teruk daripada UK di mana setiap kesalahan minimum (*minimum sentence*) ialah sebanyak dua ribu ringgit denda atau setahun penjara.

Tujuannya bukan untuk melindungi rahsia rasmi tetapi untuk mengambil tindakan terhadap Ahli-ahli Parlimen supaya tidak membongkar skandal dan korupsi di negara ini contohnya macam ISA, *preventive detention* tanpa perbicaraan yang digunakan terhadap *decent* dan parti-parti pembangkang. Bukankah sudah sampai masanya kalau kita mahu mencapai Wawasan 2020 sebagai *first world nation*, kita ada *first world mentality*, kita ada satu *law reform commission* atau *committee* yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen selain daripada yang lain supaya mengkaji *draconian law* yang ada disetujui Yang Berhormat bagi Gua Musang, *a candidate for prime ministership* pada suatu masa. Kenapa masih ada *denial syndrome* yang begitu teruk dalam kalangan kerajaan di sini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tak ada krisis kepimpinan dalam negara kita. Tetapi yang ada krisis keyakinan diri Ketua Pembangkang [*Disorak*] sebab dia berasa dia tidak *relevant* sudah sekarang kerana kritikan dibuat secara membangun oleh pihak *backbencher* kita. Jadi dia yang tidak yakin dengan diri dia sekarang itu.

Saya ingin beritahu di sini, kalau bercakap tentang negara maju, Amerika Syarikat dan United Kingdom ini negara maju. Mereka sekarang ini dilanda krisis *terrorism* dan mereka sehingga hari ini menggubal undang-undang yang mirip-mirip kepada ISA kita dan mungkin lebih juga.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebab itu, Bush kalah dengan begitu teruk. Bush kalah begitu teruk sebab itulah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hari ini pun.... dia sudah tidak *relevant*, dia malu itu. Dia sudah tidak *relevant*, dia bangkit kacau saya – *irrelevant*. Dalam soal ini, bukan sahaja mereka sedang berusaha untuk mengadakan undang-undang mirip

macam kita malah mereka menuntut supaya Malaysia bekerjasama dengan mereka. Dan mereka memberi maklumat tentang orang-orang yang dianggap sebagai *terrorist*, memberitahu kepada kita kalau dia merupakan rakyat Malaysia, dia hantar kepada kita, dia kerjasama. Itu mengikut undang-undang yang ada mirip dengan undang-undang kita.

Kerjasama Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, mereka menuntut supaya kalau kita mendapati orang yang mereka hantar itu adalah orang yang dianggap *terrorism* tetapi kepada kita, kita anggap tidak, kalau hendak melepaskan mereka pun, mereka menuntut supaya kita maklumkan kepada mereka. Ini negara maju. Jadi ini menunjukkan bahawa segala undang-undang yang kita walaupun dianggap *draconian* oleh mereka, tetapi sudah menjadi *relevant* dalam keadaan di mana kita sekarang ini dilanda dengan *terrorism* di dalam dunia ini.

**2. Tuan Raimi Unggi [Tenom]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah bilangan penduduk negara kita yang telah membayar cukai seperti mana yang telah diwajibkan kepada setiap individu dan organisasi serta apakah usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan lagi kutipan cukai agar hasil pendapatan bertambah sekali gus menjana pembangunan negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun taksiran 2005, jumlah pembayar cukai individu adalah seramai lebih kurang 1.2 juta orang manakala pembayar cukai syarikat pula sebanyak 84,247 buah syarikat dengan jumlah kutipan cukai sebanyak lebih kurang RM56,854,000,000.

Untuk makluman Yang Berhormat, program untuk meningkatkan lagi kutipan cukai pendapatan adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan program pembelajaran cukai iaitu seminar dan bengkel diadakan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai undang-undang percukaian dan pentadbiran; dan
- (ii) memberi penerangan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pembayar cukai dari segi penghantaran borang cukai pendapatan, cara melaporkan pendapatan yang betul dan membayar cukai sepatutnya.

Ini amat penting bagi memastikan kejayaan sistem percukaian negara yang telah mengamalkan sistem taksiran sendiri. Di bawah program ini, pembayar cukai didedahkan antaranya:

- (i) kepada konsep Sistem Taksir Sendiri ataupun STS dan pengiraan cukai bagi penggajian dan perniagaan, elaun modal, penyimpanan rekod, modul pengisian borang-borang di bawah STS bagi semua kategori pendapatan dan juga aspek pengauditan;
- (ii) Program Perkhidmatan Pembayar Cukai:
  - (a) mengadakan perkhidmatan kaunter di semua cawangan untuk memudahkan pembayar cukai berurusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri;
  - (b) mengadakan Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai ataupun BPPC sebelum tarikh penghantaran borang cukai pendapatan. Ia dilaksanakan setiap tahun dan BPPC ini akan membuka kaunter di kompleks-kompleks membeli belah, pejabat-pejabat majikan atau kilang-kilang yang besar supaya perkhidmatan BPPC dapat dimanfaatkan oleh orang ramai.

- (iii) dialog bersama Persatuan Akauntan Bertauliah. Dialog ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang sedia ada agar dapat dipertingkatkan. Di samping itu, ia bertujuan untuk menyampaikan maklum-maklum terkini seperti arahan dan penerangan kepada pindaan undang-undang cukai pendapatan supaya dapat disalurkan dengan lebih berkesan dan tepat kepada pembayar cukai; dan
- (iv) menjayakan kemudahan pembayaran cukai melalui perbankan internet. Dengan adanya sistem ini, pembayar cukai tidak perlu pergi ke pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun ke bank-bank untuk membayar cukai tetapi boleh membayar di mana-mana sahaja yang ada perkhidmatan talian.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan tadi. Saya ingin bertanya, setakat ini berapakah pihak kerajaan mengambil tindakan kepada individu ataupun syarikat-syarikat yang enggan membayar cukai dalam beberapa tahun kebelakangan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis kerana saya tidak mempunyai maklumat yang disebutkan tadi.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen atas jawapan yang agak tepat dan kemas. Cuma saya ingin tahu sekarang sistem *e-filing* telah diperkenalkan dan telah pun dijalankan, berapa banyakkah penambahan kutipan hasil daripada *e-filing* yang telah diadakan ini?

Yang kedua mengenai dengan tenaga pekerja yang bila mana ada *e-filing*, sudah tentu tenaga pekerja ada berlebihan. Tidakkah ada kementerian ingin menghantar pekerja-pekerja ini ke jajahan-jajahan supaya dapat memberi peluang dan kemudahan kepada mereka yang belum tahu pun mengisi borang untuk membayar seperti mana yang dibuat oleh *backbenchers* baru-baru ini. Kita terima kasih kepada Pengerusi kerana telah ada usaha untuk datang ke Parlimen dan ini ada kebaikan bila dihantar ke jajahan-jajahan untuk memudahkan rakyat. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Berkenaan dengan *e-filing*, ia memang telah pun dilancarkan mulai tahun 2003. Setakat ini memang mendapat minat daripada pembayar-pembayar cukai. Tetapi pada peringkat awal, *e-filing* diperlukan *digital signature*. Pada peringkat awal memang dikenakan bayaran tetapi sekarang sudah tidak dikenakan bayaran.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Perbezaan penambahan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, penambahan.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Berapa banyak yang sudah?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hari ini *digital signature* itu sudah tidak kena bayaran, maka hari ini sudah meningkat kepada 7% bagi tahun 2005 – *e-filing*. Maknanya sistem itu sudah mendapat tarikan. Sebelum itu, tahun taksiran sebelum itu cuma 0.001% sahaja tetapi selepas diberikan kelonggaran tidak payah bayar bayaran untuk *signature* itu. maka sudah meningkat kepada 7%. Tetapi anggaran yang sebenarnya tentang kuantum yang diterima, saya tidak ada, tetapi yang ada cuma peratusan penambahan daripada segi *return* kepada borang pendapatan.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Pegawai ke jajahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat habis jawab dah? Habis?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Habis.

**3. Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan jumlah pelajar luar negara yang tamat dan terkandas dalam pengajian dan apakah mereka disenaraikan kepada agensi terbabit bagi memastikan mereka meninggalkan negara kita.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut data Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Julai tahun ini, terdapat 31,159 orang pelajar antarabangsa di Malaysia. Jumlah pelajar luar negara yang terkandas di IPTA bagi tahun 2006 berjumlah 157 orang. Daripada jumlah ini:

- (i) 11 orang merupakan pelajar Ph.D;
- (ii) 38 orang pelajar sarjana; dan
- (iii) 108 orang pelajar sarjana muda.

Berdasarkan syarat-syarat kelulusan merekrut ataupun mengambil pelajar antarabangsa, IPT bertanggungjawab melaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi sebarang kes pelajar luar negara yang menamatkan pengajian atau meninggalkan IPT atas sebarang sebab seperti gagal dalam kursus, berhenti kursus atau bercadang untuk bertukar IPT. IPT juga dikehendaki melaporkan kes pelajar asing yang tidak menghadiri kuliah selama tiga hari berturut-turut tanpa sebarang sebab.

Tuan Yang di-Pertua, IPTS yang didapati tidak melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan, Kementerian Pengajian Tinggi akan mengemukakan syor kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menarik balik kelulusan merekrut pelajar antarabangsa. Sepanjang tahun 2006, terdapat 16 IPTS yang telah diperakukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya ditarik balik kelulusan mengambil pelajar antarabangsa dan lima IPTS yang diberi amaran dan diberi tempoh tiga bulan untuk memperbaiki kelemahan dalam pengambilan pelajar antarabangsa.

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa melaksanakan pemantauan berkaitan pengurusan pelajar antarabangsa dan memastikan IPT mengambil tindakan sewajarnya terhadap kes-kes pelajar luar negara yang berhenti kursus, meninggalkan IPT serta tidak menghadiri kuliah. Kementerian ini juga tidak akan berkompromi sekiranya IPT melanggar syarat-syarat yang telah pun ditetapkan untuk mengambil pelajar antarabangsa.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu negara kita ini adalah gula. Ramai yang datang ke negara kita kerana hendak mendapatkan sumber rezeki dan sebagainya. Tetapi di dalam kes-kes yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita mengambil tindakan yang tegas. Setakat ini berapa buah pusat-pusat pengajian tinggi yang telah diambil tindakan tegas terhadap mereka sekiranya berlaku ataupun apa yang telah berlaku kepada pusat-pusat pengajian tinggi ini. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih diucapkan Yang Berhormat bagi Setiu. Sebenarnya apabila Yang Berhormat menyoal tentang tindakan yang diambil terhadap IPTS yang terbabit dalam kesalahan-kesalahan yang saya maksudkan itu sebenarnya, ia kemungkinan mencakupi dua aspek iaitu penarikan balik lesen untuk mengambil pelajar antarabangsa. Ini berbeza daripada menarik balik ataupun pembatalan lesen pendaftaran IPTS. Itu berbeza dan satu lagi adalah berupa amaran yang diberi seperti mana yang saya sebut tadi dan diberi tempoh selama tiga bulan untuk memperbaiki sebarang kelemahan yang ada.

Umpamanya lima IPTS yang telah pun diberikan amaran itu kesemuanya akan dipantau sepenuhnya dan apabila genap tiga bulan kemudian, kesemua IPTS yang berkenaan akan dikaji balik statusnya sama ada hendak ditarik balik lesen pengambilan pelajar asing ataupun sebaliknya.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan asal adalah bertanya pelajar luar negara yang tamat dan yang kandas. Tetapi saya.... sebelum daripada itu saya mengucapkan

terima kasih kepada penyokong-penyokong yang datang ke Parlimen. Ini semua yang sokong Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

Yang terkandas kemudian yang lulus. Ada satu kategori lagi, ia kandas pun tidak, lulus pun tidak, dia hanya mendaftar untuk datang ke negara ini. Saya diberitahu ini 31,000 orang, berpuluh ribu, berbelas ribu yang hilang. Dia bukan masuk nak belajar, bukan nak kandas, bukan nak belajar, semata-mata datang. Tadi diberitahu diambil tindakan kepada IPTS, ok, IPTS diambil tindakan. Tetapi yang saya hendak tanya, orang yang hilang itu apa tindakan dia? Sebab orang yang hilang itulah sebenarnya yang memberi beban kepada kita. Selain mendapat kerjasama daripada Imigresen, apakah langkah sebenar yang sudah dibuat? Berapakah yang telah ditangkap? Kalau ada *figure*lah, sebab mereka ini sebenarnya datang bukan untuk belajar, bukan untuk kandas, bukan untuk lulus tapi datang untuk berkongsi rezeki di sebuah negara yang aman dan makmur ini. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh, suka saya berikan serba sedikit tentang latar belakang, ataupun tanggapan umum yang biasanya kurang tepat terhadap bidang kuasa Kementerian ini dan juga bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia.

Ramai di kalangan kita mungkin beranggapan bahawa kementerian ini yang berhak mutlak ataupun mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen ataupun pas pelajar kepada pelajar-pelajar asing, sebenarnya tidak. Sebenarnya ia dalam bidang kuasa Jabatan Imigresen. Itulah sebabnya untuk menyelaraskan... *[Dewan riuh]* untuk menyelaraskan usaha ini, supaya apa Yang Berhormat bangkitkan tadi itu, dapat diatasi supaya kita dapat mencegah berlakunya, berleluasanya orang asing yang mengambil kesempatan maka sekarang ini satu usaha untuk memadamkan statistik ataupun perangkaan pas pelajar sedang dijalankan di antara kedua-dua pihak iaitu Jabatan Imigresen dan kementerian ini.

Saya berharap pepadanan ini bukan sahaja kita teruskan malahan usaha, tindakan yang tegas sedang diambil dan apa yang saya jawab tadi itu merupakan sebahagian daripada usaha kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta kah tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sabak Bernam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta tambahan

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah, cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini melibatkan ekonomi dan negara Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabak Bernam. *[Dewan ketawa]* Tak ada Sabak Bernam. Kota Kinabalu.

*[Soalan No. 4 – Y.B. Datuk Haji Mat Yasir Bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) tidak hadir]*

**5. Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah status taraf kesihatan di negara ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil agar kita mencapai taraf kesihatan yang lebih tinggi lagi di wilayah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya status kesihatan di negara ini adalah baik. Misalnya jangka hayat lelaki meningkat daripada 68.9 tahun dalam tahun 1990 kepada 70.6 pada tahun 2005, manakala jangka hayat wanita pula meningkat dari 73.5 pada tahun 1990 kepada 75.5 tahun pada tahun 2005.

Kadar kematian kasar juga telah menunjukkan penurunan dari 4.7 dari setiap 1,000 penduduk pada tahun 1990 kepada 4.4 setiap 1,000 penduduk pada tahun 2005.

Kadar kematian *neo-natal*, *pre-natal*, bayi, kanak-kanak satu hingga empat tahun dan ibu mengandung juga telah menunjukkan penurunan.

Kejadian penyakit berjangkit pula, secara amnya telah menunjukkan penurunan di negara ini. Penyakit polio telah pun dihapuskan di Malaysia. Kadar kejadian penyakit seperti *tetanus*, batok kokol dan campak berada pada kadar yang rendah. Negara bagaimanapun masih berhadapan dengan masalah penyakit denggi, HIV AIDS dan TB.

Penyakit tidak berjangkit yang berkaitan dengan gaya hidup sihat seperti penyakit jantung, *hypertension*, diabetes, kanser dan lain-lain juga mula menunjukkan peningkatan. Kementerian Kesihatan telah dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan tahap kesihatan negara dapat dipertingkatkan. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (i) memperkasa rakyat dengan ilmu pengetahuan mengenai kesihatan dan penyakit bagi membolehkan mereka mengambil tindakan sewajarnya memelihara kesihatan diri, keluarga dan komuniti;
- (ii) mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada masyarakat;
- (iii) mempertingkatkan pemantauan atau *surveillance* penyakit sama ada yang berlaku di dalam mahupun di luar negara;
- (iv) memperkasa aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, di mana silap kementerian ini jika dibina hospital yang besar tetapi tidak dihantar kakitangan yang mencukupi. Saya bagi contoh Hospital Pitas, Hospital Tongod, adalah antara hospital besar yang dibina oleh kementerian ini melalui kewangan kerajaan tetapi tidak dihantar kemudahan dan kakitangan yang mencukupi. Apakah kementerian tidak melihat ini juga boleh menyumbang kepada tahap kesihatan penduduk di luar bandar? Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Kita memang ambil berat berkaitan cadangan yang telah dibangkitkan. Cuma kita hendak menerangkan adalah bahawa fasaliti-fasaliti yang baru ini kita memerlukan masa berperingkat-peringkat untuk mendapatkan kakitangan-kakitangan kita, supaya mereka dapat bekerja atau menjaga fasaliti yang baru ini.

Ia mesti memerlukan masa yang lebih panjang sedikit untuk mendapatkan kakitangan-kakitangan dari disiplin yang lain supaya kita dapat berfungsi seratus peratus. Sekian.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali tadi disebut oleh Setiausaha Parlimen tentang masalah-masalah penyakit berjangkit. Salah satu yang disebut adalah Tibi. Jadi, saya ingin menekankan bahawasanya dalam jawapan Timbalan Menteri pada sesi yang lepas dinyatakan salah satu daripada punca peningkatan Tibi adalah pendatang-pendatang daripada Indonesia ataupun wujudnya pendatang-pendatang tanpa izin daripada Indonesia.

Yang keduanya, ingin saya tanya apakah sebenarnya polisi kita terhadap mereka ini, dengan izin ataupun tanpa izin, untuk mendapat rawatan di hospital-hospital kerajaan. Ini kerana kalau mereka ini tanpa izin mungkin mereka rasa takut untuk pergi ke hospital-hospital kerajaan untuk mendapat rawatan. Oleh kerana ini penyakit berjangkit dan boleh menjangkiti rakyat di negara kita.

Yang ketiga, tentang *Public Health Law*. Adakah kementerian mempunyai dasar ataupun polisi untuk mempercepatkan undang-undang *Public Health Law* ini? Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan pendatang asing yang sah, kita memang tidak ada masalah kerana kita mempunyai saringan yang ketat sebelum mereka diberi kelulusan untuk bekerja, datang ke negara kita. Masalah kita adalah berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin ini, apabila masuk kita tidak tahu dia di mana, tidak ada rekod berkaitan dengan mereka dan status kesihatan mereka adalah susah untuk dipastikan.

Apa yang kita buat ini adalah memandangkan penyakit ini sebagai penyakit, kita tidak kira dia pendatang asing yang sah atau pendatang asing yang tidak sah. Kita beri perkhidmatan perubatan kepada mereka juga, supaya penyakit berjangkit ini tidak berjangkit daripada pendatang asing tanpa izin ini merebak kepada rakyat kita. Berkaitan dengan undang-undang yang dikatakan tadi itu, kita sedang dalam kajian supaya kita boleh meluluskannya dalam masa yang akan datang. Sekian.

6. **Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:-

- (a) berapa peratuskah sumber minyak sawit akan diguna untuk menyokong pembangunan dasar bio-diesel negara. Adakah kajian terperinci dibuat atas kerugian pengeluaran minyak sawit sebagai bahan makanan; dan
- (b) dalam jangkaan kementerian, apakah nisbah berpatutan untuk bio-diesel dari kelapa sawit dan bahan lain. Apakah jenis tumbuhan alternatif lain yang dikenal pasti dan sila beri senarai nisbah akhir pengeluaran negara bagi bio-diesel.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:**

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM6 juta tan minyak sawit mentah setahun bagi memenuhi permintaan kilang bio-diesel negara. Peruntukan ini adalah bersamaan 38% daripada jangkaan pengeluaran minyak sawit mentah. Sebanyak 15.6 juta tan pada tahun 2006. Bersamaan 31% berbanding ramalan pengeluaran minyak sawit mentah, sebanyak 19.3 juta tan pada tahun 2010. Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan kilang bio-diesel mempunyai bekalan bahan mentah mencukupi supaya pengeluaran bio-diesel tidak tergendala untuk memenuhi permintaan luar negara yang kian meningkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan minyak sawit untuk kegunaan makanan dalam negeri tidak akan terjejas dengan memperuntukkan minyak sawit untuk industri bio-diesel. Ini adalah kerana penggunaan minyak sawit untuk pengeluaran makanan berasaskan minyak sawit dalam negeri adalah kecil berbanding dengan pengeluaran minyak sawit negara. Pada tahun 2005 umpamanya, kegunaan makanan berasaskan minyak sawit dalam negeri berjumlah 0.7 juta tan iaitu hanya 5% daripada jumlah pengeluaran minyak sawit sebanyak 15 juta tan.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran bio-diesel negara untuk eksport juga tidak akan merugikan negara, kerana harga eksport bio-diesel yang lebih tinggi pada paras RM2,550 satu tan berbanding dengan harga eksport minyak sawit untuk makanan seperti RBD Palm Olein yang berada di paras RM1,720 satu tan pada masa ini. penggantian eksport RBD Palm Olein dengan bio-diesel akan membawa lebih keuntungan dari segi tambahan pendapatan eksport sebanyak RM830 satu tan.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat mengenai tumbuhan alternatif lain yang boleh dikaji. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian saya telah melalui MPOB atau Lembaga Minyak Sawit Malaysia sedang mengkaji dengan lebih mendalam kesesuaian pokok jatropha dari segi penanam, hasil dan pemprosesan sebagai bahan bakar alternatif. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan Oktober 2006, sebanyak lima buah kilang telah dibina dan beroperasi pengeluaran bio-diesel dalam negara kita. Sekian.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri. Saya berterima kasih jawapan itu, cukup

menyeluruh walaupun ada keraguan masih saya hadapi. Oleh kerana apabila Amerika dan Kanada mula membincangkan persoalan menggunakan bahan bakar alternatif yang diguna pakai sebagai bahan asas ialah jagung ataupun *corn*.

Jadi, perbincangan rejim seluruh Amerika dan Kanada, melihat daripada kekurangan pengeluaran bahan makanan negara mereka, bukan untuk dalaman tetapi juga untuk dieksport seluruh dunia. Apabila Mexico menggunakan ethanol sebagai minyak bakar alternatif, Mexico negara yang termaju di dunia. Tidak payah sebut Jerman dan sebagainya, semua tidak boleh lawan Mexico menggunakan 25% bahan bakarnya menggunakan alternatif tetapi Amerika menggunakan bahan daripada tebu.

Persoalannya juga, pengeluaran hasil tebu sebagai bahan makanan juga akan berkurangan. Ini menjadi persoalan besar, berapa lamakah kita akan melihat yang '*purpose fuel*' itu meningkat dan boleh *fluctuation price*. Dengan keadaan yang sedemikian perbincangan, persoalan kerugian negara sebagai keseluruhannya memberi kehidupan untuk industri bahan bakar alternatif menggunakan bahan daripada makanan ini telah merugikan negara. Jadi, ini persoalan asas yang perlu dibincang kenapa bahan alternatif selain daripada bahan makan ini mesti dibuat penyelidikan dengan menyeluruh. Apakah tindakan khusus kementerian? Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar kita perlulah berhati-hati dari segi pembangunan industri bio-diesel ini, kerana kita gunakan satu bahan yang boleh kita gunakan sebagai bahan makanan.

Walau bagaimanapun saya sebut tadi kita hanya gunakan 5% sahaja jumlah yang kita keluarkan atau *production* dalam kilang-kilang sawit di negara kita ini. Sebab itulah kita mempunyai satu dasar sekarang iaitu 6 juta tan sahaja dibahagikan untuk bio-diesel dan dasar ini boleh kita ubahsuaikan dari masa ke semasa tertakluk kepada permintaan bahan mentah untuk produk-produk makanan atau produk-produk seperti *oleo chemical* yang kita eksportkan.

Tetapi untuk sedikit maklumat tambahan bagi Yang Berhormat untuk berapa pantas industri bio-diesel di negara kita ini, kita sudah terima atau kita sudah meluluskan 71 lesen yang kalau semua ini digunakan atau dilaksanakan, jumlah *investment* atau pelaburan dalam negeri akan mencatatkan RM3 bilion. Ini bermakna kita akan mewujudkan satu industri berasingan di negara ini. Sebab itulah ini satu soal yang penting untuk kita timbang supaya kita dapat satu industri yang akan membawa *investment*, peluang pekerjaan dan sebagainya di negara kita.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang jawapan Yang Berhormat Menteri itu sudah menyeluruh tetapi saya dapati tadi Yang Berhormat menyebut 5% adunan untuk menghasilkan bio-diesel. Jika 5% sahaja adunan ini, tidakkah kerajaan melihat bahan-bahan lain seperti minyak makan terpakai, lemak dan sebagainya. Ini juga kita boleh menghasilkan bio-diesel dengan minyak makan terpakai ini. Mengapa tidak membuat kajian ataupun melihat perkara ini dengan teliti agar kita boleh menggunakannya selain daripada membuang minyak terpakai. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul jugalah kita tidak perlu mengabaikan teknologi-teknologi yang lain untuk mengeluarkan minyak bio-diesel. Sebenarnya kita sekarang dalam satu usaha sama dengan pihak Shell untuk mengkaji sama ada kita boleh gunakan *biomass* yang kita dapati daripada pokok sawit, pokok getah dan lain-lain pokok untuk mengeluarkan minyak bio-diesel dari teknik atau teknologi yang khusus bagi bahan ini.

*[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said - tidak hadir]*

**8. Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar kementerian mengenai penempatan guru-guru baru selepas tamat kursus perguruan dan guru-guru terlatih yang tamat Program Khas Pensiwazahan Guru (PKPG). Apakah sebab kementerian menghantar guru-guru terlatih ke luar negeri tanpa mengira sama ada mereka telah berumah tangga dan mempunyai anak-anak yang kecil.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai prosedur dan garis panduan untuk penempatan guru yang telah tamat mengikuti latihan perguruan. Bagi penempatan guru Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG), ia dilaksanakan mengikut kohot atau kumpulan berdasarkan tarikh tamat cuti belajar guru tersebut. Di samping itu kriteria-kriteria tersebut adalah diambil kira:

- (i) keperluan perkhidmatan;
- (ii) kekosongan jawatan di sesebuah negeri; dan
- (iii) keperluan opsyen mata pelajaran.

Kementerian Pelajaran Malaysia sedari kesulitan yang dihadapi oleh guru-guru berkenaan, khususnya yang telah berumah tangga. Bagi mengatasi masalah tersebut, guru-guru terbabit boleh memohon pertukaran pada bulan Januari dan Jun pada setiap tahun. Walau bagaimanapun pertukaran ke negeri yang dipohon hanya dipertimbangkan dan diluluskan sekiranya terdapat kekosongan opsyen dan jawatan di negeri yang dipohon. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran seolah-olahnya ia tidak ambil kira kempen yang telah dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ada satu kempen oleh kementerian ini ialah Utamakan Keluarga.

Sekiranya ini adalah satu dasar utama keluarga, jadi polisi ini haruslah diserap dan diguna pakai oleh semua kementerian termasuklah menempatkan guru-guru apabila mereka tamat kursus mereka. Jadi kalau tiada, apa maksudnya, apa gunanya, apakah maksudnya slogan Utamakan Keluarga kerana ini adalah sangat jelas keluarga tidak diambil perhatian.

Jadi adakah kementerian ini akan mengguna pakai atau bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya ia mengguna pakai dasar Utamakan Keluarga.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya Kementerian Pelajaran memang mengambil kira terhadap kebajikan dan juga keluarga para guru seperti yang saya sebut tadi. Tetapi di samping itu juga Kementerian Pelajaran harus juga mengambil kira tentang keperluan guru yang patutnya mengajar di kelas. Oleh kerana itulah dan bukan oleh kerana 300 atau 200 guru yang terbabit yang perlu berkhidmat agak jauh daripada rumahnya, maka kita buat kesimpulan bahawa Kementerian Pelajaran tidak prihatin terhadap kebajikan guru. Di samping itu juga Kementerian Pelajaran patut prihatin juga kebajikan murid-murid.

Jadi itulah pandangan dan jawapan saya kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Jangan hendak buat kesimpulan yang bukan-bukan. Memang Kementerian Pelajaran tidak sengaja untuk menyusahkan atau menyulitkan para guru dan mereka pun telah diberi perjanjian bahawa kalau guru itu pergi mengambil jawatan dan mereka akan diberi keutamaan apabila sampai hujung tahun ini dan mereka akan diberi pertimbangan supaya dapat ditempatkan ke sekolah-sekolah yang berhampiran dengan kediaman mereka.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan timbalan menteri, Yang Berhormat sudah lupa menjawab apakah dasar menyeluruh mengenai penempatan seseorang guru terlatih. Maksudnya selepas seorang guru telah habis ataupun tamat di maktab perguruan, macam mana kita hendak menempatkan guru itu, khususnya dari segi soal perkahwinan, bila seorang guru terlatih boleh kahwin ataupun selepas kahwin, bila permohonan ini boleh dibuat supaya balik ke negeri asal.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai Program Khas Pensiswazahan Guru. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberi penerangan. Saya cuma tidak faham. Katalah seorang guru yang layak mengikuti Kursus PKPG. Kita tahu dan kita faham bahawa guru berkenaan adalah dari negeri Kedah. Selepas berjaya mengikuti

program ini, takkan kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan tidak dapat menghantarkan balik guru yang berkenaan itu balik ke negeri Kedah.

Tidak semesti di bandar atau di sekolah di mana beliau pernah mengajar. Mungkin dahulu Alor Star, tetapi sekarang hantar pergi Baling ataupun Sungai Petani. Dan tidak hantar dia sampai Johor Bahru, sedangkan beliau, iaitu guru berkenaan telah berumah tangga dan mempunyai anak-anak kecil. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Menteri sudah faham itu.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Alor Star.

Memang Yang Berhormat Dato' ini sentiasa peka dan prihatin terhadap kebajikan guru dan beliau pun sentiasa menghantar bagi pihak guru-guru yang telah berkahwin, yang telah berkhidmat dan bersama dengan isteri, sentiasa bawa permohonan rayuan kepada Kementerian Pelajaran. Saya rasa itulah satu usaha yang baik dari segi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi tentang kriteria-kriteria penempatan guru ikut opsyen dan juga ikut keperluan.

Untuk menjawab PKPG itu umpamanya memang asal dari Kedah tetapi apabila guru itu mengikuti kursus PKPG, guru itu sudah meninggalkan sekolah untuk tiga tahun. Jadi pada masa yang sama, jawatan kekosongan itu sudah diisi dengan guru yang baru. Oleh kerana itu apabila guru itu tamat latihannya, dan hendak balik ke sekolah itu memang ikut keperluan. Kalau tidak ada kekosongan, tidak bolehlah menghantar balik ke sekolah yang sama atau ke negeri yang sama.

Tetapi ini cuma tengok keadaan. Kalau keadaan mengizinkan, mempunyai kekosongan maka itu tidak jadi permasalahan. Cuma tahun ini sahaja, kerana guru yang telah keluar dari maktab sudah cukup untuk mengisi kekosongan yang sedia ada, tambahan pula mereka PKPG, apabila mereka tamat latihan mereka, hendak hantar ke negeri asal, terdapat bahawa tidak ada kekosongan. Jadi inilah satu *short term measure*, dengan izin.

Jadi Yang Berhormat jangan bimbanglah. Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil kira semua perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Tumpat.

**9. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah faktor-faktor kerajaanewartakan semula Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Bandar iaitu LKEB untuk bagi merancang, mengawasi serta memantau aktiviti pembangunan bandar ke arah memantapkan pewujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, MPPP di kawasan-kawasan bandar. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedang menggubal satu akta baru Lembaga Kemajuan Bandar.

Dalam penggubalan akta ini, MECD mengambil kira kuasa-kuasa dan fungsi asal UDA yang relevan dan juga memasukkan peruntukkan-peruntukkan baru yang sesuai dengan perkembangan semasa. Di antara faktor-faktor yang diambil kira oleh MECD dalam proses penubuhan Lembaga ini adalah seperti berikut:

- (i) keperluan memantapkan MPPB dan meningkatkan pegangan ekonomi bumiputera di kawasan bandar dalam bidang perdagangan, perusahaan, kompleks perniagaan, premis industri, pemilikan perumahan serta pelaburan;

- (ii) merapatkan jurang sosioekonomi antara kaum selaras dengan misi nasional dengan memastikan matlamat penyusunan semula masyarakat tercapai dan seterusnya dapat meningkatkan penguasaan 30% ekuiti bumiputera dalam sektor korporat; dan
- (iii) memastikan setiap rancangan pembangunan bandar atau sesebuah kawasan baru tidak meminggirkan kedudukan bumiputera di tempat berkenaan.

Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana menjawab tentang UDA atau Perbadanan Pembangunan Bandar.

Sebagaimana yang kita maklum Tuan Yang di-Pertua dan yang kita dengar sebahagian daripada yang dapat kita fahami daripada jawapan tadi salah satu matlamatnya ialah untuk memastikan bahawa bumiputera memperoleh 30% ekuiti korporat dalam negara ini. Mungkin ada yang belum tahu bahawa pada hari ini dalam akhbar ada kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, membetulkan jawapan di Parlimen kita ini Dewan yang mulia ini, pada minggu lepas, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ketika itu menjawab yang ekuiti bumiputera sudah mencapai 36.6%. Hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menarik balik jawapan tersebut di luar Dewan dan mengatakan sebenarnya balik kepada perkiraan, akhirnya 18.9%.

Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, sebagai Dewan yang mulia, penarikan balik jawapan, pembetulan jawapan, apabila asalnya diberikan jawabannya di sini, ianya perlu ditarik dan diperbetulkan di Dewan yang mulia ini dan bukan sewenang-wenang melalui kenyataan yang dikeluarkan di luar Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan jawapan tadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa dalam kes perbandaran di Kuala Lumpur ini suatu soalan yang tidak terjawab sehingga hari ini ialah kedudukan dan nasib Bandar Kampung Baru di Kuala Lumpur.

Saya ingin bertanya dengan mudah sahaja, bilakah akhirnya kerajaan akan menyelesaikan masalah Kampung Baru yang mana pelbagai cadangan selama beberapa tahun telah dikemukakan, tetapi sehingga ke hari ini nampaknya tidak ada plan yang jelas, yang akan dilaksanakan oleh kerajaan khususnya oleh kementerian ini melalui UDA. Terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bagi soalan Yang Berhormat, saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat pada Yang Berhormat oleh sebab ini adalah pembangunan Kampung Baru adalah terletak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya ingat itu sahaja yang dapat saya komen mengenai soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat dahulu bila UDA ditubuhkan, sampai satu peringkat berlaku *management by out*. Jadi bila berlaku *management by out* ini, UDA jatuh ke tangan beberapa individu sahaja. Sedangkan penubuhan UDA itu ialah bertujuan untuk, selain hendak meningkatkan ekuiti bumiputera di sektor korporat khususnya di bandar-bandar, ia juga bertujuan untuk memastikan terdapat ruang niaga yang cukup di tempat-tempat strategik di bandar-bandar.

Jadi soalan tambahan saya ialah, apakah langkah-langkah yang akan dipastikan oleh kerajaan supaya *management by out* yang berlaku dahulu tidak akan berlaku lagi dan supaya usaha untuk meningkatkan lagi bilangan ruang niaga di bandar-bandar dapat dipertingkatkan, memandang sekarang ini rata-rata bumiputera cuma memiliki antara enam hingga tujuh peratus sahaja rumah-rumah kedai di kawasan-kawasan bandar, khususnya di bandar-bandar besar.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan itu. Walaupun UDA telah diperbadankan dan diapungkan dalam Bursa Saham tetapi sebenarnya kerajaan adalah pemegang saham utama di dalam UDA Holding Sdn. Bhd. melalui Kementerian Kewangan Diperbadankan iaitu sebanyak 50.1%. Sungguhpun ada ura-ura untuk mengambil alih oleh syarikat lain, kerajaan akan tetap memastikan bahawa aktiviti UDA dalam membantu bumiputera diteruskan melalui penstrukturan semula UDA Holding Sdn. Bhd. ataupun mewujudkan semula badan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan peranan ini bagaimanapun UDA telah menetapkan sekurang-kurangnya 30% daripada unit-unit ruang niaga dan kedai pejabat yang dibina di kawasan perumahan dan juga komersial diperuntukkan kepada pembeli-pembeli bumiputera. Bagi tempoh sehingga daripada tahun 1996 sehingga tahun 2005, UDA telah menjual 59% premis perniagaan yang dibina kepada kumpulan bumiputera di seluruh negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, UDA walaupun dikatakan sebagai syarikat awam ia telah dapat mengimbangi peranannya sebagai syarikat awam dan juga sebagai agensi yang ingin membantu bumiputera di dalam mencapai matlamat penubuhan asal UDA itu sendiri, dan kementerian akan memastikan bahawa UDA akan tidak lari daripada landasan penubuhan matlamat hanya iaitu membantu peniaga ataupun bumiputera, terima kasih.

**10. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada kolej universiti akan diubah nama dan dinaik taraf kepada universiti bagi mempertingkatkan peranannya sebagai pusat kecemerlangan akademik. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempertingkatkan mutu akademik di kolej-kolej universiti.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 20hb. September tahun ini telah bersetuju supaya kolej universiti awam ditukar kepada universiti awam. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan daya saing IPTA terutamanya dari segi menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa. Walaupun nama-nama kolej universiti ini telah berubah, namun fokus dan kekuatan setiap universiti masih sama seperti sekarang. Kementerian Pengajian Tinggi telah pun mengambil langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan mutu akademik di kolej-kolej universiti seperti berikut;

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

- (i) memastikan kolej universiti memberi fokus dalam bidang pengajian sains dan teknologi;
- (ii) mengguna pakai dan memantapkan lagi pendekatan vokasional dan teknologi seperti yang diamalkan di negara Perancis dan Jerman iaitu 70% praktikal dan 30% teori;
- (iii) meningkatkan penglibatan pihak industri terutamanya dalam program *internship*;
- (iv) mengehadkan bilangan pengambilan pelajar kepada 10,000 orang sahaja supaya pelajar dapat memberi tumpuan kepada kemudahan mesin dan peralatan yang digunakan;
- (v) memastikan kurikulumnya menepati keperluan antarabangsa serta badan-badan profesional;
- (vi) memperkenalkan modul kemahiran insaniah ataupun *soft skill*, dengan izin.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita melihat konsep kolej universiti itu, sebenarnya kalau di luar negeri, dia bergantung kepada universiti induk untuk memberi ijazah, tetapi di

Malaysia pelik keadaannya di mana universiti atau kolej universiti yang berkemampuan mengeluarkan ijazah sendiri masih lagi digelar kolej universiti.

Soalan saya Yang Berhormat, kalau kita lihat dari segi sejarah, KUiTTHO, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, di kawasan abang kita Sri Gading dan juga Kolej Universiti Kebangsaan Kejuruteraan Teknikal Malaysia di Kuantan. Kedua-dua dahulunya adalah di bawah naungan UTM dan sekarang berkemampuan untuk menjadi satu universiti.

Saya hendak tanya bilakah keputusan Jemaah Menteri pada 20 September akan dilaksanakan dan status universiti itu akan dapat diberikan kepada kedua-dua universiti kerana kalau di Pahang masih lagi mendahagakan universiti, sampai sekarang tidak ada dan begitu juga di Johor mendahagakan universiti kedua. Apa jawapan daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan beliau, tetapi kalau Yang Berhormat menyentuh tentang ada bezanya kolej universiti kita berbanding dengan kolej universiti di seberang laut, itu memang ada perbezaan dan tidak semestinya kita meniru 100% atau mengikut cara dan modul negara asing. Walaupun demikian, suka saya hendak maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa penubuhan kolej-kolej universiti yang dimaksudkan itu sebenarnya adalah semata-mata untuk memberikan tumpuan terhadap satu-satunya pengajian khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Yang Berhormat tadi juga menyentuh tentang peringkat awal di mana kolej universiti yang berkenaan adalah di bawah bimbingan UTM, itu memang benar tetapi ianya bukan buat selama-lamanya. Lagi pun, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, berikutan dengan keputusan yang telah pun dibuat oleh Jemaah Menteri, sebenarnya masih lagi terdapat beberapa langkah susulan, umpamanya penyerahan hak milik dan juga aset kolej-kolej universiti yang berkenaan dan sebagainya. Ini memang kena ditangani dan kalau Yang Berhormat tanya bila agaknya ianya akan secara rasmi menjadi sebuah universiti *full pledge* dengan izin, mungkin ianya akan mengambil masa sedikit lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya memang setuju dengan langkah kerajaan untuk jangan terlalu tergesa-gesalah. Sebab kita lihat, saya ingin tanya Yang Berhormat, di Sabah contohnya berapa banyak kolej universiti yang berkualiti? Kalaupun kita memiliki universiti, seperti di negara Indonesia, seperti cendawan tumbuh, tetapi tidak berkualiti buat apa? Ini kena difikir, justeru itu kementerian ini harus memikirkan langkah-langkah yang bijaksana. Jangan bicara soal remeh-temeh yang tidak kena-mengena. Fokuskan bagaimana hendak menjadikan negara kita ini sebagai *hub* pendidikan antarabangsa.

Jangan terus-terus, memilih IPTA, IPTS dan kemudian dinaik taraf universiti, ini bukan satu langkah yang bijaksana, negara Eropah harus menjadi contoh. Saya setuju supaya memperbanyakkan bidang-bidang seperti vokasional untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar kita ini apabila keluar, mereka *marketable*, jangan sampai sekarang berpuluh-puluh ribu lulusan graduan, tetapi menganggur. Ini satu perkara yang harus ditangani dan harus dilihat secara bijaksana dan difikirkan secara bagaimana memartabatkan negara kita, misalnya memanggil pelajar-pelajar luar supaya mereka mengiktiraf akan pendidikan negara kita menjadi sumber kepada pendidikan antarabangsa. Minta penjelasan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang begitu bersemangat. Tetapi, sebelum saya jawab itu, saya sukalah hendak betulkan beberapa fakta yang disebut tadi. Sebenarnya ini negeri Sabah tidak ada sebarang kolej universiti..... [*Ketawa*] Ini yang pertama.

Yang keduanya penaiktarafan kolej-kolej universiti awam itu pun bukannya kita buat secara melulu dan ianya dibuat dengan sebab-sebab yang tertentu. Antara lain termasuk apa Yang Berhormat sebut tadi iaitu pengantarabangsaan. Sebab kita dapati bahawa selama ini khususnya dalam kebelakangan ini, apabila kita berusaha hendak menarik pelajar-pelajar antarabangsa dan juga pensyarah-pensyarah antarabangsa untuk berkhidmat di kolej-kolej universiti awam kita. Ramai di kalangan mereka ini beranggapan bahawa kolej universiti ini dari segi kualitinya tidak setaraf dengan universiti. Ini satu, tetapi

kita sedia maklum bahawa kolej-kolej universiti kita ditubuhkan semata-mata untuk memberi tumpuan kepada pengajian sains dan teknologi dan kejuruteraan dan kita memerlukan khidmat, dari golongan pensyarah-pensyarah ataupun tenaga akademik asing yang saya sebutkan tadi. Itulah sebabnya kita kena mengantarabangsakan, ini betul Yang Berhormat. Saya setuju dan saya berharap ianya akan dapat membawa berkat yang kita harapkan. Sesudah ia dinaik taraf menjadi universiti awam.

**11. Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan kursus-kursus yang paling 'populer' ditawarkan di IPTS dan statistik pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut. Berapakah jumlah dan peratusan pelajar terkini di IPTA dan IPTS yang berjaya dan yang tidak berjaya mendapat pinjaman PTPTN.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan dengan kursus 'populer' boleh diuraikan dalam dua definisi. Yang pertama kursus yang menerima banyak permohonan dan mampu untuk menampung sejumlah pelajar yang ramai.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang keduanya, kursus yang menerima banyak permohonan tetapi disebabkan oleh kapasiti yang terhad seperti jumlah tempat yang sedikit kemudahan, dan kurangnya tenaga pengajar profesional yang menyebabkan jumlah pelajar yang dapat diterima untuk mengikuti kursus itu adalah sedikit. Senarai kursus-kursus yang paling popular di IPTS yang didaftarkan sehingga 31hb Disember tahun lalu dan bilangan pelajar yang mengikutinya adalah seperti berikut:

Bidang Khusus	Bilangan Pelajar
Pentadbiran dan Perniagaan	95,172
Komputer dan teknologi	53,326
Kejuruteraan dan Kemahiran Teknikal	32,944
Program Asas	20,851
Pendidikan	18,521
Perubatan	11,962

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada aspek pinjaman pendidikan, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ataupun PTPTN menawarkan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang berjaya dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah pun ditetapkan oleh pihak PTPTN. Sehingga 31 Ogos tahun ini, PTPTN telah menerima sejumlah 924,819 permohonan pinjaman. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 901,368 iaitu sebanyak 97% pinjaman telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sejumlah RM15.4 bilion. Manakala sejumlah 23,451 kes permohonan telah pun ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kelulusan pinjaman mengikut jenis IPT, khususnya IPTA dan IPTS. Sejak tahun 1997 hingga tahun ini adalah seperti berikut:-

Institusi	Jumlah	Peratus
IPTA	714,300	79.25%
IPTS	187,068	20.75%

Bagi jumlah statistik permohonan yang tidak diluluskan dari tahun 2002 sehingga sekarang adalah seperti berikut:-

Institusi	Jumlah
IPTA	3,194 kes
IPTS	20,257 kes

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor-faktor yang menyebabkan PTPTN tidak meluluskan permohonan pinjaman adalah seperti berikut:-

- (i) maklumat dan dokumen sokongan semasa memohon tidaklah lengkap;
- (ii) permohonan kali yang kedua daripada pelajar yang masih belum menyelesaikan hutang dengan PTPTN disebabkan pernah gagal ataupun berhenti belajar dalam pengajian terdahulu;
- (iii) umur melebihi 45 tahun semasa memohon.

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menyusun strategi dan perancangan yang sentiasa mengutamakan kebajikan pelajar kita. Demi itu, kerajaan sedang dalam proses untuk meningkatkan lagi pendanaan PTPTN supaya matlamat kerajaan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang terbaik dapat direalisasikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kanowit.

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, daripada jumlah berpuluh-puluh ribu para graduan yang masih menganggur ini, apakah bidang kursus yang paling tidak laku ataupun yang sukar bagi graduan ini untuk mendapatkan pekerjaan?

Dan yang kedua, apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah graduan yang menganggur ini? Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan susulan Yang Berhormat bagi Kanowit, sebenarnya kalau kita hendak kaji secara rambang kursus-kursus yang dianggap sebagai kurang popular. Ia berbeza daripada kursus di mana siswazahnya payah hendak mendapat pekerjaan. Tetapi suka saya secara umum saya maklumkan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebenarnya ia banyak tertakluk kepada *supply and demand*, dengan izin. *Supply and demand*, sebab ada juga kursus popular di mana pelajar ini ataupun siswazahnya yang tidak dapat kerja ataupun payah hendak dapat kerja sesudah *graduate* selama 6 bulan, misalnya. Pada ketika ini, apa yang penting itu adalah sebelum kita memilih sesuatu kursus, perlu juga kita ambil tahu, ambil kira tentang keadaan *supply and demand* ini. Permintaan dan penawaran pasaran tenaga.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya juga hendak mengalu-alukan penyokong-penyokong kuat sahabat saya daripada Kinabatangan yang turut hadir di Parlimen pada hari ini. [Tepuk] Bukan sahaja daripada Ketereh, daripada Kinabatangan pun ada. Selamat Datang! Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat menyebut tentang kita hendak meningkatkan kualiti IPTS kita ini. Kita amat mengalu-alukan walaupun kita tahu masalah yang dihadapi. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, di hadapan mata kita ini. Yang berlaku samseng jalanan, vandalisme, gengsterisme, lepak dan sebagainya. Mereka ini tidak ada peluang hendak masuk universiti. Tetapi mereka ada kekayaan dari segi kemahiran individu, pelajar-pelajar tercicir ini.

Kalau kita bercakap soal hendak meningkatkan kualiti sahaja yang beratus-ratus ribu, puluh ribu pelajar tercicir ini, ke mana mereka hendak pergi? Sedangkan mereka ini kalau hendak meminta kerja, sudah tentu pendidikan asas yang akan ditanya. Sedangkan Yang Berhormat mengatakan tadi, siswazah menganggur masih ramai yang tidak ada tempat kerana hendakkan pengalaman. Inikan mereka yang menganggur daripada kalangan pelajar tercicir.

Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah lebih serius tentang ini yang akan, sedang dan telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya kita dapat sama-sama memartabatkan bidang pendidikan di dalam negara kita ini? Jadi saya berharap, janganlah Kementerian Pengajian Tinggi hanya setakat mengadakan kolej komuniti. kolej komuniti ini, berapa buah yang didirikan? Itu pun kalau setakat 9, umpama kata. Kursus yang disediakan, adakah merupakan kursus yang berkualiti? Jadi, kalau kita hendak menuju ke arah negara maju, perkara ini perlu kita selesaikan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tidak mahu isu pergaduhan, isu konfrontasi di antara menteri dan timbalan menteri atau mana-mana pihak kerana ini akan memburukkan keadaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, soal konfrontasi dan sebagainya, itu tidak ada kena-mengena dengan soalan yang kita bincangkan sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Ong Tee Keat:** Walau pun demikian, saya tetap nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan beliau terhadap mereka yang tidak dapat masuk ke IPT kita. Walau pun demikian, perlu saya menegaskan bahawa kementerian saya ini sememangnya mengambil serius dan berusaha serius untuk memastikan anak-anak muda kita khususnya mereka yang tidak dapat masuk ke IPT, dapat ditawarkan peluang alternatif untuk mengikuti kursus-kursus yang tertentu supaya mereka ini turut dapat menyumbang kepada masyarakat. Umpamanya, politeknik. Ini satu.

Yang keduanya, kolej-kolej universiti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat. Walaupun setakat ini belum dapat lagi kita hendak membina ataupun menubuhkan kolej-kolej komuniti ini di setiap kawasan Parlimen, tetapi ia merupakan satu titik tolak yang sangat bermanfaat. Selain daripada itu, saya kira bila kita menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membangunkan modal insan kita, ia tidaklah terhad sahaja kepada usaha kementerian ini. Bahkan ia merupakan satu usaha bersepadu yang melibatkan kementerian saya serta kementerian-kementerian yang lain. Itulah sebabnya. Kolej-kolej ataupun institut kemahiran itu tidaklah terhad sahaja kepada kolej komuniti. Dan saya kira dengan adanya perancangan sedemikian rupa yang menjurus ke arah ini, saya berharap mudah-mudahan ia akan dapat memberikan peluang yang lebih kepada anak-anak muda kita. Sekian.

12. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah kebijaksanaan Lembaga Pengarah Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan atau MOCCIS memperkenalkan syarat baru bahawa tabung yuran serta bonus para ahlinya hanya boleh dikeluarkan sepenuhnya apabila seseorang itu mencapai umur 75 tahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, koperasi merupakan sebuah entiti bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993. Ianya ditadbir oleh Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan mengurus segala aktiviti sendiri. Sebarang keputusan berhubung dengan pengeluaran yuran dan bonus sesuatu koperasi adalah dalam bidang kuasa anggota lembaga koperasi dan ia bergantung kepada kedudukan kewangan semasa koperasi serta syarat-syarat yang telah termaktub dalam perundangan koperasi. Kementerian difahamkan bahawa syarat yang dikenakan oleh pihak MOCCIS adalah untuk menjaga kepentingan koperasi dalam jangka masa yang panjang.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kementerian difahamkan pada masa ini MOCCIS sedang menghadapi masalah kewangan yang meruncing. Dalam hal ini, kementerian MECD terpaksa mengambil tindakan bagi memulihkan semula kedudukan kewangan MOCCIS. Siasatan awal Jabatan Pembangunan Koperasi melaporkan bahawa MOCCIS menghadapi masalah kewangan disebabkan pengurusan kewangan yang lemah. Pihak MOCCIS telah memohon kepada kerajaan untuk membantu memulihkan semula MOCCIS. Kerajaan pada masa ini sedang menimbangkan permohonan tersebut dan dalam proses mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini secara bijaksana. Terima kasih.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya MOCCIS berjasa kepada pegawai-pegawai muda di peringkat awal tahun 70-an dan 80-an dahulu di mana pegawai-pegawai muda ini dengan mudah mendapat

pinjaman untuk membeli kenderaan, rumah dan sebagainya. Tapi akhir-akhir ini, kemungkinannya masuk dalam pasaran saham 90-an maka merudumlah dana yang ada. Jadi walau bagaimanapun saya rasa masih tidak logik kalau dikekalkan umur 75 tahun itu baru memperoleh semula yuran-yuran, bonus dan sebagainya. Saya mohon budi bicara kementerian untuk menasihati Lembaga Pengarah itu agar ia kembali kepada yang asalnya. Apabila seseorang itu bersara, mereka dikembalikan yuran-yuran mereka itu pada umur 56 tahun.

Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kedudukan keahlian MOCCIS pada masa ini? Adakah bertambah, berkurangan atau statik dan baru-baru ini ataupun setahun dua dahulu, saya mendengar bahawa adanya sumbangan daripada kerajaan RM2 juta atau RM3 juta untuk membantu MOCCIS. Apa kedudukannya sekarang ini?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Antara syarat-syarat yang dikenakan, antaranya yang telah disebutkan iaitu sekiranya mereka ingin berhenti menjadi anggota, maka bayaran pertama 10% daripada jumlah yuran atau minimum RM500 dan bakinya akan dibayar secara berperingkat. Dari segi pembayaran syer bonus sehingga mencapai 80 ke atas. Sekiranya jumlah syer bonus kurang daripada RM20,000, bayaran akan dibuat sekali gus iaitu melebihi 20%, RM20,000 akan dibayar 40% daripada jumlah tersebut. Bagi mencapai umur 75 tahun hingga 79 tahun bayaran 20% daripada syer bonus.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, MOCCIS menghadapi masalah kecairan berpunca daripada pembelian saham pelaburan dalam syarikat bersekutu dan pelaburan dalam subsidiari yang tidak memberikan pulangan berikutan dengan kegawatan ekonomi pada pertengahan tahun 1997. Kesan daripada pelaburan tersebut, MOCCIS tidak berkemampuan untuk menahan situasi tertekan termasuk obligasi untuk membayar balik modal syer yuran anggota yang berhenti.

Walau bagaimanapun, mulai Januari 2005 MOCCIS telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 sebulan sebagai bayaran balik modal saham atau syer yuran ahli yang berhenti. Walau bagaimanapun, bayaran ini tertakluk kepada keutamaan lain seperti bayaran balik pinjaman bank kira-kira RM1.2 juta sebulan. Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, prestasi kewangan MOCCIS telah bertambah baik di mana mulai tahun 2003, MOCCIS mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM602.058 dan meningkat kepada RM1.8 juta pada tahun 2004. Itu dari segi pencapaian.

Manakala bagi tempoh Januari 2005 hingga 31 Mei, MOCCIS telah mencatat keuntungan bersih sebanyak RM2.9 juta. Sekiranya prestasi yang ditunjukkan ini berterusan, MOCCIS menjangkakan masalah tunggakan bayaran modal syer yuran anggota dan syer bonus kepada anggota akan dapat dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang. Buat masa ini dari segi keahlian, masih statik Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

13. **Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah kawasan IADP Kalaka-Saribas akan diperkembangkan untuk merangkumi kawasan di sebelah hulu Sungai Krian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, keluasan kawasan IADP Kalaka-Saribas adalah kira-kira 161,000 hektar meliputi daerah Kalaka dan Saribas dalam keluasan yang berpotensi untuk dibangunkan iaitu sebanyak 61,000 hektar iaitu sebanyak 1,497 hektar telah dibangunkan sehingga kini yang ditanam dengan buah-buahan seperti nanas, limau dan mangga serta tanaman kontan seperti jagung dan sayur-sayuran.

Tumpuan kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk membangun atau menaik taraf infrastruktur agar kawasan-kawasan lain yang berpotensi di dalam IADP Kalaka-Saribas yang masih belum dibangunkan akan dapat dimajukan. Memandangkan kawasan Sungai Krian adalah di luar kawasan IADP Kalaka-Saribas

kementerian tidak bercadang untuk merangkumi kawasan berkenaan dalam masa terdekat ini. Terima kasih.

**Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya mohon soalan ini dijawab supaya Dewan yang mulia ini juga tahu usaha-usaha IADP iaitu *Integrated Agricultural Development Program* itu telah berjaya di kawasan Samarahan, berjaya di kawasan Kalaka-Saribas dan rakyat di kawasan setengah daripada kawasan saya P205 Saratok itu telah menyaksikan kejayaan ini lebih-lebih lagi yang *the small holders*, petani-petani kecil itu. Jadi mereka juga ingin hadiah daripada IADP ini.

Jadi apa kata kalau kita bercadang supaya kawasan ini diperbesarkan sedikit supaya mereka yang ingin mengusahakan ladang mereka sendiri seperti yang diusahakan oleh FELCRA, SALCRA dan FELDA boleh juga faedah daripada ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang faham kalau dapat kawasan IADP ini diperluaskan. Kalau ikut betul-betul Yang Berhormat, kawasan saya yang terdekat iaitu Batang Lupar. Saya pun minta ianya diperluaskan kawasan saya tetapi buat masa ini dengan peruntukan yang ada, kita cuba dahulu memantapkan, kita memberi manfaat kepada kawasan itu dahulu di mana ada 12,000 keluarga tani. Jadi selepas itu kita akan mempertimbangkan. Namun Yang Berhormat, kita tidak menghalang Yang Berhormat untuk menulis secara rasmi supaya dipertimbangkan. Terima kasih.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(p)**

**MERUJUK Y.B. DATUK DR. AWANG ADEK HUSSIN KEPADA  
JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**

**&**

**MERUJUK Y.B. SENATOR DATO' SRI MOHD. EFFENDI BIN NORWAWI KEPADA  
JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**

**11.30 pagi.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) untuk merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Dengan itu Usul ini tidak perlu notis dan saya ada satu salinan untuk membantu Tuan Yang di-Pertua supaya saya boleh bacakan Usul itu. *[Memberikan salinan Usul kepada Setiausaha Dewan Rakyat]*

Usul yang saya kemukakan di bawah Peraturan 26(1)(p) ialah berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), Dewan ini menetapkan untuk ;

- (i) merujuk Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Datuk Dr. Awang Adek Hussin kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) yang menyatakan bahawa mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu. Berhubung dengan jawapan beliau semasa soal jawab di Dewan Rakyat pada hari Selasa 7 November 2006 ialah soalan nombor 2 oleh Ahli Parlimen Gua Musang Yang Berhormat Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah bahawa bumiputera memiliki saham ekuiti sebanyak 36.6% di Bursa Saham bernilai RM78.4 bilion pada 31 Disember tahun lepas berbanding dengan 46.9% atau RM1.4 bilion untuk bukan bumiputera dan 16.45% atau RM35.2 bilion untuk orang asing

kerana Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Senator Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi telah berkata bahawa Timbalan Menteri Kewangan telah membuat kenyataan yang silap dan tidak tepat yang telah jelas memesongkan Dewan dan negara.

- (ii) untuk merujuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana penghinaannya terhadap Dewan dengan tujuan untuk membetulkan kenyataan di atas yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan di luar Dewan Rakyat dengan mengeluarkan satu kenyataan malam kelmarin bahawa kenyataan Timbalan Menteri Kewangan itu adalah tidak tepat kerana peratusannya sepatutnya ialah 21.8% kerana kaedah yang silap telah digunakan. Pertama angka 36.6% bagi tahun 2005 itu tidak tepat kerana sejumlah 45% daripada hak milik syarikat penama telah diperuntukkan kepada kaum bumiputera apabila ia nya seharusnya berada pada paras sekitar 8.3%. Dan yang kedua, ianya menganggap bahawa ekuiti yang dipegang oleh agensi-agensi kerajaan juga dimiliki bumiputera. Sesuatu penjelasan terhadap mana-mana kenyataan kerajaan yang dibuat di dalam Dewan harus di buat di dalam Dewan. Jikalau tidak, ianya secara terang-terang merupakan satu penghinaan terhadap Parlimen dan dalam kes ini penghinaan sebegini menjadi keadaan lebih teruk kerana ianya disediakan untuk Perhimpunan Agung UMNO dan bukannya untuk memperjelaskan satu kenyataan memesongkan yang telah di buat di Parlimen.

Ini mustahak oleh kerana kita sekarang tiada orang tahu bagaimana boleh percaya statistik yang dikeluarkan oleh kerajaan. Satu hari kata bahawa angka ASLI 45% yang dicapai oleh bumiputera dan *Malaysia Company* tidak benar, selepas itu kajian Fazilah - Universiti Malaya bahawa tahun 1997 sudah sampai 33.7% untuk bumiputera dalam *listed companies* pun tak tepat. Sekarang bahawa kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa 36.6% yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini tak tepat. Nampaknya tak boleh dipercayai lagi Unit Perancang Ekonomi *figure statistic* dan itu satu perkara yang penting supaya integriti, kemuliaan Dewan ini dijaga dan tidak ada sesiapa boleh dibenarkan datang ke Dewan ini untuk buat kenyataan yang tidak betul atau dibetulkan di luar Dewan, khasnya apabila Dewan persidangan masih diteruskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi iaitu untuk merujuk kementerian yang berkenaan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mengikut peruntukkan 26(1)(p) iaitu dan juga mengikut peruntukan yang lain 36 mengelirukan Dewan.

Saya bersetuju bahawa adanya timbul kekeliruan dari segi statistik yang bercanggah dan saya setuju pada permukaannya sahaja adanya percanggahan dari segi kenyataan perangkaan-perangkaan yang disebutkan oleh tokoh-tokoh yang tertentu. Walau bagaimanapun, timbulnya kekeliruan tidak semestinya kementerian-kementerian yang berkenaan hendak mengelirukan Dewan dan saya sendiri percaya bahawa mereka tidak ada mempunyai niat untuk mengelirukan Dewan.

Jikalau sekiranya ada percanggahan mengenai perangkaan yang disebutkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu, maka saya harap bahawa kementerian-kementerian yang berkenaan akan dapat memperjelaskan pada masa-masa yang tertentu dalam Dewan ini. Oleh itu, perkara ini tak payahlah nak disebut lagi dan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, hari itu kita ada pinda Peraturan Mesyuarat 36 (12). Khasnya untuk keadaan macam ini. Kalau begitu kenapa kita pinda Peraturan Mesyuarat? ialah mengenai keadaan ini supaya tidak ada sesiapa yang boleh datang ke Dewan ini untuk memberi kenyataan yang memesongkan Dewan yang mulia ini. Itulah sebab kita ada 36(12). Adakah ini oleh kerana boleh digunakan

terhadap Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor *suspend* beliau untuk sembilan bulan sahaja? Untuk *ratify* sesuatu isu yang sangat untuk *unparliamentarily and unlawful*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, saya setuju tapi tidak ada saya nampak dalam mengikut situasinya dan mengikut keadaan tidak ada niat untuk mengelirukan dan memesongkan Dewan.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007**

##### **Jawatankuasa**

Aturan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. "**[Hari Keenam]**

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Maksud B.21 [Jadual] –**

**Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk di bahas. Saya jemput sekarang Yang Berhormat dari Kementerian untuk menyambung jawapan.

**11.37 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya ingin menyambung dari semalam iaitu hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mengenai kajian-kajian MARDI dan apakah koordinasi di antara MARDI dan juga jabatan-jabatan di bawah kementerian. Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk menjalin kerjasama dua hala MARDI dengan jabatan atau agensi pertanian bagi memastikan bahawa maklumat teknologi yang terbaru kepada jabatan dan agensi dalam pelaksanaan projek-projek mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi sistem penyampaian teknologi dimantapkan melalui kaedah latihan dan kursus teknikal projek peningkatan skala dan projek perintis bersama-sama pengusaha. Khidmat bimbingan usahawan seperti rundingan teknologi, pembangunan sistem pengeluaran, latihan sangkut dan pembangunan produk. Khidmat sokongan usahawan seperti nasihat teknikal, analisis makmal, klinik usahawan serta ceramah, promosi teknologi melalui media massa, seminar, pameran dan forum teknologi serta skim anak angkat MARDI. Yang Berhormat bagi Pasir Mas pula membangkitkan mengenai kursus-kursus yang perlu dilaksanakan kepada petani, nelayan dan penternak secara berterusan.

Untuk makluman Yang Berhormat, program latihan kepada petani-petani telah lama diadakan. Pada tahun 2007, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Haiwan mempunyai program latihan kepada nelayan, petani dan penternak dalam pelbagai bidang. Peruntukan disediakan pada tahun 2007 seperti berikut. Jabatan Perkhidmatan Haiwan iaitu berjumlah RM1.5 juta, Jabatan Pertanian iaitu RM2,972,500 dan Jabatan Perikanan RM15,300,000 dan agensi-agensi lain iaitu dalam RM10 juta. Kursus-kursus

yang ditekankan ialah kursus berbentuk perniagaan selaras dengan moto Kementerian Pertanian sekarang ini iaitu "Pertanian adalah perniagaan."

Mengenai Yang Berhormat bagi Pasir Mas juga yang bertanya mengenai benih padi iaitu adakah ditukar *variety* setiap dua atau tiga musim. MARDI sentiasa melaksanakan kajian dan penyelidikan bagi menghasilkan *variety* yang lebih stabil hasilnya dan rintang terhadap serangan penyakit dan perosak. Walau bagaimanapun MARDI memerlukan beberapa musim untuk mengkaji kesesuaian dan kestabilan sesuatu *variety* padi sebelum ianya diluluskan untuk digunakan oleh petani. Sebab kita mesti membuat percubaan, barulah kita *recommend* kepada petani. Mengenai masalah terbiar oleh Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Apa yang saya sebut dalam ucapan kelmarin iaitu pertama sekali saya mahu tahu apakah jenis-jenis padi yang terbaru yang dihasilkan oleh MARDI dan sejauh mana kejayaan daripada tahun-tahun lepas dengan percubaan yang dibuat pada tahun-tahun terakhir ini. Dan bilangan satu ekar tanah itu, kalau dahulu barangkali kita dapat 20, 30 guni satu ekar jadi sekarang ini saya rasa begitu berkurangan jadi apakah dari segi kesannya dengan perpindahan satu benih dengan satu benih baru. Minta penjelasan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di dalam Dewan yang mulia ini saya pernah menjawab beberapa soalan mengenai *varieties* baru yang diketemuka di bawah soalan bioteknologi. Jadi satu daripada antaranya adalah MRQ 219, MRQ 50 dan 74. Dan memanglah *variety* ini satu kalis penyakit dan satu memanglah dari segi penambahan daripada per hektar memanglah lebih dan ini adalah sesuatu jenis-jenis yang kita beri nama Mas Wangi di dalam pasaran iaitu beras wangi dan sebagainya.

Memang ada Yang Berhormat, tetapi kecuali untuk kita mengadakan *varieties* baru kita seharus mengadakan banyak masa yang digunakan untuk membuat percubaan di ladang. Kadang-kadang di makmal okay situasinya adalah terkawal tetapi kadang-kadang kita mesti menggunakan membawakan *variety* ini di ladang yang sebetulnya. Jadi itulah saya sebutkan tadi bahawa kita memerlukan dua tiga musim untuk kita betul-betul pasti bahawa *variety* ini boleh kita *recommend* kepada petani.

Jadi Yang Berhormat, mengenai yang secara *detailnya* Yang Berhormat sebenarnya di penghujung nanti saya akan mempelawa semua Ahli-Ahli Yang Berhormat datanglah ke MAHA iaitu Pameran Pertanian yang terbesar yang diadakan setiap dua tahun sekali. Jadi termasuklah *variety* itulah Yang Berhormat, jadi saya berharap Yang Berhormat datanglah Yang Berhormat ya, Terima kasih. Mengenai tanah terbiar tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah .....

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Tentang benih di ladang tadi ini. Saya ada di kawasan saya ramai petani-petani yang telah diambil oleh pengilang-pengilang untuk menanam padi untuk biji benih. Di mana padi ditanam di ladang petani tersebut digunakan sebagai benih. Apa yang saya dapati petani-petani ini benih-benih ataupun padi itu dijaga dengan baik bahkan kita boleh kata macam orang jaga anak kecil dikutip habis segala macam penyebab penyakit macam rumput dia cabut, kemudian siput dia kutip.

Maknanya dia jaga betul-betul kalau kita bandingkan dengan petani-petani menanam padi di ladang dia maknanya hasil dia tentulah meningkat mungkin sampai lapan tan. Bagaimanakah kementerian akan membawa konsep ini ke dalam ladang yang sebenarnya berbanding dengan ladang yang digunakan oleh kilang tersebut untuk mengeluarkan benih. Maknanya bila dia masuk ladang dia sendiri dia tidak jaga sampai ke tahap macam jaga budak kecil tersebut. Sila.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat, apa Yang Berhormat katakan itu memang satu daripada konsep yang kita gunakan. Saya ingin memaklumkan di sini Yang Berhormat, benih ada dua, satu benih baik dan satu benih sah. Jadi kadang-kadang apa yang dibuat oleh kilang-kilang ini mungkin sebab mereka banyak petani-petani pergi kepada mereka untuk membeli benih-benih seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Tetapi Yang Berhormat, satu kami ingin syorkan di sini bahawa itu kalau kilang itu tidak diiktiraf oleh kementerian itu mungkin dikategorikan benih baik. Tetapi yang kami hendak pastikan mulai tahun hadapan iaitu semua petani menggunakan benih sah (*certified*) dalam bahasa Inggerisnya *certified versus good seed*. Jadi yang *good seed* ini murah Yang Berhormat *certified* ini mahal sedikit tetapi itu pun tidak apa kami ada subsidi kita ini segala-gala subsidi.

Kami pun ada bantuan juga tetapi ini sebab tahun hadapan kita akan keluarkan program ini dan taklimat akan diberikan. Kami berharap dan untuk MARDI sahaja mengeluarkan benih ini memang tidak mencukupi sebab itu kita minta nanti LPP dan beberapa petani-petani yang kita akan pilih untuk mengeluarkan benih sah ini macam Yang Berhormat katakan. Macam kita bela budak kecil-kecil ini siap sekali dengan semuanya di bawah kawalan yang terbaik Yang Berhormat, terima kasih. Mengenai tanah terbiar ini, memanglah kita ada mengambil beberapa tindakan iaitu untuk meningkatkan sistem saliran di tanah-tanah terbiar untuk meningkatkan sistem tali air, untuk meningkatkan sistem penggunaan rumah pam dan untuk memperbaiki pintu kawalan atau kemudahan kawalan air. Sebab tanah terbiar kalau dengan saliran yang baik kita boleh gunakan tanah itu.....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin bangun. Sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Setiausaha Parlimen, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ini tentang terbiar. Memang banyak usaha sedang dijalankan oleh Kementerian Pertanian untuk mengusahakan ataupun memajukan kawasan yang terbiar ini. Tetapi apakah cadangan kementerian yang mana di Jasin di kawasan saya dahulu banyak tanah terbiar tetapi 1,440 ekar telah dibangunkan dengan Melaka-Nilai yang pada hari ini sudah jadi tanah terbiar balik.

Begitu juga kawasan-kawasan yang telah dibangunkan kolam-kolam udang harimau di Serkam, di Pulau, di Tedung yang satu ketika dahulu memanglah ada ternakan udang harimau, tetapi sekarang setelah dua tahun sudah terbiar balik. Apakah kementerian akan lakukan untuk tanah-tanah atau projek-projek yang dahulu telah kita usahakan kita telah pulihkan tanah itu tetapi oleh kerana di mana silapnya yang telah bangun ini akan jadi terbiar balik. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Ketawa dia orang.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Insya-Allah sebab seperti dikatakan tadi yang di Pasir Mas tadi sebab itu agaknya masalah pengairan yang banyak di sana tetapi di tempat lain Yang Berhormat yang mana di bawah *inventory* kementerian kita memang sekarang ini ada skim-skim untuk kita memastikan bahawa semua tanah-tanah terbiar di bawah program-program di bawah kementerian akan diusahakan semula. Jadi Yang Berhormat di sini ingin memastikan bahawa pegawai-pegawai saya ada mencatat bahawa ada 1,440 ekar tanah dahulunya kita tanam dengan Melaka *delight* dan juga kolam-kolam udang di Serkam dan juga di Pulau akan diambil di dalam catatan mereka supaya kita nanti sama-sama akan mencari jalan. Sebab masalah sekarang ini Yang Berhormat sebenarnya kita tidak cukup tanah, dan masalah tanah ini kerajaan negeri.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Jadi oleh yang demikian saya berharaplah semua ini dicatat dan kita akan sama-sama berusaha Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih, terima kasih. Berkaitan dengan benih padi ini. Saya ingin tahu sama ada benih padi yang sah ini ke tidak sah tidak berbangkit. Pokoknya adakah satu jenis benih padi ini mencakupi seluruh jenis tanah sama ada tanah itu berpasir, *sandy soil* ataupun tanah itu tanah liat. Sebab kalau kita lihat benih biji tembakau itu dia berbeza tanah liat benih lain tanah berpasir benih lain. Tetapi adakah padi ini sama sahaja? Benih-benih tanah yang berpasir pun diguna benih yang sama, tanah liat pun benih yang sama, tanah tinggi benih yang sama, tanah lumpur dalam pun benih yang sama. Saya ingin dapat penjelasan.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah katakan dari segi jenis tanah itu pun berlainan jadi *variety* pun ada bermacam-macam *variety* Yang Berhormat. Sebab itu tadi kita katakan apa-apa *variety* baru yang kita hendak olahkan, kita *test* kan dulu di tanah tersebut. Jadi lain Yang Berhormat, jadi itu juga pergilah ke MAHA, kita akan tunjuk beberapa *variety* padi. Jadi Yang Berhormat bolehlah nanti rekomen kepada petani Yang Berhormat ya untuk menggunakan jenis-jenis yang berlainan. Dan semua ini ada, jadi kita sah tadi dan baik tu, itu yang masalahnya. Ada orang dia tidak boleh tunggu lagi, dia guna benih-benih yang merata saja yang mana membawa penyakit Yang Berhormat. Ini yang kita hendak semua petani menggunakan benih yang sah atau *certify*.

Mengenai kursus disebutkan dengan panjang lebar, Yang Berhormat telah bertanya mengenai kursus. Kursus yang diadakan memang terbahagi kepada kursus motivasi kepada petani dan pemimpin masyarakat seperti ketua-ketua unit, pengarah pertubuhan peladang. Lepas itu kita ada kursus berbentuk teknikal iaitu di mana kita ada kursus untuk kita menyampaikan kepada projek 10 tan padi, pengurusan makhluk perosak, kursus akaun, kursus pengurusan air dan bermacam-macam lagi kursus. Jadi Yang Berhormat ada mencelah sedikit sebanyak mengenai bezanya pengerusi lama dan baru KADA. Jadi Yang Berhormat, tidak kira pengerusi insya-Allah dasar itu kena ikut. Jadi bagi kami Yang Berhormat, bahawa semua petani akan dijaga. Jadi ada dasar pembahagian padi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Sekejap Yang Berhormat, biar saya habis. Dan dasar pembahagian padi sekarang adalah kepada semua petani iaitu slogan "*Baja untuk Semua*".

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Pengerusi, saya tidak hendak mencelah cuma hendak jelaskan apa yang ditimbulkan, kalau mencelah itu makna lain. Tapi saya cuba jelaskan sikit apa yang saudara saya, Yang Berhormat dari Pasir Mas sebab dia keliru sikit, ada timbul kekeliruan. Sebab baja sekarang ini diarah beri semua sekali oleh pengerusi KADA, tidak ada diskriminasi parti. Apa pun bentuk ada ideologi asalkan rakyat kita beri semua kalau dia menanam padi, itu satu.

Yang keduanya, kursus-kursus yang diberi memang berbentuk motivasi, satu kesedaran bagaimana hendak menanam padi, meningkatkan mutu, ini diberi begitu. Ada seorang dua yang minat dengan UMNO itu cerita lain, PAS dok buat pun ada juga yang minat. Jadi itu *just* nak betul, saya sokong apa yang dicakapkan oleh Pasir Mas semalam.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, sebab itulah kita katakan "*Baja untuk Semua*". Yang Berhormat bagi Serdang bertanya mengenai penternak tidak berani hendak melabur secara besar-besaran, penternak babi tidak berani hendak melabur secara besar-besaran sebab dari segi beberapa kesangsian yang dibangkitkan dalam penternakan babi. Untuk makluman Yang Berhormat, lesen adalah digunakan sebagai alat .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Mas bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa kita makna kementerian tidak cukup tanah. Jadi saya belum jelas, hendak penjelasan bagaimana kementerian kata bahawa tidak cukup tanah sedangkan di sana tanah-tanah pertanian kita terbiar, satu.

Dan yang kedua, tanah-tanah pertanian kita dipenuhi dengan air yang tidak ada saluran untuk mengeluarkan air daripada tanah pertanian yang menjadikan orang tinggal. Air terlalu banyak kerana kita hanya mempunyai saluran masuk sahaja tapi kita tidak mempunyai saluran buang. Kalau ada saluran masuk pun tidak sempurna dan kalau ada saluran buang pun tidak sempurna. Jadi itu yang saya katakan, jadi bagaimana nak mengatasi masalah ini? Barangkali petani-petani dia ambil tak kisah perkara-perkara tersebut jadi pegawai-pegawai kitalah yang mesti membuat pemantauan daripada bulan ke bulan sehingga air yang datang daripada sungai ini tidak dibuang begitu sahaja.

Jadi apa yang saya hendak pastikan bahawa, sebenarnya tanah cukup Yang Berhormat, tanah cukup tanah kita banyak cuma di sana ada satu pelanggaran akta iaitu tanah-tanah pertanian kita banyak dicerobohi dengan rumah-rumah baru. Itu satu hal juga tapi tidak melibatkan kawasan-kawasan sawah yang berada di pedalaman, di pinggir-pinggir jalan saja. Jadi apa saya tekankan pertama sekali, tanah cukup. Yang kedua, tanah ini terbiar kerana air banyak. Saluran masuk ada, saluran keluar tidak ada. Jadi bagaimana hendak mengimbangkan di antara dua perkara ini sehingga tanah-tanah kita tidak terbiar dan akhir sekali menjadi satu kerugian yang besar kepada negara.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu tadi saya menjawab bahawa kita meningkatkan sistem pengairan iaitu masuk dengan keluarnya, satu. Tapi Yang Berhormat, masih juga saya ingin tekankan memanglah kami berterima kasih kepada semua kerajaan negeri, telah memberi kerjasama kepada kami di bawah satu program iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Sebab kita hendak syorkan setiap negeri ada digazetkan tanah tetap untuk pengeluaran makanan dan tidak dicerobohi macam Yang Berhormat katakan dengan skim-skim perumahan. Jadi kami berharap, tapi ini adalah peranan kami di kementerian dan kita memang bawa agenda ini sentiasa di dalam mesyuarat bersama dengan menteri-menteri besar dan ketua menteri supaya kita ada satu jalinan kerjasama ini.

Yang Berhormat bagi Serdang, ini mengenai penternakan babi. Lesen adalah digunakan sebagai alat *regulatory* mengawal penternakan babi bagi menentukan yang penternak sentiasa akur kepada peraturan yang ditetapkan. Ini bertujuan membolehkan industri babi terus maju dan berkembang tanpa mendatangkan masalah pencemaran dan isu-isu sosial. Isu lesen tidak boleh digunakan sebagai ketidaksungguhan kerajaan menyokong atau meneruskan industri babi. Hingga kini di sebalik alasan yang diberi penternak, kerajaan tidak pernah menyekat perkembangan industri jika mereka akur kepada peraturan seperti yang ditetapkan menerusi enakmen penternakan babi yang diwujudkan di setiap negeri.

Ada Jawatankuasa ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Industri Babi telah pun diwujudkan di peringkat pusat dan negeri sejak 1992 lagi. Menerusi kegiatan Jawatankuasa ini dan input dari persatuan-persatuan penternak, tumpuan yang lebih jelas dan fokus telah dapat dibuat menerusi pelan penyusunan semula industri babi maka ini mewujudkan konsep kawasan penternakan babi atau dengan izin *Pig Farming Area* (PFA). Konsep PFA ini menekankan semua aspek pencemaran iaitu dari segi bau, bunyi, penglihatan dan juga lalat dan sensitiviti sosial. Bagaimanapun pelaksanaannya bergantung kepada komitmen kerajaan negeri menetapkan atau mengenal pasti kawasan yang sesuai dalam sesebuah negeri berkenaan. Hingga kini hanya negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan yang memberi komitmen terhadap pembangunan PFA. Negeri-negeri lain belum lagi menyatakan komitmen mereka. Ini menyulitkan pelaksanaan arahan Jemaah Menteri yang menghendaki supaya mulai 1 Januari 2007, semua ladang babi harus beroperasi di PFA yang ditetapkan.

Mengenai Yang Berhormat bagi Mambong iaitu dari segi mengenai racun perosak. Di Malaysia, semua aktiviti yang berkaitan dengan racun perosak dikawal di bawah Akta Racun Makhhluk Perosak 1974. Badan yang bertanggungjawab melaksanakan Akta ini adalah Lembaga Racun Makhhluk Perosak di bawah Kementerian Pertanian dan Industri

Asas Tani. Objektif utama akta ini adalah bagi memastikan racun perosak dikawal dan diurus dengan sempurna berlandaskan kepada konsep pembangunan mampan.

Jadi pertanyaan Yang Berhormat iaitu kawalan pendaftaran racun makhluk perosak. Semua racun perosak mesti didaftarkan terlebih dahulu dengan Lembaga sebelum boleh diimport di kilang, dijual dan digunakan di negara ini. Sebelum sesuatu racun perosak didaftarkan, ia akan dinilai dari aspek berikut iaitu keberkesanan, kesan *toxic city* kepada manusia dan alam sekitar, kesan *residue* di dalam komoditi pertanian, sifat-sifat kimia dan fizik, analisis makmal bagi menentukan kandungan bahan aktif dan juga mutu sesuatu racun perosak. Jadi pendaftaran sesuatu racun perosak hanya untuk tempoh lima tahun sahaja dan perlu didaftarkan lagi bagi membolehkan Lembaga mengkaji semula kesesuaiannya jika terdapat apa-apa kesan buruk yang berlaku.

Mengikut kehendak akta, semua racun perosak mesti didaftarkan dengan lembaga sama ada racun perosak yang lama mahupun yang baru diperkenalkan. Pada masa ini terdapat kurang lebih 250 bahan aktif yang didaftarkan oleh lembaga yang terdiri daripada 1,500 racun perosak pelbagai jenama yang didaftarkan oleh 150 syarikat. Melalui sistem pendaftaran yang sedia ada, lembaga telah membuat beberapa keputusan untuk mengharamkan beberapa racun perosak yang didapati mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

Di antara racun perosak yang telah diharamkan di negara ini adalah, DDT, 245T, Chlordane, Deildrin, Heptachlore, Sodium PCP. Jadi kawalan pelesenan menjual dan menyimpan racun perosak, semua premis yang menjual dan menyimpan racun perosak untuk tujuan jualan mesti memperoleh lesen daripada lembaga. Tujuan lesen dikeluarkan adalah bagi memastikan bahawa racun perosak dipamerkan dan disimpan mengikut syarat-syarat yang ketat bagi mengelakkan kepada pencemaran makanan dan juga alam sekitar. Di antara syarat-syarat lesen yang dikenakan iaitu:

- (i) hanya premis-premis yang mempunyai kelengkapan penyimpanan yang sempurna sahaja akan diberi lesen untuk menjual racun perosak kelas 1A dan kelas 1B;
- (ii) mempamerkan papan tanda tidak membenarkan racun perosak dijual kepada orang di bawah 18 tahun;
- (iii) mempamerkan papan tanda larangan merokok;
- (iv) mempunyai pengedaran udara yang baik;
- (v) mempunyai alat pemadam api.

Kelayakan pendidikan pemohon, semua pemegang lesen disyaratkan mengikuti kursus pengendalian racun perosak yang dikendalikan oleh lembaga yang merangkumi aspek-aspek pengurusan racun perosak yang sempurna.

Yang Berhormat bagi Mambong juga membangkitkan isu penternak udang yang menggunakan antibiotik untuk mengelakkan serangan penyakit kepada udang ternakan. Penggunaan antibiotik yang dilarang seperti nitroforans akan menyebabkan hasil mereka tidak boleh diterima di kebanyakan negara jika masih ada kesan antibiotik tersebut dalam daging udang.

Penternak udang tidak perlu menggunakan antibiotik jika mereka mengamalkan amalan pertanian baik. Antara amalan yang baik ialah menggunakan kadar pelepasan dengan izin, *stocking rate* yang disyorkan seperti 25 hingga 30 ekor benih udang harimau setiap meter persegi permukaan air. Penternak juga perlu mengamalkan pengurusan yang baik termasuk mengawal kualiti air, menggunakan benih yang sihat dan menggunakan makanan udang yang bebas dari antibiotik. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga melaksanakan Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia atau (SPLAM) di mana penternak akuakultur yang mengikuti garis panduan amalan akuakultur diberi sijil perakuan yang menjamin hasil ternakan mereka adalah selamat dimakan.

Yang Berhormat bagi Puatatan dan Yang Berhormat bagi Bukit Mas, telah membangkitkan isu...

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Mengenai penternakan akuakultur ini, di tempat saya ramai orang ternak ikan tilapia merah ini di dalam sungai-sungai MADA. Apa yang menjadi keluhan mereka adalah tentang pasaran ikan-ikan air tawar ini, biasanya mereka hanya menjual secara *fresh* ataupun tangkap dan jual begitu di pasar tani dan juga di tepi-tepi kolam. Apakah matlamat sebenarnya kementerian memperbanyakkan penternak-penternak sebegini padahal produk hiliran tidak dicari ataupun ditemui.

Misalnya kalau kita lihat ada inisiatif persendirian penternak ini buat ikan pekasam dia pek di dalam *packaging* yang elok kemudian ia tahan lama sedikitlah. Jadi saya menyeru kepada kementerian ataupun MARDI boleh kita membuat satu kajian supaya ikan pekasam ini dibuat macam ikan sardin masuk dalam tin mungkin boleh di pasarkan lebih luas ataupun tahan lebih lama.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu daripada tujuan kita menggalakkan penternak-penternak tilapia merah ini adalah untuk menambahkan sumber-sumber protein melalui ikan dan Yang Berhormat pada masa ini memang ramai daripadanya menjual *fresh* atau segar, tetapi sebenarnya banyak pasaran sekarang ini ada untuk membeli *fillet* yang membuat *fish burger* dan sebagainya, *fillet* untuk sebagai industri hiliran. Saya berharaplah pihak-pihak perikanan atau LPP atau MARDI sama-sama juga akan memberi kursus lagi kepada penternak ikan-ikan ini mengenai beberapa lagi yang boleh dibuatkan, yang menambahkan nilai sebenarnya tilapia merah selain daripada dimakan *fresh*.

Terima kasih Yang Berhormat, mungkin MARDI juga akan mencatat sebab sekarang Yang Berhormat, untuk maklumat kita ada Pusat Pekasam Negara di Lenggong dan mungkin akan membuat kajian mengenai menggunakan tilapia merah untuk menjadi bahan pekasam tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Putatan dan Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah membangkitkan isu pencerobohan pukut tunda di perairan pantai yang mengganggu nelayan-nelayan tradisional. Semua agensi penguat kuasa maritim termasuk Jabatan Perikanan Malaysia telah meningkatkan operasi pada tahun ini.

Di Sabah sahaja, sebanyak 97 kes melibatkan nelayan tempatan telah berjaya ditahan sehingga Oktober 2006 berbanding dua kes dalam tahun 2005. Di Sarawak, 21 kes telah ditahan sehingga Oktober 2006 berbanding 23 pada tempoh yang sama tahun 2005.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas juga membangkitkan isu nelayan Limbang yang ditahan oleh negara jiran Brunei Darussalam. Seramai lima orang nelayan sejak 2004 hingga sekarang telah ditahan dan didenda oleh Kerajaan Brunei Darussalam kerana menangkap ikan di negara tersebut tanpa kebenaran.

Kita mesti menghormati undang-undang negara lain seperti mana kita hendak nelayan asing menghormati undang-undang kita. Oleh itu adalah dinasihatkan supaya nelayan kita berhati-hati supaya tidak termasuk ke perairan negara jiran. Ini Tuan Pengerusi pun faham. Kita galakan mereka mengguna alat seperti GPS iaitu *Global Positioning System* supaya mereka sentiasa mengetahui kedudukan mereka di laut, kita tidak masuk dalam kawasan orang.

Yang Berhormat bagi Putatan membangkitkan mengenai program perlindungan dan pengurusan penyu. Untuk maklumat Yang Berhormat, TUMEC, *Turtle* dan *Marine Ecosystem Centre* di Rantau Abang Terengganu, adalah pusat yang menjalankan penyelidikan mengenai perlindungan dan pengurusan penyu dan haiwan marin yang terancam. Garis panduan yang dikeluarkan oleh pusat ini telah digunakan untuk mengurus kawasan perlindungan penyu dan TUMEC juga membangunkan kaedah pengeraman dan penetasan telur penyu. TUMEC sentiasa memberi kerjasama kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk merancang dan melaksanakan program perlindungan dan pengurusan penyu.

Di Semenanjung sahaja, sebanyak 173,544 telur penyu pelbagai spesies telah dieramkan dan 103,616 telah menetas dan dilepaskan ke laut pada tahun 2005. Oleh

kerana penyu adalah haiwan yang berhijrah jauh merentasi sempadan perairan negara, maka.....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa bilangan penyu sudah berkurangan dengan dahsyat sekali dan saya hendak tanya mengapa di Rantau Abang ini telur yang dieramkan begitu banyak, tetapi akhirnya bilangan penyu sudah kurang. Apakah faktor-faktor dan bagaimana pihak kementerian dapat mengatasi?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan, sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Saya baru-baru ini pergi ke pasar di Kelantan dan nampak di pasar ada jual telur-telur penyu RM1.50 sen sebiji banyak di sana. Mengapa telur penyu boleh dijual secara terbuka?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, yang pertama Yang Berhormat bagi Kepong, kenapa kurang, mungkin dalam perjalanan itu dia dimakan, digigit sebab dia berjalan jauh Yang Berhormat. Saya tadi hendak sampai situ, baru kepada Yang Berhormat bagi Bagan.

Sebab di sini, saya diberitahu dia berjalan jauh. Dia merentasi sempadan macam-macam negara. Jadi mungkin *jaws-jaws* yang di tempat-tempat di bawah tu.

Maka kita perlu bekerjasama sebenarnya dengan negara-negara lain. Bila kita dah ditetaskan, dah dieramkan dan sebagainya, kita bekerjasama dengan negara ini supaya mereka dalam habitat semula jadi. Tapi dengan kerjasama negara-negara ini ianya betul-betul dapat membesar supaya populasi penyu ini tidak berkurangan dan terhakis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Putatan, Yang Berhormat

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya habis *sentence* Tuan Pengerusi..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Belum lagi. [Ketawa]

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** *Sentencenya* tergantung. Itulah sebabnya kerajaan Malaysia bersetuju untuk menandatangani 'The Indian Ocean and South East Asian MOU on Turtle'. (IOSEA). Jadi Malaysia juga telah dilantik sebagai negara peneraju dalam pengurusan penyu di kalangan negara Asean.

Sebelum YB, tadi Yang Berhormat bagi Bagan, saya.. sebab yang di belakang Yang Berhormat tu semua pegawai-pegawai ada. Mereka akan ambil kira. Tetapi saya tahu di Sarawak memang *dibanned*, diharamkan penjualan telur-telur penyu. Tapi penyeludupan telah berlaku iaitu masuk daripada Indonesia ke pasaran. Jadi sebenarnya berbalik kepada *demand and supply* Yang Berhormat sebab ada yang membeli, jadi ada yang menjual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen. Bukan Lular, *Super*. Saya ingin menekankan lagi kepada butiran 273300 iaitu Penguatkuasaan dan Pelindungan. Apabila Yang Berhormat menyentuh tentang persetujuan antara negara-negara Asean melalui 'Indiana Ocean Turtle Conservation and Protection' yang saya percaya telah dimeterai oleh semua negara di dalam kawasan Asean.

Tetapi apa yang pendapat saya, saya dibagi fahaman yang saya fikir jelas bahawa pihak Indonesia enggan menandatangani persetujuan ini dan Filipina pun tidak bersetuju. Jadi hanya negara kita dan sebilangan kecil sahaja negara kita yang bersetuju. Jadi apabila kita menguatkuasakan perjanjian ini, maka tidak tercapai kerana negara Indonesia ini masih makan penyu. Dijual dengan berleluasa di kedai-kedai *open market*. Jadi saya ingin menyentuh dengan satu projek di Pulau Upih di Melaka.

Bahawa Dr Junaidi Ketua Pengarah Perikanan. Baru-baru ini dalam *Straits Times* pada November minggu yang lepas dengan usaha Kementerian Pertanian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ok, masa jangan panjang sangat Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Ada berkaitan ini, ada banyak surat khabar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekarang minta penjelasan sahaja Yang Berhormat bukan berucap.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Jadi saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Soal yang gambar yang saya nampak ni yang di..telur-telur penyu ni dijual di Terengganu. *Sabah Turtle Eggs, we are agents "plan"*, yang dijual di *Payang Central Market* di kalau kawasan Yang Berhormat "...." Kuala Terengganu. Jadi yang dinyatakan di sini ialah telur dari Sabah yang dijual. Jadi soal penguatkuasaan dan perlindungan yang sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Lular tadi sebagai yang Yang Berhormat bagi Bagan kata juga di Kelantan ada dijual.

Jadi apakah usaha kementerian ini yang kita nampak betul-betul lihat, yang kementerian sendiri membeli telur dengan harga RM1.30 sen dan untuk tujuan untuk di *conservation*. Tapi ada projek yang akan saya laksanakan dalam 2 minggu ni Yang Berhormat. Saya mohon kalau kementerian Yang Berhormat supaya membantu dapat usaha ini dapat dibantu. Untuk membuat satu tempat pembiakan telur penyu di kawasan Parlimen saya. Yang mana pula pihak Taman Negara tidak bersetuju kerana kononnya tapak itu tidak sesuai maka penyu-penyu berkeliaran yang nelayan-nelayan yang kami ni selalu pergi ke laut nampak banyak penyu di situ.

Jadi di manakah peranan kementerian untuk mengusahakan kempen kesedaran untuk melindungi penyu-penyu yang terancam ini.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya minta maaf kerana di dalam nota tambahan kepada saya dikatakan 24 negara yang menandatangani MOU. Tapi saya tidak tahu sama ada Indonesia dan Filipina termasuk. Tetapi diberi kepada saya 24 negara. Dan sebenarnya Yang Berhormat Jabatan Perikanan Malaysia juga telah menahan sebuah bot daripada negara China yang sarat dengan penyu di Labuan pada tahun 2005. Jadi ada juga maklumat-maklumat yang diberikan.

Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat telah menyebutkan nama Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, dan beliau sebenarnya ada bersama kalau saya dapat, lepas ini Yang Berhormat bolehlah berjumpa sama beliau bersama pegawai sebab Yang Berhormat perkatakan tadi begitu khusus, supaya dapat diadakan perbincangan dengan lebih terperinci lagi Yang Berhormat.

Mengenai Yang Berhormat bagi Pensiangan telah bertanya mengenai pusat latihan ternakan di Sabah yang hanya diberi butiran RM10...

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini saya pergi melawat di kawasan saya di Pulau Redang. Dalam perjalanan saya balik, saya tengok seekor penyu terapung-apung di atas air, maka saya pun bertanya kepada kawan saya kenapa penyu boleh mati begini. Katanya adalah sikap daripada nelayan-nelayan kita yang menggunakan kaedah-kaedah yang tidak sesuai sehingga mereka tertangkap penyu-penyu tersebut.

Salah satunya ialah, kalau suatu ketika dulu ikan pari tidak begitu laris di pasaran. Pada hari ini kita lihat ikan pari begitu laris sehingga ramai nelayan-nelayan menggunakan kaedah kail pada waktu malam untuk menangkap ikan pari. Mengail ikan pari, yang menjadi mangsanya ialah penyu-penyu. Apakah langkah-langkah tertentu yang perlu digariskan

oleh Kementerian Pertanian Industri Asas Tani di bawah Jabatan Perikanan supaya dapat membendung kaedah-kaedah tertentu di dalam sistem penangkapan ikan mereka ini, supaya penyu ini tidak menjadi mangsa. Saya mohon supaya tindakan tegas ini dapat di ambil. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi maklumat-maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat ini memanglah sesuatu yang kita ambil kira sebab termasuk ini *conservation* dari segi penyu dan binatang laut yang hampir pupus. Memang kita sentiasa mengadakan aktiviti bersama dengan kementerian atau jabatan yang ada kaitan. Termasuk membawa kanak-kanak sekolah untuk melihat dan juga memegang anak-anak penyu ini sendiri di pusat-pusat *conservation* penyu ini. Sebab kita hendak memupuk daripada kecil kanak-kanak ini menyayangi binatang-binatang macam ini. Dan termasuk Yang Berhormat katakan memanglah satu daripada etika penangkap ikan yang mana tidak diperlukan yang tertangkap di dalam pukuk, dilepaskan. Tuan Pengerusi saya rasa bersetuju dengan saya sebab dia memang suka dan penggemar menangkap ikan, kail ikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, yang kecil lepaskan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang kecil akan dilepaskan, termasuklah kalau jumpa penyu itu, lepaskan atau di bawa balik untuk menjadi *pet* kepada anak itu tidak apa. Tapi kadang-kadang itulah yang kita hendak pupukkan dari segi pendidikan awal kepada anak-anak kita supaya insya-Allah mereka besar nanti mereka sudah ada satu perasaan yang sayang kepada binatang-binatang laut ini yang hampir pupus.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Putatan, apa lagi

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya ingin membuat satu soalan kepada pihak kementerian. Bersediakah pihak kementerian untuk membantu saya membuat kempen kesedaran ini dengan dari segi bantuan kewangan untuk membuat satu *billboard* di Kota Kinabalu.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, seperti sudah saya katakan tadi ini sudah menjadi *private matter*. Jadi kalau dapat Yang Berhormat berjumpa dengan pegawai-pegawai yang ada bersama saya pada hari ini. Sebab ini adalah sesuatu yang saya tak boleh mengarahkan di sini tapi harus diperbincangkan kalau ada di dalam kepala dan *sub* kepala, di mana kita boleh membantu. Jadi, berbalik kepada Yang Berhormat bagi Pensiangan mengatakan hanya *token* RM10 di bawah beberapa Butiran iaitu pusat menternak lembu dara, pusat ternakan lembu tenusu dan pusat latihan menternak. Untuk makluman Yang Berhormat, bermula tahun 2007 peruntukan kepada ketiga-tiga projek tersebut telah disalurkan bantuan di bawah Butiran 22500 iaitu penyelidikan lembu pedaging yang disediakan sebanyak RM19.12 juta. Jadi ini bermakna ada tetapi di bawah butiran yang lain.

Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani sangat prihatin terhadap program dan pembangunan sumber manusia dan modal insan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Masalah pelaksanaan projek pembangunan ternakan termasuk latihan di negeri Sabah menerusi Peruntukan Persekutuan secara perbelanjaan *reimbursable* akan diperkemas dengan penglibatan sektor swasta yang berminat.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan juga Yang Berhormat bagi Kuala Selangor ada menyentuh mengenai babi hutan dan juga monyet yang menggugat penternak-penternak di kawasan mereka. Perkara ini akan kami rujuk juga kepada Jabatan PERHILITAN untuk sama-sama menyelesaikan masalah ini di mana babi hutan adalah di bawah lindungan Jabatan PERHILITAN. Kami akan sama-sama merujuk perkara ini kepada mereka.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah memohon agar diperkembangkan penternakan lembu atau kerbau disebutkan di Limbang. Jadi kita akan cuba usahakan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, bangun.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mohon supaya kementerian mengambil perhatian yang sangat serius terhadap makhluk perosak khususnya babi dan lotong di Sabak Bernam. Sebenarnya kalau hendak dihitung dari segi kerugian, saya boleh tafsirkan beratus ribu ringgit dan ini menjejaskan pendapatan petani. Oleh kerana itu, saya mohon supaya apabila hendak dirujuk dan diambil tindakan, ada tempoh tertentu dan saya harap perkara ini dapat disegerakan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Insyallah. Yang Berhormat bagi Tanah Merah bertanya mengenai baka-baka lembu. Di peringkat Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan menyelenggarakan lima buah pusat pembiakan yang menghasilkan baka lembu tempatan dan kacukan. Bagi menampung keperluan baka, Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah membenarkan pengimportan lembu dari Thailand dan negeri China.

Seterusnya jabatan sedang merancang untuk mengimport dari Myanmar, Sudan, Somalia, Zimbabwe dan Afrika Selatan bagi memenuhi permintaan baka. Cadangan pengimportan daging ayam dari China hanyalah penyelesaian jangka pendek bagi memenuhi keperluan pemprosesan. Industri ayam tempatan tidak berupaya membekalkan daging ayam pada kuantiti dan harga yang diminta oleh pemproses IKS. Penternakan ayam berskala besar menggunakan sistem reban tertutup akan diperkembangkan di seluruh negara.

Yang Berhormat bagi Puchong membangkitkan beberapa masalah iaitu *beta agonis* yang digunakan oleh penternak babi. Penyalahgunaan *beta agonis* bukan masalah kelemahan penguatkuasaan di pihak kerajaan. Ia merupakan sikap penternak babi yang sering mengambil jalan singkat untuk menggemukkan babi sebelum dipasarkan. Umpamanya penternak di Thailand tidak langsung menggunakan dadah (*drug*) ini kerana mereka faham akibat buruk kepada industri dan orang awam. Kerajaan negeri tidak berhasrat menutup sebarang ladang babi kecuali apabila telah menimbulkan isu kesihatan yang mengancam kebajikan penduduk di sekeliling dan jika timbul sensitiviti sosial yang genting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Maran dan Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah memberikan satu jawapan bahawa ini tidak ada kaitan dengan penguatkuasaan. Tetapi pada masa yang sama, saya hendak mendapatkan satu penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa mengapa penternak Thailand tidak menggunakan *beta agonis* ini walaupun mungkin penguatkuasaan mereka tidak dijalankan? Saya rasa ini kerana pendidikan ataupun pendedahan penternak-penternak ini ataupun sikap bertanggungjawab ini telah ditanam pada penternak-penternak ini.

Saya hendak bertanya adakah kementerian selepas insiden ini bercadang untuk memberikan satu program pendidikan yang lebih konkrit dan berkesan kepada penternak-penternak? Ini kerana industri khinzir ini - semalam saya ada menyatakan bahawa ia satu industri yang besar iaitu lebih kurang RM2 bilion setahun. Itu saya hendak sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Kedua, saya hendak tanya ialah mengenai PFA yang telah dinyatakan tadi. Tadi saya tidak sempat hendak bangun untuk bertanya. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa hanya negeri Sabah, Sarawak dan juga Negeri Sembilan memberikan komitmen kepada PFA ini. Bagaimana dengan negeri-negeri lain dan apakah peranan kementerian supaya dapat memberi satu galakan dan juga panduan kepada negeri-negeri lain supaya PFA ini dapat ditubuhkan dan dijalankan di negeri lain supaya tidak ada isu kebimbangan dan juga isu yang berkaitan dengan PFA ini akan timbul di masa hadapan. Sebab itu adalah satu rancangan yang lebih konkrit untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Maran bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Soalan lebih kurang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya sebenarnya mengucapkan terima kasih kepada kementerian dalam usaha menggalakkan petani, peladang dan sebagainya yang menternak ternakan. Tidak kiralah apa jenis ternakan. Tetapi saya perhatikan, tadi disebutkan beberapa masalah yang berlaku akibat daripada penternakan ini sama ada babi dan sebagainya.

Umpamanya kalau kita di kampung-kampung tradisional ada masalah lembu. Walaupun ramai peladang-peladang dan petani-petani dapat hasil pendapatan daripada lembu tetapi sivik mereka tidak ada nampaknya. Lembu mereka terbiar dan membuang najis di merata-rata di tengah jalan sehingga menimbulkan masalah sosial. Begitu juga dengan masalah ayam, umpamanya. Kadang-kadang apabila dibina reban ayam di kawasan kampung tradisional, lalat cukup banyak sehingga apabila ada jamuan, kenduri dan sebagainya penuh dengan lalat.

Jadi saya hendak bertanya kementerian, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong tadi. Sejauh manakah program yang dibuat oleh kementerian dalam membimbing dan mendidik penternak-penternak ini supaya mereka mempunyai *civic minded*. Maknanya di samping mereka mendapatkan hasil daripada penternakan ini, dalam masa yang sama juga mereka menjaga ternakan ini tidak dibiarkan bersepah. Tahu hendak duit saja. Mereka jual dan mereka dapat duit. Apakah usaha yang dibuat secara terancang oleh kementerian dalam menangani masalah ini? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong dan juga Yang Berhormat bagi Maran. Terima kasih di atas penjelasan dan persoalan yang diberikan sekali lagi kepada kita. Yang Berhormat, ingin saya maklumkan di sini bahawa memang pada 2 November yang lepas telah diadakan satu taklimat kepada semua pengusaha-pengusaha babi mengenai bahayanya *beta-agonist* ini dan jangan digunakan. Oleh yang demikian Yang Berhormat, kita telah memberi tempoh masa untuk memastikan mereka jangan memikirkan keuntungan sahaja tetapi memikir dari segi keselamatan makanan.

Oleh yang demikian, dari 2 November dan diberi masa tiga minggu, supaya selepas tiga minggu ini kita akan mengambil sampel air kencing babi (*urine*) untuk ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendek sudahlah, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Mesti pendek. Sentiasa pendek. [Disampuk] Tuan Pengerusi, saya seronok juga mendengar kenyataan Yang Berhormat tadi mengenai di Thailand orang tidak menggunakan *beta-agonist* dan di Malaysia sudah lebih 20 tahun kita menggunakan ubat ini.

Mengapa kita perlukan 20 tahun baru sekarang hendak adakan khas untuk mencegah penggunaan *beta-agonist* walhal ada ubat yang lain seperti '*bailin*' dan sebagainya boleh digunakan tetapi lebih mahallah.

Saya pun tidak faham kerana saya ada urusan sedikit di luar, bolehkah seperti yang telah saya sebutkan semalam itu, kita adakan suatu laporan di dalam Dewan ini dengan secepat mungkin mengenai penggunaan ubat untuk haiwan seperti ini bukan sahaja *beta-agonist*, bukan sahaja khinzir tetapi daging lembu, kambing dan sebagainya ada ubat juga. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat mengemukakan satu laporan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Hulu Langat dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jangan libatkan yang tidak terlibat Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen, saya minta habiskan jawapanlah kalau boleh.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat keluar, untuk makluman Yang Berhormat mengatakan sudah 20 tahun JPH gagal mengatasi masalah *beta-agonist*, untuk makluman Yang Berhormat, tugas mengawal salah guna *drug* ini seperti *beta-agonist* adalah tanggungjawab berbagai-bagai agensi dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang memperkukuhkan aspek perundangan bagi membolehkan penyalahgunaan dikenakan hukuman yang lebih berat seperti denda yang tinggi atau dipenjarakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, telah ditubuhkan jawatankuasa bertindak *beta-agonist* di peringkat negeri di mana ia dipengerusikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan dihadiri oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kita ini ahli sahaja Yang Berhormat, Persatuan Membantai Khinzir Malaysia, saya pun tidak tahu nama membantai khinzir Malaysia dan Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia telah memutuskan menubuhkan jawatankuasa ini di peringkat negeri.

Untuk makluman, tujuh buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang dan Sarawak mempunyai jawatankuasa ini untuk membendung penggunaan *beta-agonist*, yang lain ini belum lagi. Tadi, Yang Berhormat bagi Maran memberitahu ada tidak teknologi yang terkini .....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, sebelum saya lupa, teknologi yang terkini untuk kita ada cara-cara baru yang lebih bersih. Untuk makluman, bagi ternakan babi adalah PFA. Bagi ayam adalah reban tertutup - *close system* dan bagi lembu - *feed lot*, jadi dia tidak merayau-rayau dan sebagainya. Ya, Yang Berhormat. Menyampuk Yang Berhormat .....

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Yang Berhormat, ucapan saya sudah jawab Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Batu Gajah, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang mana itu?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Yang tadi saya tanya mengenai PFA itu apakah keutamaan ...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Sebab PFA ini satu adalah di bidang kuasa negeri-negeri hanya tiga negeri ini memberi komitmen tetapi negeri-negeri yang lain belum lagi memberi komitmen sebab Yang Berhormat, ini adalah tapak, masalah tapak dan saya kata tadi bahawa jawatankuasa-jawatankuasa itu juga memberi input sama ada mereka telah bersetuju atau tidak, sebab tapak semua telah dikenal pasti hanya menunggu persetujuan negeri-negeri tersebut. Yang Berhormat.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat. Biasanya apabila masalah yang timbul, kementerian atau agensi tidak dapat menanganinya. Biasanya jawapan atau tindakan yang segera akan diambil biasanya adalah cadangan meminda undang-undang untuk mengenakan hukuman yang lebih tinggi, lebih serius. Kita ada nampak hukuman gantung sampai mati tetapi masalah dadah masih serius.

Saya hendak tahu, tadi Yang Berhormat kata bahawa jawatankuasa telah ditubuhkan mungkin meminda undang-undang hukuman berat. Tetapi dalam jangka masa yang sementara cadangan dari jawatankuasa ini apakah pemantauan sebab setiap hari ada

orang ramai atau *consumer* yang memakan daging-daging yang bahaya ini yang mempunyai bahan kimia yang bahaya kepada kesihatan.

Dalam jangka masa ini apakah bentuk pemantauan akan dilakukan. Saya percaya masalah timbul sebagai salah satu puncanya ialah kerana rasuah, kerana rasuah. Saya hendak tahu dalam jangka masa pemantauan ini apakah rancangan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, ini nanti Yang Berhormat, kita buat undang-undang ini nanti kalau tidak, bahagian-bahagian Yang Berhormat sana yang juga yang membawa ke sini macam semalam, membawa usul potong gaji dan bermacam-macam lagi.

Tetapi Yang Berhormat, memanglah kita ada langkah-langkah. Untuk makluman kepada Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kita memang sentiasa memantau. Dari tahun 2000 kita sudah memantau bahawa *beta-agonist* ini yang dipotong di rumah sembelih Jabatan Perkhidmatan Haiwan tetapi kalau menggunakan tempat lain, itu susahlah bagi Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk memantau, jadi didapati *urine* yang positif semua ada dicatat di sini, Yang Berhormat bermakna ada.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sudah mendengar secara teliti berkenaan dengan masalah kesihatan yang timbul akibat daripada penyembelihan binatang-binatang peliharaan dan makanan ini. Juga masalah berkenaan dengan *chemical* yang digunakan. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara *hygienic* - kebersihan bagi binatang-binatang sembelihan yang dihantar ke pusat-pusat sembelihan.

Kita sedang mengawalinya dari segi makanan, dari segi suntikan untuk pembesaran, kemudian menyediakan tempat penyembelihan yang begitu moden bagi tujuan kebersihan dan kesucian katanya. Tetapi saya difahamkan bahawa kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk menghantar binatang-binatang sembelihan ini untuk dibawa ke pusat penyembelihan dan selepas disembelih, *caucuses* ini terutama sekali bagi binatang-binatang khinzir ini diangkut keluar daripada pusat penyembelihan ini dengan menggunakan kenderaan atau lori yang sama.

Adakah ini tidak menyebabkan *caucuses* ini *contaminated*, dengan izin Tuan Pengerusi dengan kuman atau apa juga najis buangan ketika binatang ini diangkut ke pusat penyembelihan. Apakah tindakan kementerian atau adakah rancangan kementerian untuk menyiapkan dan mencadangkan kenderaan yang teratur yang mempunyai darjah *hygienic* yang cukup tinggi untuk memastikan bahawa ia tidak dicemari oleh bahan-bahan bakteria ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu Yang Berhormat, kita tiap-tiap kali menekankan kepada amalan pertanian yang baik sebab ini semua disyaratkan yang terbaik, langkah-langkah yang harus diambil. Kalau mengikut semua langkah-langkah yang disebutkan, insya-Allah Yang Berhormat, semua yang kita sebutkan, yang menjadi kerisauan Yang Berhormat tadi insya-Allah akan diminimumkan. Saya tidak kata dihapuskan seratus peratus tetapi diminimumkan.

Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan tadi ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila habiskan jawapan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Saya hendak habiskan.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kuala Selangor.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tadi, saya telah memberitahu pada 2 November, ini *beta-agonist* Tuan Pengerusi, pada 2 November telah diadakan taklimat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Selangor, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Oh ya.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tadi, saya banyak sebenarnya semalam membangkitkan soalan seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab isu ...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Lepas ini. Lepas ini.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** *Okay.*

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Lepas ini, jadi 2 November telah diadakan taklimat, jadi telah diberikan *grace period* tiga minggu. Lepas tiga minggu ini, pegawai-pegawai kami akan mengambil *sample urine*, *sample* kencing babi ini dan didapati yang mana ladang-ladang yang ingkar perintah akan dikuarantinkan selama satu bulan.

Ini Yang Berhormat, saya berharap Yang Berhormat jangan pula menyebelahi mereka, ya? Nanti datang kepada Yang Berhormat membuat *complain* kata JPH mengambil tindakan sewenang-wenang. Yang Berhormat mesti bersama kita sebab ini saya rasa adalah tindakan bersama. Mereka yang ingkar akan di kuarantin selama satu bulan dan diulang lagi ujian.

Semua kos pengujian akan dibiayai oleh penternak yang terlibat dan seterusnya bagi pengingkar kali kedua, lesen ladang akan ditarik balik dan hukuman dengan denda yang lebih tinggi akan dikenakan. Bermakna sekarang kita sangat bertegas dan diharap semua ini akan mendapat sokongan daripada semua pihak.

Yang Berhormat bagi Tumpat telah membangkitkan masalah ternakan ikan dalam sangkar di Tumpat yang sering kerugian kerana kematian ikan. Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa memberi bimbingan kepada penternak akuakultur sama ada melalui latihan atau lawatan. Dengan bimbingan ini penternak akan dapat memilih kawasan ternakan yang sesuai dan juga mendapat hasil yang baik.

Selain kawasan yang sesuai, perairan untuk ternakan ikan dalam sangkar hendaklah dihadkan bilangan sangkar yang tidak melebihi daya tampung kawasan tersebut. Bagi kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat iaitu Pantai Sri Rhu Tujuh memang menghadapi masalah ikan mati khususnya semasa musim hujan lebat. Ini dan sebagainya oleh kualiti ke laut telah mengecil dan tersumbat hingga air yang payau menjadi tawar menyebabkan ikan menjadi *stress* dan mati. Kualiti ini sedang diperbaiki dan diharapkan masalah ini dapat diatasi. Sebagai strategi jangka masa panjang, Jabatan Perikanan akan menyusun semula berlainan dan kedudukan sangkar-sangkar supaya kualiti dan aliran air akan bertambah baik.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, ini dari segi kegagalan setengah PPK mencungkil bakat muda. Penyertaan golongan muda atau belia di dalam pergerakan pertubuhan-pertubuhan peladang di seluruh negara adalah melalui penubuhan kumpulan peladang muda di peringkat PPK yang menggalakkan mereka menceburi aktiviti-aktiviti berkaitan pertanian. Bermakna ada usaha.

Selepas itu Yang Berhormat bertanya mengenai pengairan usang di Projek Barat Laut Selangor dan banjir di kawasan kelapa dan durian di Kuala Selangor. Kementerian melalui Projek Barat Laut Selangor sedang melaksanakan kerja-kerja meningkatkan sistem pengairan dan saliran di kawasan tersebut.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM41.5 juta peruntukan telah diluluskan. Kerja-kerja yang telah di tender sehingga sekarang ialah sebanyak RM31 juta. Kerja-kerja menaik taraf sistem pengairan dan saliran tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan dijangka dapat menyelesaikan masalah di kawasan berkenaan.

Kedua, cadangan subsidi harga bagi penanam kelapa. Dalam usaha meningkatkan pengeluaran kelapa dan membantu pekebun kecil kelapa, Jabatan Pertanian telah melaksanakan dua program utama di Semenanjung Malaysia iaitu penanaman semula tanaman kelapa dan pemulihan kawasan kelapa. Peruntukan yang disediakan bagi program tersebut ialah RM16.6 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dan RM17.9 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Butiran program adalah seperti berikut - program penanaman semula kelapa memberikan tumpuan kepada penanaman semula kawasan-kawasan kelapa tua yang tidak produktif dengan 'kelapa hybrid-matag' dan kelapa pandan. Program pemulihan kawasan kelapa menumpukan usaha untuk meningkatkan hasil kelapa menerusi bantuan pembajaan, pembaikan sistem perparitan dan sulaman pokok tua. Untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, dianggarkan seluas 600 hektar kawasan kelapa sedia ada yang masih berhasil akan dipulihkan. Melalui aktiviti pemulihan ini, hasil daripada kawasan-kawasan tersebut dijangka akan dapat ditingkatkan daripada 3,000 biji sehektar setahun kepada 6,000 biji sehektar setahun.

Cadangan Yang Berhormat untuk menyekat import kelapa dari Indonesia. Negara masih mengimport kelapa dari negara jiran seperti Indonesia dan Thailand. Ini adalah kerana permintaan kelapa negara melebihi bekalan tempatan. Permintaan ialah sebanyak 459 juta biji, berbanding pengeluaran tempatan sebanyak 391 juta biji sahaja. Kekurangan bekalan kelapa sebanyak 68 juta biji diimport khususnya dari negara Indonesia dan Thailand.

Kebanyakan kelapa yang diimport adalah kelapa tua yang digunakan oleh industri pemprosesan tempatan dan selebihnya kelapa muda untuk minuman. Pengimportan kelapa tua dibenarkan kerana masa kini satu cabaran besar yang dihadapi oleh kilang pemprosesan produk kelapa ialah berkaitan kesukaran untuk mendapat bekalan kelapa yang mencukupi dan berterusan daripada pekebun kecil tempatan, menyebabkan banyak kilang pemprosesan beroperasi di paras rendah iaitu dalam lingkungan 40% hingga 60% kapasiti kilang.

Jadi, kesukaran kilang memperoleh bekalan kelapa tempatan disebabkan pihak pengilang tidak dapat menawarkan harga tinggi kepada pekebun kecil kelapa kerana harga *input* tinggi akan menjejaskan daya saing produk mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa. Pada masa kini purata harga jualan bagi kelapa tempatan di peringkat ladang dalam lingkungan 45 sen hingga 55 sen. Bagi memastikan pengilang tempatan mendapat bekalan kelapa tua pada harga yang munasabah dan berterusan, kementerian telah berhubung rapat dengan pengusaha swasta bagi menyelaraskan keperluan bekalan kelapa untuk tujuan pemprosesan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bagi Sabak Bernam kelapa ini adalah isu yang sangat-sangat penting. Ini kerana majoriti petani atau pekebun kecil masih mengusahakan kelapa kering ataupun kelapa kopra. Sabak Bernam ingin supaya kementerian membuat suatu kajian dan satu penilaian semula terhadap perusahaan kelapa ini.

Ini kerana daripada kajian rambang yang saya sendiri buat, sebenarnya mereka yang memiliki kebun kelapa yang luas lima ekar, di kawasan sana satu keping lima ekar, pendapatan mereka sebenarnya kalau di kira setahun, dalam sebulan pendapatan mereka di kawasan tanah lima ekar tidak sampai RM400. Ini suatu perkara yang serius. Oleh kerana itu, apabila setiausaha Parlimen menyatakan bahawa harga bersih setelah tolak harga upah dan sebagainya, 40 sen hingga 45 sen, ramai menyatakan bahawa ini menguntungkan tetapi kalau dikaji betul-betul sebenarnya pendapatan penduduk pekebun kecil ini bawah daripada itu.

Selain daripada kajian berkaitan dengan harga kelapa, dan kemudian kajian terhadap import kelapa yang banyak itu kerana menjejaskan harga kelapa itu sendiri. Sabak Bernam berharap supaya ada satu tanaman sampingan bagi ladang-ladang kelapa itu yang boleh meningkatkan pendapatan. Jika tidak, mereka dirasakan tidak bersama dalam *mainstream*, dengan izin, ataupun arus pembangunan negara.

Apa pandangan Setiausaha Parlimen supaya satu kajian khusus dan bantuan khusus diberikan kepada petani dan pekebun ini? Bukan setakat pemulihan semula ataupun tanam semula. Ini kerana seperti yang saya kata tadi pendapatannya, kalau ini sahaja tidak melebihi RM400 sebulan bagi mereka. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, kita akan mengambil maklum dan akan memasuki di bawah apa juga skim-skim di bawah Jabatan Pertanian yang ada termasuk juga pemulihan .....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, kita ini kawan, tetapi dalam soal membangunkan masyarakat petani, nelayan, penternak ini sudah lama kita bicara. Saya tanya kementerian, berapa ramai sudah penternak petani yang telah dimartabatkan daripada "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang", tidak ada jawapan. Pengumuman peruntukan berbilion-bilion tetapi tidak sampai.

Jadi, ke arah mana kementerian ini dijana oleh Menteri, oleh kakitangannya, pegawai-pegawainya, KSUnya, kalau KSU tidak ikut arahan Menteri, macam mana hendak mencapai wawasan negara. Ini perkara pokok, dalaman harus diselesaikan, tidak ada guna peruntukan di umum berbilion-bilion tetapi tidak sampai ke sasaran. Saya tengok di kawasan saya, tidak ada seorang pun petani tradisional dimartabatkan. Inilah agenda yang diminta oleh Perdana Menteri, supaya kita menyelaras tetapi tidak ada.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak terus menjurus kepada sokongan khusus kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya sejak 21 tahun isu subsidi, isu bantuan ini sebenarnya telah diketengahkan tetapi apabila kita bertanya mana usahawan tani yang boleh dimartabatkan. Tidak ada! Jadi, bermakna seperti kementerian ini, ataupun pegawai gagal untuk melahirkan usahawan-usahawan tani ataupun usahawan ternak. Padahal bantuan yang diberikan kalau dinilai sejak 20 tahun, bukan sahaja beratus juga tetapi berbilion. Oleh kerana itu, kita harap satu penilaian semula terhadap perkara ini harus diberikan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, sebenarnya ada. Kalau kita katakan seorang pun tidak ada, ada. Kalau mengikut dari satu kawasan ke satu kawasan mungkin belum membangun, tetapi sebenarnya.....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita bukan mahu seorang, Yang Berhormat, kita mahu menyeluruh sebab peruntukan kepada kementerian ini berbilion-bilion, ditambah oleh kerajaan. Ada agendanya tetapi nampak tidak ada perubahan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat memang ada, sebab itulah kita menjurus kepada 10,000 usahawan tani dan sebenarnya 10,000 ini sekarang sudah menjangkau kepada 5,000 telah dibangunkan. Itulah sebabnya saya asyik

memberitahu konvensyen petani, nelayan dan penternak akan diadakan pada 20 hari bulan dan di situlah di bawa mereka ini untuk memberi perangsang kepada yang ada.

Pada masa yang sama, sebab itu saya hendak mengajak Yang Berhormat ini beramai-ramai pergilah ke MAHA yang akan diadakan pada 21 hingga 26 hari bulan di tapak tetapnya, kekal di MARDI. Di situ, usahawan-usahawan ini akan menunjukkan diri.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sudah banyak kali cakap itu, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Minta habiskan jawapan, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ini balik kepada kelapa. Kelapa tadi, termasuk kelapa muda, ya. Yang Berhormat, kita ada juga program untuk membantu mempromosikan kelapa muda.

Yang Berhormat, ada satu yang saya ingin hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor iaitu satu cadangan untuk mewujudkan Muzium Pertanian. Walaupun Yang Berhormat secara terkocoh-kocoh dekat hujung itu tetapi Yang Berhormat, memang ini adalah satu inspirasi kepada kami di kementerian dan itu adalah cadangan yang sangat baik, di mana kita hendak menjadikan satu monumen pembangunan sektor pertanian negara dan insya-Allah kementerian akan memberi pertimbangan yang serius kepada cadangan Yang Berhormat.

Daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mas mengenai pembangunan Beras Bario iaitu masalah pengairan, di mana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak telah mengemukakan permohonan kepada kementerian untuk dipertimbangkan di bawah butiran-butiran di bawah Rancangan Pengairan Sarawak dan Rancangan Saliran Sarawak. Bermakna termasuk Bario.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah mencadangkan dan bertanya iaitu hendak orang ramai ke atau teknologi. Mengikut perancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, konsep pertanian baru yang akan diusahakan adalah berlandaskan ciri-ciri komersial iaitu berskala besar, penggunaan teknologi moden yang lebih luas, pengeluaran yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah yang tinggi, memanfaatkan sepenuhnya potensi dalam bioteknologi, penggabungan dengan teknologi maklumat dan komunikasi dan penglibatan usahawan tani dan tenaga mahir.

Justeru itu hala tuju pembangunan *agro* makanan di Malaysia akan berkiblat ke arah modus operandi pengeluaran yang besar dan berteknologi tinggi supaya memperoleh ekonomi *soft skill*. Perancangan ini telah dimulakan dengan pelaksanaan projek pertanian moden di Kluang, *Beef Valley* di Negeri Sembilan, Zon Industri Akuakultur dan juga Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

Yang Berhormat bagi Bagan, dia kata adakah undang-undang di bawah di mana kita kutip-kutip ini. Untuk makluman Yang Berhormat, LKIM mempunyai kuasa untuk melantik ejen dalam menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Seksyen 4(2)(h). LKIM telah melantik persatuan nelayan negeri untuk melaksanakan fungsi ini. Caj ini perlu dibayar oleh nelayan kepada persatuan nelayan, kerana perkhidmatan yang diberi ini adalah satu perkhidmatan sosial yang akan memberi faedah semula kepada nelayan seperti membantu merekodkan pendaratan ikan dari *vessels* yang mengambil minyak subsidi, mengekang penyelewengan diesel dan petrol bersubsidi dan mengumpul data untuk memudahkan pihak berkuasa merancang mewujudkan sumber perikanan yang mapan. Ini mengenai....

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tanya itu ke atau banjir? Banjir ada di sini.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tidak, e-endaratan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, baru sebentar saya menerima panggilan telefon dari seorang Ahli Lembaga Persatuan Nelayan Kuala Sepitang. Beliau kata beliau ada baca surat khabar berkenaan dengan *debate* atau perbahasan semalam di Dewan yang mulia ini dan beliau menafikan bahawa persatuan nelayan berkenaan mengutip caj borang e-endaratan itu. Saya panggil beliau membuat satu kenyataan dan saya berharap Yang Berhormat dan pegawai-pegawai

boleh mengambil catatan bahawa sama ada caj e-endaratan ini pergi ke mana. Ada yang Yang Berhormat kata persatuan menerima, tetapi persatuan kata mereka tidak menerima. Jadi duit yang ini sudah diselewengkan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi secara terperinci supaya kami boleh menyiasat sebab ini adalah sesuatu yang kalau berlaku dan tidak dilaporkan, kita tidak mengetahui dan susahlah kita membuat pemantauan. Jadi Yang Berhormat, bagi secara terperinci. Jadi macam semalam ya, usul Yang Berhormat saya sudah sampaikan kepada kementerian untuk tindakan seterusnya dan kalau ini Yang Berhormat betul, kami memandangkan begitu serius.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat bagi Bagan bertanya mengenai bantuan banjir bagi kerosakan dan kerugian. Dia tanya banyak ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Jadi kadar bantuan yang disyorkan untuk pesawah padi, Yang Berhormat, dia macam-macam bantuan. Bagi bantuan penanam padi diberikan dalam bentuk input pertanian seperti berikut:

- (i) benih padi – 120 kilo sehektar dan harganya adalah RM28 untuk 20 kilogram;
- (ii) bagi baja – 13 beg baja sebatian dan 5 beg urea dan nilainya dalam RM213.10 sen sehektar;
- (iii) bagi putaran tanah – diberikan RM105 sehektar putaran pertama dan RM87.50 sen sehektar untuk membadaai;
- (iv) bantuan untuk buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan...

Sebab kita tidak tahu Yang Berhormat tanya yang mana. Bukan itu Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, jawab sahajalah.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Sawah padi sahaja.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Oh, sawah padi. Yang sayur, yang binatang ini tidak mahu, Yang Berhormat? Okey. Jadi itulah jawapannya untuk sawah padi dan memanglah kita akan mencari usaha, Yang Berhormat, jikalau ada itu. Kadang-kadang inilah tempat forum yang terbaik untuk memberi segala maklum balas kepada kita supaya kita dapat mengambil tindakan untuk memperbaiki lagi apa-apa kelemahan yang ada. Jadi walaupun Yang Berhormat Tuan Pengerusi telah memberitahu saya banyak kali sebut MAHA, tetapi sekali lagi saya ingin menjemput semua, ada yang sudah terima kad, ada yang tidak terima kad tetapi saya menjemput semua sebab di situlah apa yang saya sebut semalam dan hari ini ada didapati di tapak MAHA.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat sudah sebut itu, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tetapi Yang Berhormat, ini untuk menambahkan lagi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi dia orang pergi tengoklah, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak, tidak. Untuk menambahkan lagi seronok iaitu ada 800 *booth* jabatan, agensi, sektor swasta, syarikat antarabangsa di mana *guest nation* kita pada tahun ini adalah negeri China. Jadi negeri China, ia akan diberikan *special* sebab ia akan bawa segala berkenaan dengan pertanian A sampai Z. Dia akan kongsi dengan kita. Kita ada *agro bazaar*, kita ada pameran ternakan, kita ada binatang-binatang yang anak-anak kita ini boleh bersama main kuda dan bermacam-macam, kita ada mesin-mesin...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau Yang Berhormat terangkan semua, dia orang tidak payah pergi nanti, Yang Berhormat. Dia orang sudah tahu.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** [*Ketawa*] Makanan-makanan popular *dishes* di Malaysia. Jadi terima kasih banyak-banyak kepada semua perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat dan dengan saranan, cadangan dan kadang-kadang tadi teguran yang diberi oleh Yang Berhormat, kita akan mengambil maklum untuk memperbaiki lagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,783,392,600 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,783,392,600 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,800,000,000 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,800,000,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.22 [Jadual] –  
Maksud P. 22 [Anggaran Pembangunan 2007] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepala Bekalan 22 dan Kepala Pembangunan 22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**12.58 tgh.**

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 02500 berkenaan dengan jalan kampung dan penyelenggaraan.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa kementerian menyediakan garis panduan bagi tujuan perbelanjaan untuk menyediakan jalan-jalan kampung, menyelenggara jalan-jalan kampung dan peruntukan-peruntukan ini merupakan satu jumlah yang cukup besar jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang lain. Saya ingin mencadangkan terutama sekali bagi kawasan-kawasan yang sudah pesat membangun terutama sekali dalam kawasan-kawasan negeri Selangor di mana jalan-jalan kampung ini bukan sahaja sudah hampir mencukupi, sudah begitu baik diselenggarakan dan banyak juga agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya dan badan-badan lain terlibat dalam pembinaan serta penyelenggaraan jalan kampung.

Saya mencadangkan supaya ada satu program baru bagi tujuan pembinaan jalan kampung ini, kerana kalau kita memerhatikan secara terperinci garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian ialah berkenaan dengan pembinaan jalan kampung. Garis panduan ini menetapkan bilangan rumah, misalnya, bilangan pengguna jalan dan pelbagai kaedah yang lain. Tetapi masalah ini timbul apabila timbul keadaan sama ada ayam dahulu atau telur dahulu.

Ada kawasan-kawasan pembangunan yang tidak dapat dibangunkan atas sebab tidak disiapkan infrastruktur jalan dan akhirnya tanah-tanah ini akan terus terbiar. Pihak kementerian memerlukan adanya bilangan rumah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Orang kampung juga perlukan... Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, saya perlukan dua minit sahaja lagi. Sementara orang kampung pula memerlukan jalan dahulu disiapkan dan ini berlaku di kebanyakan tempat dalam kawasan saya sendiri malah di banyak tempat di kawasan negeri Selangor. Jadi saya ingin mencadangkan supaya perkara ini dapat diberi perhatian sepenuhnya oleh pihak kementerian.

Satu sahaja satu perkara yang sangat pendek, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan Butiran 00400 berkenaan dengan pendidikan prasekolah. Saya dapati bahawa oleh kerana banyak pihak yang menganjurkan pendidikan prasekolah, saya ingin bertanya kenapakah prasekolah yang dianjurkan oleh kementerian seolah-olah tidak bermaya dan kadang-kadang dikategorikan sebagai prasekolah kelas kedua. Jadi saya mohon tindakan yang sebaik mungkin bagi memastikan bahawa kelas-kelas prasekolah yang dianjurkan oleh kementerian dapat sama bersaing dan mendapat pilihan yang terbaik dari para pelajar serta ibu bapa. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Yang Berhormat bagi Pasir Mas sambung petanglah. Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Pasir Mas untuk sambung ucap.

**2.32 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Assalamualaikum Warahmatullah. Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Pengerusi, alhamdulillah saya ucapkan terima kasih bersyukur ke atas Allah S.W.T dan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang telah mengizinkan saya untuk bersama-sama membuat sedikit perbincangan kepada kementerian yang begini penting bagi saya. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Bekalan Pembangunan 22. Kalau kita melihat kepada buku bajet yang ada di hadapan kita ini dapat kita melihat dan kita membaca bagaimana di muka surat 245, Institut Kemajuan Desa, INFRA memantapkan program latihan dan pendidikan seterusnya.

Jadi, kalau kita melihat kepada apa yang dicatat di sini bagaimana usaha-usaha hendak dilakukan oleh pihak kementerian dan saya mengharapkan supaya usaha ini berjaya dan dapat dirasakan oleh rakyat terbanyak di negara kita ini. Sebahagian besar rakyat negara kita ini, mereka menjadi penghuni-penghuni desa, mereka hidup di kampung dengan cara mereka.

Oleh hal demikian, saya akan menyebut beberapa Butiran. Di antaranya 010900 Bekalan 020300, Bekalan 020500, 020700 dan 020800. Barangkali Tuan Pengerusi, untuk memantapkan kerja-kerja pelaksanaan ini kita memerlukan kepada beberapa perkara yang saya sempat catitkan. Pertama kita memerlukan infrastruktur yang baik, untuk memajukan kampung, untuk memajukan desa, untuk memajukan rakyat kita di kampung yang terdedah dengan kemiskinan. Mereka kaya dengan kemiskinan daripada generasi ke generasi.

Mereka mewarisi kemiskinan ini daripada generasi ke generasi. Daripada ayah, daripada datuk nenek mereka. Maka kerajaan mesti memikirkan tentang infrastruktur bagaimana kita melihat kampung-kampung kita belum tersedia dengan infra yang baik.

Bukan sahaja di Kelantan, saya melihat di Pahang sama, saya melihat di Melaka juga sama. Saya melihat di Sabah dan di Sarawak. Saya mohon dan saya minta daripada sahabat-sahabat saya dari Sabah dan Sarawak di sinilah tempat kita mengemukakan pandangan.

Teluskan ucapkan kita, terangkan sungguh-sungguh. Saya masih melihat lagi, dalam ucapan saya tidak terkecuali, sehingga Kelantan saya sebut. Ada beberapa tempat yang mundur, mesti dibangunkan, Kelantan, Sabah, Sarawak, Terengganu. Dari segi infranya terlalu lembap dan terlalu lemah. Jadi, kerajaan terpaksa meletakkan keutamaan. Al-lahuiyah mesti diberi kepada negeri-negeri yang dikira miskin. Kita tidak mahu melihat bahawa ada negeri terlalu kaya, terlalu mewah. Tetapi ada negeri di dalam negara kita yang kira bawah negara kita, mereka bukan terasing daripada negara kita.

Kelantan adalah negara kita, Terengganu adalah negara kita, Perlis, Sabah, Sarawak adalah negara kita. Kita tidak mahu orang yang datang ke negara kita ini mereka bercakap bahawa di sana ada negeri-negeri yang miskin, yang rakyatnya susah. Yang titiannya daripada kayu. Kita tidak mahu melihat itu. Saya melihat di Sabah di Sarawak masih ada lagi, apabila airnya pasang, maka kita terpaksa meniti di atas titian, kalau tersalah, jatuh kita. Tidak tahulah saya, sahabat-sahabat saya dari Sabah boleh membenarkan atau tidak. Itu adalah kenyataan yang saya lihat sendiri. Barangkali betul, kalau betul, nah, kemukakan pandangan-pandangan ini. Saya kira kementerian tidak marah, Perdana Menteri pun tidak marah. Infrastruktur yang baik yang mesti dilaksanakan sekarang, kemudian pandangan yang jelas. Ada infra, tetapi tidak ada panduan. Berbangkit cerita lama. Tuan Pengerusi, bagaimana peneroka-peneroka di RISDA mula-mula dahulu. Bila mereka kaya dengan secara mendadak....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya benar insya-Allah, saya sambung sedikit lagi. Apabila mereka kaya secara mendadak, mereka beli peti ais, mereka bawa balik ke rumah dia, mereka tidak tahu hendak guna peti ais apa, akhir sekali mereka jadikan almari untuk simpan pakaian dia, ini berlaku. Infra ada, tetapi mereka tidak ada panduan.

**Seorang Ahli:** Janganlah terlalu....

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Bukan terlalu, ini suatu hakikat, saya terangkan, kena terima ini. Ini contoh. Contoh yang boleh kita bincangkan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau hendak habiskan masa di sini, tidak tahulah saya. Yang Berhormat kalau hendak menegur kami di negeri lain yang memerintah kecuali Kelantan Yang Berhormat, Yang Berhormat betulkan Kelantan itu dahulu. Tunjukkan ataupun kemampuan kerajaan Kelantan boleh buat. Barulah Yang Berhormat boleh menegur tempat-tempat yang lain. Yang Berhormat tahu rakan-rakan saya Ahli-ahli Parlimen ini pun juga mengutarakan pandangan. Tidak perlu daripada PAS, tetapi sebaliknya Yang Berhormat mestilah mencerminkan dahulu diri menyatakan apakah kelibat yang ada di Kelantan. Sedangkan YAB Perdana Menteri sudah mengumumkan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan bajet kita dengan mewujudkan Koridor Pantai Timur dan Koridor Utara. Bahkan bolehkah kita kembangkan lagi pembangunan wilayah ini, yang baru sekarang ini ialah di Johor, Pembangunan Wilayah Iskandar, ya Yang Berhormat. Jadi, saya minta Yang Berhormat kalau boleh tolong bagi pandangan apa yang Yang Berhormat hendak cadangkan. Kalau setakat Yang Berhormat hendak bagi pandangan sedangkan kalau di Kelantan pun Yang Berhormat tidak boleh betulkan, saya agak rasa peliklah apa Yang Berhormat nyatakan terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih sahabat saya dari Larut. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut bagaimana kita juga melihat ke Kelantan dan saya sebut Kelantan tadi. Dan semalam Setiausaha di Kementerian Pertanian menyebut bahawa Kota Baharu membangun sekarang ini. Saya masih ingat lagi Kota Baharu membangun begitu pesat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyebut. Dalam keadaan begitu kita cuba baiki lagi tidak kira Kelantan dan negeri-negeri lain.

Ini adalah sesuatu tinjauan sepintas lalu yang saya lihat yang perlu kita perelaskan di sini kerana kita bincang butiran sekarang ini dan saya pun rakyat Malaysia walau PAS saya rakyat Malaysia. Saya perlu memberi pandangan, tidak ada guna Yang Berhormat bagi Larut saya datang ke sini untuk saya diam sahaja ataupun saya duduk sepanjang hari, tidak memberi pandangan, tidak memberi ulasan. Saya rasa tidak betul kerana itulah kita perlu kepada panduan yang jelas, kemudian di waktu yang sama pelaksanaan. Kita memerlukan juga pelaksanaan secara jujur bukan setakat panduan jelas tetapi pelaksanaan secara jujur daripada semua pihak, dari kalangan petugas-petugas kita atau kakitangan kita untuk memajukan desa kita.

Hakikat yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa bahawa banyak desa-desa kita yang terkebelakang. Walaupun kita menamakan dengan Islam Hadhari, Islam Taqaddum dan berbagai-bagai lagi nama tetapi masih lagi di tahap yang lama. Ini yang jadi masalah. Jadi kita mahu kepada pelaksanaan secara jujur dan kita mahu juga kepada masyarakat yang muslihun, masyarakat yang sentiasa memperbaiki dirinya, tidak statik, masyarakat yang menerima perubahan. Oleh yang demikian kita kemukakan kepada kerajaan supaya tiga, empat unsur yang paling penting ini berada di dalam gagasan kita untuk kita melaksanakan tanggungjawab kita. Itu sebagai mukadimah asas yang saya beri pada petang ini.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian dalam Butiran 101900 Institut Kemajuan Desa, saya bersetuju dengan cadangan supaya satu Institut Kemajuan Desa ini ditubuhkan. Jadi beri peruntukan secukupnya dan kita mesti mempunyai pegawai yang cukup lagi mempunyai sikap atau perubahan untuk suatu yang baik kepada desa kita. Kita tidak mahu kerana kita dari desa, saya daripada desa dan sebahagian besar tuan-tuan daripada desa, barangkali Tuan Pengerusi juga dari desa. Mahu melihat desanya indah, permai, maju, aman, makmur dengan anak-anaknya, kasih sayang kepada keluarga suatu masyarakat yang muslihun yang baik insya-Allah. Bukan sekadar ada institut tetapi memerlukan kepada infrastruktur yang cukup, bekalan yang cukup, wang yang cukup dan tenaga kerja yang saya sebutkan tadi.

Pertama sekali iaitu mesti mengenal pasti desa-desa yang mundur. Turun ke bawah melihat, catat sungguh ataupun melalui kakitangan kita di peringkat bawah melalui DO (*District Officer*), melalui JKK, melalui penghulu-penghulu kita, melalui penggawa-penggawa kita, melalui orang-orang yang kita menaruh harapan kepada mereka supaya mereka melihat dan mereka menghantar sebanyak mungkin sebagai *base* sebagai asas dasar ataupun bank maklumat. Biar ada cukup di hadapan kita kampung mana, desa mana sebenarnya. Kalau dahulu dalam tahun 1960-an Universiti Malaya pernah buat suatu kajian ke....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat terlalu umumlah. Tolong tumpukan sikit, kalau tidak habis-habis kita, ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, saya masuk. Mengenal desa yang mundur. Saya minta supaya kalau dahulu pernah misalnya sebuah kampung di Pahang kita masukkan desa kemudian kita bangun dia. Di Kedah kita kenal pasti kemudian kita bangun dia. Di Kelantan mana-mana desa-desa yang mundur, kita kenal pasti dia dan kita bangun dia. Ada di hadapan kita ini daftarnya untuk kita kenal dan kita beri keutamaan jangan kita hanya melihat secara umum tetapi kita hendaklah beri keutamaan kampung mana, desa mana, negeri mana tanpa melihat di perintah oleh siapa walaupun ia Kelantan. Butiran 010.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat semua 010 ni. [Ketawa]

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Kemudian di waktu yang sama kita hendaklah menyediakan infrastruktur yang baik dan mengenali apa dia yang patut kita kemukakan kepada desa yang kita sebutkan tadi. Barangkali boleh kita sebutkan di sini masalah-masalah yang kita boleh bantu mereka dari segi menghidupkan perindustrian-perindustrian kecil di kampung. Saya melihat tidak terbelah sebenarnya, banyak perindustrian-perindustrian kecil di kampung tidak terbelah ini hasil dari orang kampung sendiri bukan orang bandar buat. Kalau di Kelantan misalnya, perindustrian makanan,

perindustrian pembuatan, perindustrian pertukangan, perindustrian jenis-jenis besi tidak terbelah mereka. Mereka buat dengan wang yang ada sebanyak mana wang yang ada pada rakyat tidak banyak Tuan Pengerusi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan. Assalamualaikum. Bolehkah? Apa khabar Yang Berhormat. Bulan Syawal. Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat kurang melihat dan membaca, minta maaf bukan sangkaan jahat tetapi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah banyak kita sudah buat. Kita ada wilayah-wilayah macam di Kedah kita ada KEDA, KESEDAR, KETENGAH, ke tepi semua kita ada dah, untuk kita hendak bangun kampung-kampung dan industri-industri ini. Jadi mungkin Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya dipertingkatkan lagi benda itu sudah ada Yang Berhormat cuma takut tidak sampai ke dalam kawasan Parlimen Yang Berhormat lagilah. Yang Berhormat boleh buat permohonan kepada kementerian dan kalau hendak cepat Yang Berhormat kita masuk dalam Barisan Nasional. Kita cepat sikit.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih, saya rasa saya bukan bersangka jahat. Kalau saya jahat, saya tuduh kemudian saya sebut perkara-perkara tidak baik bukan jahat. Pembasmian kemiskinan dengan kita kerana itulah saya sebutkan tadi kita harus membuat suatu kajian sebenar tentang kemiskinan. Daripada kampung ke kampung, daripada tempat ke setempat dan kita mempunyai kakitangan yang cukup di negara kita. Jadi dengan cara kita membuat kajian tersebut kita dapat melihat siapa dia miskin di kampung kita di negeri kita.

Sekarang ini orang Melayu yang miskin bukan orang lain. Jadi bila kita cakap kemiskinan kita bercakap tentang orang Melayu.....

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** ....kerana itulah kita cuba kita lihat benda ini dan kita minta kepada suatu kajian dibuat melalui Ketua-ketua Kampung kita, melalui Imam-imam Mukim, melalui orang yang kita amanahkan kemudian pegawai-pegawai kita turun sendiri daripada bandar turun ke kampung melihat benar atau tidak apa yang kita sebut tentang kemiskinan yang dilakukan oleh atau yang berlaku di kampung kita. Dengan cara yang sedemikian barangkali kita dapat mengurangkan.

Tuan Pengerusi kita hendak pembasmi kemiskinan secara sifar tidak mungkin, di mana-mana ada kemiskinan. Di Amerika ada kemiskinan dan di seluruh negara ada kemiskinan kerana kemiskinan ini adalah tabii manusia dikira dengan pendapatan masing-masing. Tetapi untuk mengurangkan kemiskinan ini barangkali kita dapat lakukan kerana itulah saya memohon daripada kementerian supaya ada satu, dua, tiga perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini, sambungan yang saya sebutkan dahulu kita hendaklah mempunyai sikap [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] artinya kita hendaklah elakkan pembahagian kekayaan di negara kita ini. Kerana kekayaan ini bukan tertumpu pada sesuatu masyarakat sahaja [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] sehingga harta-harta kekayaan tidak tertumpu kepada golongan kaya tetapi mesti ada sikap pembahagian yang baik, yang bagus, yang telus. Di waktu yang sama kita hendaklah mempunyai sikap pegawai-pegawai kita, kakitangan kita seterusnya kementerian sendiri mempunyai satu agenda iaitu [*bercakap dalam bahasa Arab*] cermat, orang Kelantan kata cermat dalam pelaksanaan. Kita negara kita kaya raya....boleh.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sikitlah kerana Yang Berhormat bercakap banyak tentang kemiskinan. Oleh kerana kemiskinan juga ada kaitan dengan peluang pekerjaan. Jadi dalam negara kita 50% adalah warga wanita. Banyak daripada mereka adalah juga terpelajar. Bagaimana dengan pendirian PAS sekarang, pada suatu ketika dahulu mereka mengatakan orang perempuan tidak boleh kerja dan orang perempuan cantik pula tidak boleh bekerja. Jadi kalau begitu 50% daripada tenaga kerja kita tidak dapat kerja dan akan berada dalam landasan kemiskinan. Jadi pendirian ini saya hendak Yang Berhormat perjelaskan sama ada ini adalah masih dikekalkan sebagai dasar di peringkat PAS negeri.

Keduanya, saya terbaca dalam tahun 1999, semasa dalam pilihan raya dahulu bahawa kita dalam dunia ini, kita miskin tidak mengapa, tetapi di akhirat kita kaya. Jadi

kalau miskin di dunia tidak mengapa, kenapa Yang Berhormat sebut-sebutkan tentang kemiskinan sekarang? Saya tahu dalam Islam itu tidak disebut begitu. *[Bercakap di dalam bahasa Arab]* Tetapi bagaimana dengan pendirian PAS yang dahulunya menyebut kemiskinan di dalam dunia tidak mengapa, akhirat kita kaya. Minta penjelasan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri, di atas dua soalan. Terutama sekali wanita tidak dibenarkan bekerja ataupun hanya diberi kerja kepada wanita cantik. Saya tidak tahu siapa yang mengeluarkan kenyataan ini? *[Dewan riu]* *[Ketawa]* PAS tidak pernah menyekat wanita daripada bekerja. Cuma PAS hanya menghadkan kerja-kerja tertentu di kawasan-kawasan tertentu.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Tidak. Mungkin Yang Berhormat terlupa, yang disebutkan ialah pemimpin negeri Kelantan sendiri dan untuk penerangan, mungkin Yang Berhormat lain semua masih ingat perkara itu. Mungkin Yang Berhormat tidak ingat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang saya juga ingat, Menteri Besar Tok Guru Nik Aziz menyebut bahawa kita nak mewujudkan satu suasana yang baik kepada wanita. Yang tak baiknya ialah untuk wanita bekerja di waktu malam. Itu yang tak dibenarkan kerana banyak kes sosial ini berlaku di waktu malam, satu.

Yang kedua pula, lari daripada landasan. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* maksudnya, perempuan ini dijadikan untuk rumah tangga dia. Sakinahnya tinggal di rumah di waktu malam, bukan bekerja di waktu malam. Supaya mereka bekerja di siang hari. Itu yang saya ingat. Supaya mereka bekerja di siang hari. Bukan bekerja di waktu malam, satu.

Yang ketiga pula, bukan melarang orang cantik bekerja. *[Ketawa]* Tok Guru Nik Aziz sebut macam ini. Ini fakta yang disalah fahamkan. Sekiranya ada dua orang, ini seorang perempuan yang kurang sikit rupanya. Ini perempuan yang indah dan cantik rupa dia. Maka Tok Guru Nik Aziz kata, kita utamakanlah yang ini kerana yang ini mempunyai peluang banyak. Barangkali dia cepat kahwin. Bila dia cepat kahwin, urusan rumah tangga dia ditangani oleh suami dia. Kita bagi kepada yang ini dahulu. Bukan tak mahu bagi kepada ini. Ini nombor dua kita bagi.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid:** Minta maaf, Tuan Pengerusi. Saya tanya dari segi kemiskinan. Jadi kalau ada peluang pekerjaan, bolehlah kita ambil bekerja, orang cantik pun. Itu sahaja.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Boleh, boleh bekerja. Di Pantai Timur, di Kota Bharu itu penuh dengan wanita. Di Pasar Besar Siti Khadijah penuh dengan wanita dan kakitangan di pejabat menteri besar pun ada wanita. Cuma diasingkan sedikit. Maknanya tidak berhadapan, sejumlah di sini wanita dan di sini lelaki. Saya rasa tidak timbul ini Yang Berhormat. Saya hormat Yang Berhormat dalam masalah-masalah begini dan tidak timbul bahawa PAS mengadakan satu polisi tidak membenarkan wanita bekerja. Kelantan, alhamdulillah, penuh dengan wanita-wanita bekerja. Dan guru Yayasan Agama Islam Negeri Kelantan, dua per tiga daripadanya wanita. Dua per tiga daripada guru yaysan - 3,000 orang, hampir dua per tiga daripadanya wanita. Ertinya pelaksanaan alhamdulillah, tidak ada apa-apa. Barangkali Yang Berhormat lama tak pergi Kelantan. *[Ketawa]*

Saya masuk lagi yang seterusnya, kita kena ada dari segi ada *mutabaah* dan ada *taqim*. Ada *follow up* dan ada penilaian kepada kerja yang kita buat. Barangkali kita lepas satu projek, tetapi kita tidak menilainya. Kita tidak tengok dia. Terbangkalai projek. Kita bangunkan satu kampung, kita bagi wang kepadanya, kita bagi peruntukan kepadanya. Kemudian kita tak lihat kampung itu. Kita biar begitu. Akhir sekali, kampung itu kembali kepada mundur semula. Maju dan kemudian mundur ke belakang. Bila mereka mundur, mereka tidak mundur selangkah. Tetapi mereka mundur 10 langkah ke belakang.

Oleh yang demikian, kena ada satu sikap *mutabaah* dan *taqim* daripada pegawai-pegawai kita. Penyusunan, penilaian dan seterusnya kena ada *[Bercakap di dalam bahasa Arab]*. Saya sengaja guna bahasa Arab kerana saya belajar ekonomi Islam dahulu, ada perkara-perkara ini. Dia sebut bahawa kena ada *[Bercakap di dalam bahasa Arab]*. Ertinya

bukan sahaja taqim, bukan sahaja penilaian, tetapi hendaklah ada pembaikan di mana yang kita buat tidak kena dahulu. Sekarang ini kita membangunkan kampung kita, tetapi di waktu yang sama, kita tengok pemuda-pemuda kita rosak, terdedah dengan dadah dan terdedah dengan bermacam-macam lagi. Ada jadi doktor yang tidak berkelulusan. Ini yang menjadi penyebab kepada kampung kita menjadi mundur. Kerana itulah kita kena *ada [Bercakap di dalam bahasa Arab]* sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Dan kita kena ada sikap orang kita sendiri. Barangkali kembali kepada latihan dan kursus-kursus latihan kesedaran. Banyak saluran yang kita boleh mainkan. Khutbah-khutbah yang dikeluarkan oleh JAKIM misalnya. Khutbah-khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh JAKIM, Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam boleh memainkan peranan untuk membangunkan ummah kita dan untuk membangunkan rakyat kita di kawasan kampung kerana masjid-masjid ini memainkan peranan. Tetapi saya tidak dapat melihat benda ini. Saya tidak melihat sangat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Kerana itulah saya melihat...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat tadi sebut ada doktor tak ada kelulusan. Ini macam ada masalah besar ini. Adakah ini satu perkara yang benar-benar berlaku? Macam mana ada doktor yang tak ada kelulusan? Siapakah yang jadi mangsa ini? Adakah ini berlaku di Kelantan sahaja? Atau adakah Yang Berhormat saja reka-reka? Tak boleh Yang Berhormat. Ini perkara bukan main-main. Ada doktor yang tidak ada kelulusan ini macam mana? Siapa yang benarkan? Jadi kalau betul Yang Berhormat, Yang Berhormat kena bertanggungjawab sebab ini doktor yang tidak ada kelulusan. Bagaimana mereka boleh menjalankan tugas tanpa kelulusan? Bukan senang nak buat pembedahan, nak cucuk sana, cucuk sini Yang Berhormat? Adakah ini semata-mata hanya kiasan nak menyedapkan ucapan Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat sudah lari daripada tajuk perbahasan ini. Minta penjelasan Yang Berhormat sedikit.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ia hanya sebagai kiasan. Doktor yang tidak berkelulusan ertinya, ramai di kalangan anak-anak muda kita sekarang guna jarum sendiri. Dadah, cucuk sendiri. Itu yang saya katakan doktor. Bukan doktor, maknanya doktor. Dalam bahasa Arab Yang Berhormat, dia ada dua perkataan. Ada '*ma'ani*', ada '*sarahah*' dan ada '*qinayah*'. Barangkali Yang Berhormat bagi Larut tak belajar perkara ini. Yang Berhormat bagi Pasir Putih senyap tadi. Saya tahu, kalau saya silap Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pasir Putih tegur saya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat bagi Pasir Putih belajarkah?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yang Berhormat bagi Pasir Putih tak tegur saya, ini erti betul.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat bagi Pasir Putih pun tak belajar.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yang Berhormat bagi Larut tak faham ini. Yang Berhormat bagi Larut tak belajar. *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat sombong, dia bongkak. Mengikut cara pemimpin Islam yang melatah politik. Semua cakap sombong. Kalau Yang Berhormat ada fikiran yang baik, keluarkan. Jangan bodek orang lain. Saya pun boleh bodek Yang Berhormat, tapi saya tak berani kerana Yang Berhormat lebih tua daripada saya. Saya menghormati Yang Berhormat. Tetapi Yang Berhormat kata saya tak belajar, tak bagus. Kerana Yang Berhormat sebagai pemimpin yang tua, menunjukkan satu perkara yang tak baik kalau tolong yang muda. Adakah ini sikap orang PAS? Saya cukup terkejutlah kalau itu pemikiran yang ada pada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Terima kasih. Kalau itu menjadikan...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya tak sangka seorang ketua melakukan satu Rukun Negara yang boleh menjatuhkan imej Yang Berhormat sendiri... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Cukuplah, cukup.

**Tuan Pengerusi:** Baik, sabar. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yalah. Kalau Yang Berhormat bagi Larut terasa begitu, saya minta maaf. Tak ada apa. Saya minta maaf. Saya pohon maaf sahajalah.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Yang Berhormat, setiap orang itu ada lebih dan ada kurangnya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya, saya tahu.

**Tuan Pengerusi:** Ada Yang Berhormat tahu, dia tak tahu.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Ada yang dia tahu, Yang Berhormat tak tahu.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya. Dan saya..

**Tuan Pengerusi:** Dan tak bermakna Yang Berhormat yang diam itu, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bersetuju kalau dia diam.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya tak kata jahil. Saya kata tak tahu sahaja. Tak tahu ringan sedikit. Tak tahu ini, 'akhaf'. Terlalu ringan. Tetapi kalau saya kata jahil, itu menghina dan merendah-rendahkan. Saya tak guna perkataan jahil. Tak tahu ini maknanya sikit sahaja. Tahu itu banyak. *[Ketawa]* Ada yang tak tahu. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. Dengan itu masa pun habis Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Sikit lagi. Satu, dua perkara lagi.

**Tuan Pengerusi:** Baik, dua minit lagi untuk Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Tadi Yang Berhormat kata saya tak belajar. Kata saya tak tahu, depan-depan kita. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, habiskanlah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat belum lepas lagi di akhirat. Yang Berhormat jangan main-main. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya tengok Tuan Pengerusi saya rasa ada perkara-perkara yang boleh diperbaiki, yang boleh dikemukakan ataupun diambil tanggungjawab oleh kementerian. Teknologi pemakanan misalnya. Untuk membangunkan kampung tadi saya dah sebut bahawa ada perindustrian kecil khususnya tentang makanan. Kalau di Kelantan terlalu banyak. Laksa, laksam, dodol, nasi lemak, dan bermacam-macam makanan. Bagaimana kalau benda ini cuba dibawa ke tengah sedikit masuk ke pasaran, masuk ke hotel-hotel dan.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit. Ada mereka kata murtabak Kelantan yang tebal, daging banyak RM10. Yang itu boleh kita buat Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya. Saya setuju.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Yang Berhormat carilah jalan buat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya tulislah sudah ini murtabak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Habis dah Yang Berhormat bercakap.

**Tuan Pengerusi:** Baik, baik.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Kemudian di sana juga ada kraf tangan misalnya. Kain songketnya, kain tenunnya, macam-macam kraf tangan yang boleh dilakukan yang semestinya pihak kita mengambil tanggungjawab ini sehingga dapat membangunkan perindustrian yang saya sebutkan tadi. Pembuatan misalnya. Ada satu kampung di DUN Tendong. Tendong ini di bawah Barisan Nasional. Di sana ada kraf tangan tentang pembuatan besi. Berbagai-bagai jenis yang dibuat tapi tidak ada pasaran dan tidak diberi peruntukan yang secukupnya. Di kawasan DUN Tendong itu UMNO yang jadi wakil rakyat di sana, Haji Fauzi. Saya tengok masih lagi dengan cara lama. Dengan cara tukul dengan tangan, kemudian api dibakar dengan tidak ada gas dan sebagainya. Dia minta peruntukan daripada saya. Saya mana ada peruntukan kerana pusat pun tak bagi kepada saya Tuan Pengerusi. Kalau pusat bagi kepada saya RM500,000 dapat saya buat macam ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia menyokong Barisan Nasional Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Baik, baik.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Menyokong Barisan Nasional. Jadi perkara-perkara inilah yang saya sebutkan walaupun masih ada lagi perkara-perkara yang saya hendak sebutkan. Oleh kerana banyak gangguan saya terpaksa.....

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tak ada siapa ganggu, Yang Berhormat itu yang ego sangat bercakap.

**Tuan Pengerusi:** Baik, cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya hendak minta maaf. Tak betul lagi. Saya minta maaf. Saya kata tak tahu sahaja bukan kata apa. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Jerlun.

### 3.02 ptg.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang hendak disentuh ialah 020000, 025000, 020500. Berkenaan dengan infra terutamanya hal-hal berkaitan dengan bangunan-bangunan tabika KEMAS. Apa yang berlaku pada hari ini kebanyakan bangunan-bangunan tabika KEMAS masih lagi menumpang dengan Dewan UMNO ataupun dewan orang ramai menyebabkan dewan-dewan yang berkenaan menjadi kekurangan dan pihak KEMAS pun tidak mempunyai dewan-dewan sendiri.

Maka perlulah kementerian mengambil satu persediaan agar menyediakan sedikit dana supaya pembelian tapak-tapak untuk pembinaan kelas-kelas bangunan tabika ini secara khusus yang mana kita dapati apabila dewan-dewan orang ramai ataupun dewan-dewan UMNO khususnya di kampung-kampung hendak digunakan semula menyebabkan tabika ini ditutup. Apabila ditutup operasinya masalah penyediaan tapak. Wang untuk membeli tapak baru tidak ada dan di kawasan saya ada satu tabika KEMAS pada hari ini tidak dapat dilaksanakan kerana tidak dapat menyediakan tapak berkenaan.

Yang keduanya hal-hal kebajikan pegawai-pegawai dan kakitangan KEMAS. Kita tahu mereka ini telah diserapkan oleh JPA. Tetapi bolehlah kementerian mengambil sedikit perhatian kerana mereka juga merupakan anggota kerajaan yang sepatutnya mendapat sedikit-sebanyak keutamaan ataupun keistimewaan dari segi kebajikan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Laluan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Laluan, takut lupa. Minta maaf Yang Berhormat bagi Jerlun. Saya tertarik tadi mengenai KEMAS ini. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Jerlun. Kalau tak boleh pun, menteri jawab nanti. Untuk menjayakan kelas KEMAS kah, tabika kah tapi PAS panggil PASTI, itu cerita dialah. Saya tutup di Wilayah Persekutuan dahulu sebab dia tidak ikut saya. Satu sahaja tutup tapi buat perubahan, bukan tutup terus.

Jadi hendak ceritanya kalau kita hendak buat kelas KEMAS ini yang kemas betul satu aspek bangunan kita kena fikir balik. Yang kedua, aspek guru terlatih bukan lantik JPA sahaja. JPA ada bahagian latihan, kita di INTAN. Yang ketiganya, peralatan mesti kemas, cukup, *environmentnya* mesti sihat. Ini bagi saya Tuan Pengerusi kalau kita hendak buat betul-betul tadika memang tadika KEMAS berjaya. Saya tengok 80% kita berjaya tapi dalam keadaan serba kekurangan. Macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Jerlun. Tambah peruntukan.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya setuju Yang Berhormat kata pihak menteri yang menjawab. Seterusnya kebajikan yang saya hendak ketengahkan di sini ialah pegawai-pegawai dan kakitangan KEMAS ini dalam perkhidmatan dalam kontrak selama dua tahun mereka diberikan cuti bersalin sekali. Dalam kontrak tersebut dalam masa dua tahun mereka boleh mendapat cuti bersalin sekali. Tapi ada yang subur itu Tuan Pengerusi dia bersalin dua kali. Maka dia kena ambil cuti tanpa gaji.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Setahun dua kali macam mana?

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Kalau dia bersalin dua kali dia tak dapat cuti bersalin sebab dalam kontrak dua tahun dia hanya layak mendapat cuti bersalin sekali. Kalau dia bersalin dua kali dia kena ambil cuti tanpa gaji. Jadi saya rasa kita boleh beri pertimbangan. Ini kita cadangkan kepada kementerian.

Kemudian begitu juga dengan menunaikan fardhu haji. Tuan Pengerusi, sepanjang perkhidmatan mereka, mereka hanya mendapat kelayakan sekali cuti tanpa gaji untuk menunaikan fardhu haji. Tapi sesetengah itu mereka ada kemampuan mungkin kementerian dapat mengkaji apakah insentif seterusnya supaya pegawai-pegawai dan kakitangan KEMAS ini dapatlah cuti tanpa gaji dalam sepanjang perkhidmatan mungkin dua atau tiga kali untuk menunaikan fardhu haji. Perkara seperti ini kita perlu beri pertimbangan kerana inilah dengan izin *front liner* kerja-kerja pegawai bersama-sama dengan masyarakat dan kita rasa mereka juga banyak memberi sumbangan dan juga banyak menggerakkan masyarakat.

Seterusnya, perkembangan-perkembangan semasa beberapa unit di dalam KEMAS seperti Gerakan Desa Wawasan, CPM. CPM saya lupa nama tapi bukan *Communist Party Malaysia* tapi CPM dalam KEMAS. Cawangan Pendidikan Masyarakat dan juga Bina Insan. Ini adalah unit penggerak yang terlalu dekat dengan masyarakat setempat tetapi gerakan mereka ini tidak begitu positif, tidak begitu lancar dan tidak begitu berkesan kerana peruntukan.

Kebanyakan Gerakan Desa Wawasan dan Cawangan Pendidikan Masyarakat hanya melakukan aktiviti-aktiviti secara bersama. Mereka tidak ada peruntukan khas untuk menggerakkan secara khusus. Aktiviti bersama itu maksudnya begini, kiranya ada peruntukan wakil rakyat kita buat mereka tumpang. Tumpang itu dalam erti kata yang lebih profesional menyelia. Menyelia ini Tuan Pengerusi dia cuma macam rekod sahajalah. Berapa orang hadir, apa pengisiannya. Jadi mereka tak boleh menggerakkan ataupun merancang secara terperinci apakah perlu diisi dengan Gerakan Desa Wawasan yang lebih melibatkan masyarakat secara dekat. Gotong-royong pun kadang-kadang tak boleh dibuat kerana tak ada peruntukan walaupun peruntukannya tak begitu tinggi.

Dalam sesi yang lepas menteri ada menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat perlulah memberi kerjasama, berilah sedikit bantuan. Kita bagi, kita memang ada peruntukan. Tetapi oleh kerana peruntukan itu daripada wakil rakyat tidak datang daripada mereka

sendiri dan mereka pun tidak ada modus operandinya maka penyeliaan itu hanya penyeliaan atas kertas. Lepas itu tidak ada *follow up*, tidak ada *post mortem* dan tidak ada laporan-laporan yang lebih terkini supaya kita hendak tahu apakah perancangan dan kekesan sesuatu program.

Cawangan Pendidikan Masyarakat hanya kadang-kadang ada sukaneka. Wanita dimasukkan aktiviti seperti pertandingan memasak. Ambil dua tiga empat hamper. Johan ini, naib johan ini lepas itu habis. Dia tak berskala, Cuma *ad-hoc* dengan izin.

Jadi patutlah saya rasa kementerian melihat perspektif ini sebagai satu gerak kerja yang boleh melibatkan masyarakat terkebahawah dan mungkin boleh juga kita masukkan ke dalam apa yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat respons kepada perkembangan bina insan kerana inilah orang-orang yang akan menggerakkan dan inilah juga program-program, projek-projek yang mudah diterima. Dan secara tidak langsung, ianya lebih mudah untuk mendidik dan membawa masyarakat secara kolektif, bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk menjayakan program-program yang dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali jalan-jalan kampung. Butiran 02500 - Jalan-jalan Kampung dan Penyelenggaraan. Aspek yang pertama ialah kita berterima kasih kepada kementerian, tiap-tiap musim, tiap-tiap tahun kita dapat RM2-3 juta untuk pembinaan jalan-jalan kampung. Cuma rayuan saya dan saya telah berbincang mendapat sedikit sebanyak pandangan daripada kawan-kawan, seboleh-bolehnya peruntukan yang dikhaskan kepada Ahli-ahli Parlimen itu berilah secara *outright grant*. *Outright grant* ini bermakna bukan sahaja jalan yang kita kenal pasti, kita kenal pasti juga kontraktor-kontraktor berkenaan kerana ini kontraktor-kontraktor kelas F sahaja yang banyak membantu wakil-wakil rakyat, yang banyak membantu kawasan untuk digandingkan sekali dengan jalan-jalan yang telah kita kenal pasti. Presidennya sudah ada, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun luluskan RM2 juta, RM3 juta *outright grant* kepada wakil rakyat, Ahli Parlimen.

Saya rasa sudah sampai masanya pendekatan *outright grant* ini, pemberian terus ini diketengahkan oleh kementerian kerana kesannya amat baik. Dan saya pun bukanlah hendak meminta atau hendak mengajar menteri untuk membawa ke Kabinet dan sebagainya. Saya rasa kementerian boleh mencari jalan yang dekat, yang baik agar keluhan-keluhan daripada wakil-wakil rakyat untuk menggunakan peruntukan ini sebaik-baik mungkin dapat dilaksanakan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, kita berharap inilah satu-satunya kementerian yang berdamping secara dekat, secara rapat dengan rakyat dan kementerian inilah yang dapat melihat sedalam-dalamnya masalah rakyat. Walaupun ada bertindan-tindih, tetapi saya minta bertindan-tindih itu boleh diberi keutamaan apabila ada sesuatu isu. Saya ambil contoh rumah PPRT, di kawasan saya ada sebuah rumah PPRT yang telah saya minta dah nak habis tahun dah. Saya ketengahkan bukan isu personal tetapi ini isu nasional juga. Rumah ini telah mendapat peruntukan yang pertama sebanyak RM10,000 bagi mengubah suai ataupun membaiki bilik. Tetapi apa yang terjadi, malangnya penghuni rumah ini ada tiga orang. Abang gila, adik gila, dua-dua adik gila, saya takut sampai dah hujung bulan, Wakil Rakyat pun naik gila.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Jadi yang saya minta tambahan untuk membaiki bilik adik yang bongso, adik wanita, perempuan, takut nanti dia gila-gila, dia buka pintu, dia buat tak ketahuan. Orang gila-gila ini bukan boleh tapi difahamkan oleh pihak KEDA, oleh kerana sudah dapat peruntukan awal pembaikan itu, kita tidak boleh bagi yang kedua. Saya kata memang itu kita faham, tetapi ini isu yang lain, isu lain, isu yang kita rasa cukup prihatin kerana tiga-tiga ini tidak diminta oleh mereka menjadi gila. Ini adalah takdir Allah SWT. Marilah kita tolong supaya ini dijadikan satu projek prihatin di luar daripada pengurusan ataupun di luar daripada prosedur tetapi kita boleh memasukkan mungkin atas budi bicara menteri, timbalan menteri ataupun kementerian sendiri, ataupun jabatan sendiri. Tidak payahlah kita sampai terpaksa merayu-rayu dengan gambar kita bagi, lawatan pun sudah kita buat tetapi bila balik dalam *meeting*, dalam maklumat yang diberikan, telah dapat

peruntukan awal, peruntukan tambahan yang kali kedua tidak ada dalam prosedur kementerian.

Jadi itulah isu yang terakhir Tuan Pengerusi, terima kasih. Dan juga terima kasih kepada semua, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**3.15 ptg.**

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai Butiran 010800 - Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang dihadapi oleh penduduk dari Kampung Sungai Melayu iaitu sebuah kampung tradisional di kawasan saya. Kampung ini terdapat kira-kira 135 buah rumah dan mencapai penduduk seramai 900 orang. Kebanyakan penduduk dari Kampung Sungai Melayu menjalankan kegiatan menangkap hidupan laut untuk meneruskan kehidupan mereka. Kampung Sungai Melayu merupakan kawasan pedalaman. Ketidakrataan jalan utama dari Kampung Sungai Melayu telah menyusahkan kegiatan harian para penduduk. Penduduk perlu mengambil masa yang lama sekiranya mereka ingin keluar dari kampung ke bandar untuk aktiviti seperti bekerja, menghantar anak ke bandar, ke sekolah atau membeli belah. Ini amat memakan masa yang panjang.

Perkara ini telah pun saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali untuk memohon jalan ini ditarkan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian kerana telah memberi peruntukan sebanyak RM435,000 bagi projek PIAS untuk membina Jalan "Kasuran" Kampung Sungai Melayu sepanjang 8.7 km. Ini menyenangkan para penduduk kerana terdapat jalan yang rata untuk melakukan aktiviti harian. Tetapi projek ini hanya menyiapkan kerja sebanyak 4km sahaja, yang bakinya sebanyak 4.7 km belum lagi dilakukan apa-apa kegiatan pembinaan. Adakah peruntukan yang diberi hanya cukup untuk pembinaan sebanyak 4km sahaja?

Jalan yang berlubang-lubang merupakan hasil peninggalan kerja pembinaan yang separuh siap. Ini meningkatkan kes seperti kejatuhan dan kemalangan para pengguna jalan raya yang menaiki motosikal atau basikal terutamanya pada waktu malam. Apabila menjelang musim hujan, banjir mudah berlaku. Ini menyebabkan nyawa penduduk tergunat.

Tuan Pengerusi, maka saya berharap pihak kementerian dapat memandang serius terhadap perkara ini. Dan saya ingin tahu adakah pihak kementerian bercadang supaya dapat meneruskan pembinaan Jalan "Kasuran" Kampung Sungai Melayu dan ditarkan demi menjaga keselamatan bagi para pengguna jalan dari Kampung Sungai Melayu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Beluran.

**3.19 ptg.**

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 03200 - Program Kesejahteraan Rakyat. Kita melihat saban tahun ratus juta digunakan oleh kementerian untuk mengadakan program-program bertujuan untuk meningkatkan tahap ekonomi masyarakat luar bandar terutama di kalangan mereka yang berada dalam kategori kumpulan miskin.

Dan kalau kita lihat program-program ini lebih banyak kepada pencapaian kewangan daripada melihat keberkesanan program yang dilaksanakan oleh kementerian. Adakah kementerian melihat ini? Kita lebih banyak kepada soal untuk mencapai peruntukan. Akhir tahun kita akan melihat berapa peratus pencapaian peruntukan yang telah dicapai oleh kementerian. Kalau ianya 80%, 90% maka kita lebih berbangga kepada pencapaian peruntukan. Saya tidak melihat ada kajian dilaksanakan oleh kementerian untuk melihat sama ada program itu benar-benar memberi kesan seperti yang dimatlamatkan. Kerana kalau kita buat kajian tentu kita akan melihat banyak program yang dilaksanakan semata-mata untuk menghabiskan peruntukan. Saya memberi contoh satu peruntukan banyak yang disalurkan oleh kementerian melalui pejabat daerah, umpamanya

program peningkatan ekonomi masyarakat miskin seperti program membina kolam ikan, program menanam beberapa tanaman-tanaman kontan yang disalurkan oleh pejabat daerah. Dan akhirnya kita melihat tanaman kontan tidak berfungsi cuma ada sekali sahaja. Kolam ikan yang dibina itu cuma tinggal air, ikan yang tidak ada, reban ayam yang dibuat untuk memberi tambahan kewangan wang untuk masyarakat desa juga tidak ada kesinambungan. Kerana itu saya mengatakan bahawa program ini lebih banyak kepada pencapaian kewangan.

Saya ingin mengajak kementerian untuk benar-benar menganalisa kembali membuat kajian setiap program-program yang bertujuan untuk membantu masyarakat miskin ini. Adakah kajian yang terperinci, lihat sistem pencapaian, adakah perlu pegawai daerah ini yang diamanahkan begitu banyak beban oleh semua agensi kerajaan terutama di Sabah ini yang kementerian ini tidak ada agensi kecuali melalui pejabat daerah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri berkesan untuk benar-benar menepati objektif yang hendak dilihat oleh kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat di bawah butiran mana tadi?

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** 03200 - Program peningkatan .... termasuk semua ini program-program dalam Kepala ini. Perlu kementerian untuk mengkaji keberkesanan projek dalam program-program yang dilaksanakan dan juga saya ingin melihat agar pendekatan melalui pejabat daerah ini dikaji oleh kementerian sama ada berkesan. Seperti saya katakan tadi bahawa kementerian ini tidak mempunyai agensi pelaksanaannya di peringkat daerah, apakah tidak perlu kementerian melihat penglibatan wakil rakyat untuk satu-satu projek membasmi kemiskinan. Dalam konteks sekarang ini tidak ada penglibatan secara langsung yang dibawa oleh pejabat daerah-pejabat daerah dalam menentukan keberkesanan program di bawah kementerian. Dan tahun peruntukan tahun 2007 harus dilihat perkara agar setiap kewangan yang dilaksanakan oleh program yang dilaksanakan oleh kementerian bukan sahaja mencapai matlamat penggunaan kewangan itu tetapi mencapai matlamat untuk membasmi kemiskinan di peringkat luar bandar.

Satu perkara lagi 01703 - Bekalan Elektrik Luar Bandar khusus untuk Sabah. Kalau kita lihat sebanyak RM78 juta akan diperuntukkan untuk 2007. Kalau kita lihat tahun lalu RM48 juta Tuan Pengerusi. Banyak sambungan bekalan elektrik ini di kawasan luar bandar di Sabah termasuk kawasan Parlimen saya, yang cuma ada sambungan elektrik wayar, tiang elektrik dan *wiringnya* dan ada masyarakat kampung yang berjaya mendapatkan sambungan daripada tiang elektrik ini ke rumah masing-masing.

Tetapi masalahnya Tuan Pengerusi banyak kawasan yang sepatutnya disambung elektrik ini tidak mendapat bekalan elektrik di luar bandar. Masalahnya tempat-tempat yang dilaksanakan projek ini oleh kementerian ini melalui syarikat-syarikat yang dilantik terus oleh kementerian tidak melihat *availability* kuasa elektrik yang ada di kawasan berkenaan. Banyak di kawasan saya yang mempunyai program ini Tuan Pengerusi, tetapi tidak ada bekalan elektrik disebabkan SESB (Sabah Electricity Sdn. Bhd.) tidak dapat membekal kuasa elektrik berkenaan. Kerana SESB sendiri tidak mempunyai *extra power* untuk disalurkan ke kawasan berkenaan.

Sewaktu saya katakan kalau kita lihat RM48 juta digunakan oleh kementerian ini sepanjang tahun 2006, tetapi tidak dapat mencapai matlamat yang dikehendaki iaitu untuk memberi bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Tetapi sekadar untuk meletakkan tiang, menyambungkan wayar dan juga membuat sambungan ke rumah tetapi *the end* produk itu untuk mendapatkan bekalan elektrik tidak tercapai.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Dan tidak adanya kerjasama antara kementerian dengan agensi yang membekal lampu ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Adakah Yang Berhormat bagi Beluran bersetuju bahawa dalam soal kerjasama ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga

Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi, yang SESB ini dia berniaga dan yang Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini dia bertanggungjawab untuk memberi bekalan elektrik maknanya prasarana dia. Ini bererti bahawa sebenarnya bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dia sudah berjaya menjalankan tanggungjawab dia untuk membekalkan elektrik prasarana dia. Tetapi yang gagal ialah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi, mereka gagal untuk menyediakan elektrik Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa peruntukkan kita di sini untuk Kemajuan Luar Bandar tetapi yang kementerian yang satu lagi yang gagal untuk menyediakan elektrik.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya setuju, sebab itu saya katakan bahawa kementerian ini berjaya pada hakikat untuk mengadakan prasarana tetapi gagal untuk memberikan bekalan elektrik yang dikehendakkan. Saya mahu kerjasama antara SESB dengan KPKKLW dipertingkatkan untuk tahun peruntukan 2007 ini. Kita jangan biarkan RM48 juta telah dilaksanakan tetapi tidak ada bekalan elektrik untuk masyarakat luar bandar, kerana itu saya ingin tahu apa pendekatan baru yang dirancang oleh kementerian ini untuk mengelakkan masalah yang sedemikian seperti yang berlaku sekarang ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta Yang Berhormat bagi Ledang.

**3.27 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus tidak ada mukadimahlah terus sahaja menjurus kepada butiran.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ringkaskan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Butiran 010300 dan 20100 sekali gus iaitu saya menjurus terus kepada dua jawatan Pegawai KEMAS ini satu pemaju masyarakat dan kedua guru TABIKA KEMAS. Saya menyokong ucapan yang terdahulu tentang dua pegawai ini. Sebab mereka ini Tuan Pengerusi banyak jasa, banyak jasa mereka terhadap kemajuan masyarakat di luar bandar dan kita semua sedia maklum mereka bekerja bukan macam pegawai kerajaan biasa, hari Ahad pun bekerja, hari cuti bekerja dan sebagainya. Tetapi sehingga ini, taraf mereka masih lagi bertaraf pegawai kontrak yang tidak tetap dan tidak berpencen. Sudahlah tidak tetap tidak berpencen tidak ada keistimewaan-keistimewaan lain seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerlun tadi tidak ada cuti istimewa untuk bersalin dan sebagainya. Jadi, Tuan Pengerusi saya hendak cadangkan supaya Kementerian Luar Bandar, dahulu memang adalah hasrat itu, segera untuk menggubal semula jawatan pemaju masyarakat ini. Begitu juga jawatan guru tabika, guru taska.

Begitu juga guru taska ini dan juga guru tabika bekerja juga di luar daripada waktu pejabat, hari Ahad bekerja. Dan kalau guru tabika Tuan Pengerusi, sekarang ini apabila kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengutamakan, melaungkan, semua pemimpin kerajaan melaungkan modal insan, ini modal insan yang paling penting pendidikan seawal usia. Tetapi seperti yang umum mengetahui, kelulusan atau kelayakan guru tabika ini atau taska tidak setaraf lagi, tidak seimbang dengan keperluan semasa.

Oleh demikian, ini juga Tuan Pengerusi, dulu dilaungkan oleh kementerian akan digubal segera. Jadi, masanya dah suntuk sekarang ini Tuan Pengerusi. Dan mereka juga diberikan status yang tinggi kalau kita nak bela guru-guru tadika yang ada ini, mereka juga segera kalau boleh adalah *crest* program yang tertentu supaya mereka ini terus dapat diberikan peningkatan tarafnya dari segi kelulusannya, dari segi pengalamannya, keupayaan mereka mendidik, mengajar anak-anak kita yang di peringkat awal usia tadi supaya mereka akan mudah masuk, akan mudah menerima pembelajaran yang lebih formal di peringkat sekolah rendah setelah mereka melalui satu proses pembelajaran yang sempurna, yang terkini di peringkat tadika.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dan kedua, terakhir Tuan Pengerusi, terus menjurus kepada butiran 30000 sekali gus, saya nak terus menjurus kepada kawasan saya sahaja. Tuan Pengerusi, selamat datang. Saya terus menjurus kepada kawasan saya sahaja iaitu ada tiga kampung orang asli. Kampung Sungai Mering, Kampung Tanah Gembur, Kampung Air Tawas. Tanah Gembur dan Air Tawas belum ada kemudahan elektrik lagi.

Sungai Mering alhamdulillah dah ada kerana sudah pun mendapat laluan bekalan elektrik. Tanah Gembur dan Air Tawas belum ada kerana melalui tanah estet. Cuma saya nak maklumkan di sini, sesuatu mesti di buat supaya Kampung Tanah Gembur, Kampung Air Tawas ini saya betul menjurus terus kepada butiran ini, kepada kawasan saya ini. Dengan segera diberikan bekalan elektrik. Saya tak tahan dah ini. Setiap kali Mesyuarat Agung Cawangan, UMNO Bahagian hah inilah. Siap berpantun lain, bermadah lain. Kenapa kami dipinggirkan, kenapa yang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Putih Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Jadi...hah silakan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya sokong Yang Berhormat bagi Ledang. Jangan kata lihat di Ledang. Saya sokong di Ledang penuh seratus peratus. Lihat di Sarawak, lihat di Sabah sebab saya dah 12 tahun di Sarawak. Saya tahu bagaimana pendalaman. *Grassroots*, orang lain tak sampai. Saya sampai berdakwah sama. Jadi saya nak lihat juga di hulu-hulu Kelantan. Saya dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas saya tak bergaduh walau pun dia lain. Berbeza parti politik, saya tidak ada beza. Saya nak supaya menyeluruh. Kerana saya ada tengok soal api air ini belum selesai banyak tahun dah. Ini sebenarnya '*dururiat*', masuk dalam bab fikhh..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ambil alih Yang Berhormat bagi Ledang ke?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tak, tak. Nak tanya dia. Dalam fikhnya ialah '*dururiat*'. Ini keperluan ini. Jadi bukan '*taksirniat*'. Jadi minta macam mana pandangan. Tambah peruntukan kalau tak cukup, *re-engineering* dalaman kalau tak cukup.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Oleh kerana ini dah terakhir saya nak cakap untuk tajuk ini. Jadi saya memang menyokong sangatlah pandangan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Putih tadi dan jadikan sebahagian daripada ucapan saya tetapi saya nak sebut sekali lagi, Yang Berhormat bagi Pasir Putih memang menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang tadi. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Yang Berhormat bagi Pensiangan. Luar bandar, luar bandar. Pensiangan.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh tiga perkara sahaja iaitu satu mengenai dengan 00800 mengenai dengan teknologi maklumat dan infodesa ini. Iaitu satu sistem pengurusan dan teknologi maklumat yang minta supaya khususnya kepada penduduk-penduduk luar bandar ini yang bukan sahaja diteruskan tetapi dapat menggunakan ICT ini dengan lebih berkesan lagi.

Saya ingin tahu daripada kementerian, sejauh mana infodesa-infodesa yang telah pun didirikan di beberapa buah tempat dan saya mendapati bahawa beberapa buah infodesa telah pun dibangunkan di kawasan saya. Tapi saya rasa terkilan, tempat ini saya rasa macam gajah putih sahaja yang mungkin bilangan besar orang-orang di kampung atau pun di desa ini tidak dapat menggunakannya disebabkan tidak mempunyai guru-guru komputer dan sebagainya dan untuk mengendalikan kaedah-kaedah komputer dan sebagainya dan saya minta supaya kementerian ini untuk meneliti dan sejauh mana keberkesannya prestasi aktiviti maklumat di desa-desa.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 01703 mengenai dengan bekalan elektrik luar bandar ini dan saya lebih menekankan kepada bekalan elektrik alternatif. Yang mana sekarang ini kalau kita lihat memang bekalan bakar ini memang mahal sekali sama

ada petrol atau pun diesel. Dan jadi tidak mampulah orang-orang kampung ini atau pun orang-orang desa untuk membeli lebih-lebih lagi harga ini terlalu tinggi sangat. Satu terlalu tinggi dan kedua begitu sukar untuk mereka mendapatkan bekalan-bekalan tersebut disebabkan mereka ini jauh terpencil di luar-luar bandar.

Jadi, saya mempunyai satu projek yang telah pun kita kendalikan dengan jayanya iaitu mikro hidroelektrik yang telah pun dibangunkan di satu kawasan yang telah memberi satu kesan dan impak yang baik dan dia telah menjalankan kuasa lebih kurang 5KV yang boleh menjana lebih kurang beberapa buah rumah termasuklah rumah panjang yang saya rasa ini telah memberi satu kesan yang baik sebab kenapa kita tidak menggunakan lagi bahan-bahan seperti petrol atau pun diesel ini.

Jadi yang ini saya rasa mereka telah pun mendapat cahaya sinaran lampu-lampu yang saya rasa yang membanggakan mereka dan dapat digunakan untuk mereka bukan sahaja daripada segi selalunya kegelapan tetapi anak-anak mereka juga dapat belajar dan dapat menonton TV dan juga mendengar radio-radio, siaran-siaran radio untuk memberi satu kesan yang baik kepada mereka.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh di sini mengenai dengan 04500 Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Kalau kita lihat di luar bandar sekarang ini, mereka lebih menumpukan perhatian mereka kepada penanaman getah yang kita sukar sekali bahawa Lembaga Industri Getah Sabah ini tidak dapat membekalkan benih-benih kepada pekebun-pekebun kecil yang sentiasa dahagakan impian mereka untuk membangunkan tanah-tanah mereka. Justeru itu saya minta supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini melihatnya secara terperinci, lebih prihatin terhadap keluhan dan rintihan penduduk-penduduk luar bandar khususnya di pinggir-pinggir bandar ini.

Kalau kita lihat di pekan-pekan atau di luar-luar bandar ini, di perkampungan mereka ini tidak ada bahan-bahan tumbuhan atau pun pokok-pokok yang tumbuh. Yang tumbuh itu adalah lalang, yang tumbuh itu adalah pokok-pokok yang *primary*, *secondary jungle*. Yang tumbuh itu adalah pokok-pokok ubi kayu dan sebagainya. Yang ini tidak dapat mendatangkan hasil kepada mereka dan mereka sentiasa menyeru kepada saya supaya dapatlah kerjakan benih-benih ini untuk mereka dapat membangunkan tanah-tanah mereka di kebun-kebun yang ada dengan mereka. Dengan itu, saya menyokong dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 01700, Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sarawak. Tuan Pengerusi, ini tahun ke-12 saya bangun untuk merayu supaya bekalan elektrik dibekalkan kepada kawasan saya. Dan pada petang ini Tuan Pengerusi, saya ada kepentingan dalam ucapan ini oleh kerana saya ingin menyentuh rumah panjang saya sendiri. Walaupun itu rumah panjang saya sendiri, tetapi dalam rumah panjang itu ada 20 keluarga. Jadi saya hanya satu keluarga dan saya juga berucap bagi pihak 19 keluarga.

Tetapi dalam perkampungan saya itu ada tujuh buah rumah panjang. Jadi, bekalan yang terdekat hanya tiga kilometer dari kampung saya itu. Nama kampung itu Pungguk. Jadi, hanya tiga kilometer dan saya telah menulis surat kepada Menteri Luar Bandar dan saya telah memberi salinan kepada pegawai yang menyelia pembangunan pemodenan desa dan saya haraplah selepas bercakap ini nanti, mendapat kesan yang positif, oleh kerana apabila saya berhubung dengan syarikat yang berjaya untuk membekalkan elektrik di Sarawak, pengurus syarikat mengatakan mereka tidak ada *discretionary power* untuk mendatangkan bekalan elektrik kepada kampung saya itu.

Tuan Pengerusi, saya rasa sangat memalukanlah kalau Ahli Parlimen di kawasan itu tidak ada kuasa, tidak ada pengaruh untuk membawa bekalan elektrik kepada rumah panjang dia sendiri. Macam mana dia dapat pengaruh membawa pembangunan kepada kawasan-kawasan lain atau pun negeri Sarawak pada amnya kalau tiga kilometer dari rumah dia sendiri pun tidak ada bekalan elektrik. Selepas 12 tahun berucap, mungkin saya dengan Tuan Pengerusi datang pada tahun yang sama, 1995 ke Parlimen ini. Selepas berucap 12 tahun, masih tidak ada kesan.

Tuan Pengerusi, saya juga mohon, saya tidak marah oleh sebab saya tahu kementerian ini banyak kerja dan saya masih mohon...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain diamlah, kena dengarlah.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Saya masih mohon supaya pegawai-pegawai melihat masalah saya ini sebagai *special* kes. Oleh sebab Tuan Pengerusi tidak lama lagi kita akan menghadapi pilihan raya dan macam mana saya hendak menghadapi pengundi-pengundi di perkampungan saya, dan pengundi-pengundi di kawasan saya kalau selepas 12 tahun tidak ada kesan langsung. Oleh sebab saya tidak mahu mencairkan ucapan saya Tuan Pengerusi, saya hanya menumpu kepada isu ini sahaja oleh sebab saya hendak memohon pembelaan dari pegawai-pegawai yang mendengar ucapan saya hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tetapi Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Seputeh dahulu.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Dengar Pasir Puteh. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh, sila Seputeh.

**3.41 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama kali saya ingin memberi sokongan kepada rakan Barisan Nasional tentang rayuan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian terhadap semua rayuan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 01703 kemajuan masyarakat di Sabah. Selepas saya memberi sokongan kepada penduduk di Sarawak saya hendak membantu rakan saya di Sabah.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat bagi Seputeh, pengundi bukan Sabah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya saya ingin memberi bantuan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat teruskan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh masalah yang dihadapi oleh penduduk dari 'Andrasi', Bukit Tajam dan juga Serudung. Terdapat 120 penanam yang merupakan bekas pegawai kerajaan dan juga penerima pencen kerajaan di Tawau, telah membuka sekeping tanah yang telah terbalak di hutan simpanan di 'Andrasi' lebih daripada 20 tahun yang lepas. Pada September tahun ini, 52 daripada rumah mereka dibakar oleh pegawai daripada Jabatan Perhutanan di Sabah. Mereka rasa amat kecewa kerana rumah mereka terus dibakar walaupun mereka telah membentangkan aduan mereka kepada Ketua Menteri Sabah, di mana Ketua Menteri Sabah tidak memberi bantuan kepada mereka.

Saya difahamkan bahawa mereka pernah membentangkan permohonan mereka kepada kerajaan untuk menjalankan penanaman di tanah kerajaan. Permohonan mereka juga telah mendapat sokongan daripada Menteri Pembangunan Luar Bandar dan ADUN di Sabah. Mereka telah pun menggunakan wang simpanan seumur hidup mereka untuk membuka tanah dan menjalankan penanaman. Kesannya kesemua permohonan daripada bekas pegawai kerajaan ini telah pun ditolak. Sehubungan dengan itu, 250 orang Murut

selama enam generasi di Serudung di Sabah telah membentangkan permohonan untuk mendapat 1,000 ekar tanah.

Mereka juga rasa amat kecewa kerana tanah nenek moyang mereka yang dipohon itu telah pun diberi kepada syarikat swasta. Mereka pernah membuat permohonan kepada Jabatan Tanah dan Pengukuran sejak tahun 70-an. Di samping itu nenek moyang mereka yang merupakan pemastautin yang paling awal di Serudung - lama, malah sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Tetapi permohonan mereka masih ditolak oleh kerajaan. Keputusan pihak Kerajaan Sabah ini amat mengecewakan golongan orang Murut di Tawau ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat itu sudah dasar Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, saya rujuk kepada Sabah, mengenai Sabah. Untuk makluman Tuan Pengerusi, Ketua Pembangkang dan juga saya pernah melawat ke kawasan Tawau dan pernah berjumpa dengan wakil penduduk dari kawasan sana.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat pun tidak tahu tempat itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya pernah pergi, saya telah jumpa mereka. Yang tahu tidak mahu cakap jadi saya tolonglah.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Butiran apa?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, saya teruskan. Satu isu lagi isu yang seakan sama, pada akhir tahun 2005, mana itu. Perkara yang sama juga berlaku di kawasan 'Maungpok', Tanjong Nagos di Semporna.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Butiran berapa Yang Berhormat?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya merujuk kepada Butiran 01703, kemajuan masyarakat di Sabah, sila rujuk. Tuan Pengerusi biar saya teruskan. Perkara yang sama juga berlaku di kawasan 'Maungpok', Tanjong Nagos di Semporna, di mana 141 keluarga yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu, dengar ya Ahli Parlimen UMNO. Daripada kaum Melayu telah pun menjalankan penanaman di tanah Semporna selama 30 tahun. Mereka telah membuat permohonan tanah lebih daripada 20 tahun sejak zaman pemerintahan PBS, tetapi kesannya permohonan mereka tidak diluluskan.

Pada akhir tahun 2005, tanah mereka disewa kepada Syarikat Warisan Jaya Makmur Sdn. Bhd. dengan sewa tahunan RM524,000 satu tahun. Pegawai Jabatan Perhutanan kemudian itu masuk ke kawasan kediaman dan penanaman mereka dan membakar rumah-rumah mereka, merampas kesemua hartanah termasuk kambing, ayam, mesin, kenderaan dan juga menebang semua pokok buah-buahan mereka. Mereka yang enggan mengosongkan tanah, mereka pula ditangkap dan dimasukkan ke penjara. Selepas itu Syarikat Warisan Jaya Makmur Sdn. Bhd. mengambil alih semua buah-buahan dan hasil tanaman yang ditanam oleh keluarga tempatan itu dan sekarang mereka mendapat hasil penanaman itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Itu bukan Yang Berhormat, itu permohonan tanah Yang Berhormat, itu lain.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ini berkenaan dengan pembangunan luar bandar kerana kita semua setuju kita perlu membantu golongan yang miskin, orang tempatan yang minta tanah dari kerajaan yang mana semua hutan yang telah pun ditebang itu, mereka harus diberi keutamaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, gulunglah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tetapi kesannya golongan yang miskin dan juga orang tempatan itu mereka tidak diberi keutamaan, tetapi Kerajaan Negeri Sabah beri kepada syarikat swasta dan pungut sewa daripada syarikat swasta. Ini memang tidak

adil bagi orang Sabah. Jadi oleh kerana di negeri Sabah tidak ada parti pembangkang, tidak ada wakil rakyat pembangkang, jadi saya menghulurkan bantuan kepada mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akhirnya, ini gulung, saya difahamkan sebenarnya apa yang saya cakap ini telah pun ditulis oleh ADUN di kawasan Semporna. Beliau telah tulis surat kepada Ketua Menteri Sabah sejak Januari tahun ini, tetapi tidak ada tindakan diambil. Jadi saya berharaplah pihak kementerian... [Disampuk] ada-ada, saya semua ini ada bukti. ADUN ada tulis tetapi tidak boleh pakai kerana Ketua Menteri tidak tolong dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Itu hal Kerajaan Negeri Sabah Yang Berhormat.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Pengerusi, bukti tidak menerangkan tanah yang dipohon itu adalah tanah hutan simpan kerajaan. Tanah hutan simpan kerajaan dia tidak beritahu dengan Dewan ini. Dia orang penceroboh hutan simpan kerajaan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** ADUN sudah tulis surat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat bagi Seputeh cukuplah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, memang itu tanah hutan simpan kerajaan, tetapi kenapa ia disewa kepada syarikat swasta? Peneroka tempatan telah pun menanam pokok buah-buahan semua itu selama 30 tahun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ini hal ehwal pembangunan negeri bukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Selepas itu mereka diusir begitu sahaja. Jadi Kerajaan Negeri Sabah, Ketua Menteri Sabah yang tidak mengenang jasa para peneroka tempatan itu. Itu yang kami rasa susah hati.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi saya berharaplah pihak kementerian yang ingin membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar khususnya di Sabah yang mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi di Malaysia ini, jadi pihak kementerian haruslah menunjukkan keprihatinan mereka terhadap isu yang begitu penting yang dihadapi oleh orang tempatan di Sabah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh, sila duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Bukan, bukan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, minta maaf Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, bagi wanita dahulu. Yang Berhormat bagi Gelang Patah sudah bercakap.

**3.48 ptg.**

**Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh dua perkara sahaja, Butiran 010800 - Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial dan Butiran 011000 - Pembasmian Kemiskinan. Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa masalah kampung ini begitu banyak, 1001 masalah. Dari segi elektrik, jalan, longkang-longkang, surau dan sebagainya. Kita dapati baru-baru ini kalau kita lihat disebabkan cuaca tahun ini agak lembap dengan hujan yang mencurah-curah telah menyebabkan kampung-kampung hari ini dinaiki banjir. Kita dapati bahawa di seluruh kampung sebenarnya tidak ada longkang-longkang yang dibina.

Oleh itu dari segi inilah kita harap daripada kementerian dapat memberi peruntukan yang lebih terutamanya dari segi ameniti sosial, sebab kalau diberi cuma RM50,000 sahaja memang tidak cukuplah untuk kita membuat longkang-longkang.

Dan lagi satu, berapa banyak peruntukan yang kita cuba dapat daripada kementerian juga sebenarnya kita tidak dapat mengesahkan masalah kampung. Sebab, saya memberi contoh ini, contohnya ialah dari segi pembinaan jalan. Dahulunya jalan luar bandar ini telah pun diserahkan kepada pejabat daerah, tetapi kini, di buat di bawah JKR.

Di sini, kalau kita lihat jalan untuk satu rantai yang dinilai untuk membina jalan baru ini sampailah RM3,900. Sedangkan apabila saya sendiri menyelidik dan juga bertanya tentang satu rantai jalan untuk di bina daripada kementerian sendiri, dikatakan cuma RM1,800 atau RM2,000 sahaja. So dengan kata lain, kalau katakan pihak kementerian tidak menetapkan kadar atau kos untuk membina jalan ini maka berapa banyak peruntukan yang kita turunkan itu tidak akan menyelesaikan masalah-masalah di kampung.

Saya juga setuju dengan cadangan Yang Berhormat Jerlun tadi kalau boleh kementerian berilah *a outright grant* kepada Ahli-ahli Parlimen. Terutamanya kalau kecemasan iaitu untuk membina rumah penduduk daif dan sebagainya. Kadang-kadang kita memohon daripada Jabatan Kebajikan pun Jabatan Kebajikan rujuk balik kepada Ahli Parlimen. So, dari sini kita dapati bahawa kita mempunyai masalah untuk membantu rakyat yang miskin di sini.

Saya haraplah iaitu pihak kementerian dapat membantu wakil rakyat-wakil rakyat dalam pembasmian kemiskinan ini terutamanya kita juga ingin kementerian dapat memberi kepada Ahli-ahli Parlimen sedikit peruntukkan untuk kita hulurkan kepada orang-orang yang miskin. Sebab kita dapati walaupun kebanyakan daripada peruntukkan pembasmian kemiskinan ini telah disalurkan melalui pejabat daerah, kita dapati bahawa berapa ramai kah iaitu pegawai-pegawai daripada pejabat daerah ini yang betul-betul turun ke bawah untuk mengenal pasti orang yang miskin.

So, yang lebih mengetahui sebenarnya adalah wakil rakyat-wakil rakyat. Oleh itu, di sini kadang kala program-program pembasmian kemiskinan ini dilaksanakan tanpa dimaklumkan kepada wakil rakyat-wakil rakyat. Di sini, kita dapati bahawa kita tidak dapat menyelesaikan kemiskinan yang sebenarnya kalau perkara ini dilanjutkan sampai bila-bila. Itu harapan kita sebagai wakil rakyat iaitu kementerian dapat mempertimbangkan dari segi peruntukan *immunity* ditingkatkan, memberi sedikit *outright grant* dan *outright grant* juga untuk peruntukan kecemasan. Sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam cuba spesifik Tuan Pengerusi, menyokong yang mundur supaya dibantu dan yang maju terus juga dibantu. Sabak Bernam akan lebih bercakap mengenai aspek non fizikal. Manusia yang memimpin di sesebuah kampung. Kita berharap kementerian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, untuk dasar Yang Berhormat. Kita pergi kepada butiran.

**Dato' H aji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Saya menyentuh Butiran 010900 - infra, di mana di situ kementerian perlu memantapkan program latihan dan penyelidikan. Saya nak kaitkan terus kepada ini yang akan membantu pemimpin di peringkat akar umbi. Jadi oleh kerana itu, kita berharap supaya pemimpin akar umbi ini akan dapat diberikan perhatian secara khusus supaya mereka ini sebenarnya di peringkat akar umbi yang sepatutnya boleh menjawab semua isu-isu yang berlaku dalam masyarakatnya termasuklah apa yang dibangkitkan tentang kemiskinan, tentang warga emas, tentang ibu tunggal, tentang belia bermasalah, tentang pelajar dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan kekurangan dalam aspek fizikal.

Jadi oleh kerana itu kita berharap supaya pihak kementerian membuat kajian dan penyelidikan mengenai kepimpinan ini, supaya mereka ini yang akan dipilih sebagai pemimpin akar umbi ketua kampung itu akan ditentukan kriterianya. Jadi kerana, yang

terpenting sekali ialah sebagai pemimpin di peringkat akar umbi, mereka harus dapat membantu pihak kerajaan memastikan dasar-dasar kerajaan itu berjaya.

Akhirnya di sesebuah kampung itu, kita berharap supaya pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membuat satu kajian melalui peruntukan yang ada atau butiran yang saya sebutkan tadi, buat satu penyelidikan setakat manakah keberkesanan pemimpin akar umbi itu.

Kerana kita dapati, kalau kita lihat daripada pilihan raya yang lepas, sikit sahaja, ayat tak habis, ayat tergantung ni Lipis, sekejap sahaja. Kalau kita teliti daripada pilihan raya yang lepas, sangat jelas salah satu daripada punca undi kurang di sesebuah tempat itu ialah kerana kepimpinan di peringkat akar umbi. Mereka sebenarnya kita tanya sokong dasar kerajaan yang begitu baik, tetapi bila di lihat pengundian kalah Barisan Nasional dan kita dapati mereka ini menjadi salah satu daripada puncanya. Kalau ini di dapati, kita berharap supaya pihak kementerian mengambil tindakan yang khusus terhadap mereka ini. Sila Lipis.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Bagi saya bukan ketua kampung ini sahaja Tuan Pengerusi tetapi keseluruhan JKKK itu dilihat, kerana penggerak dalam sesuatu kampung itu bukan setakat ketua kampung sahaja tapi JKKK, setiausaha dan sebagainya. Sebab itulah bagi saya, kalau ketua kampung itu telah kita bagi elaun yang sesuai dengan secukup setimpal, setiausaha pun perlu kita lihat bagaimana elaun yang diperoleh oleh mereka kerana penggerak kadang-kadang setiausaha juga.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Lipis, saya bersetuju. Sebenarnya apabila saya menyebut tentang kepimpinan, ia sebenarnya menjadi satu kunci atau watak yang terpenting di dalam institusi JKKK, kerana pengerusi kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini ialah ketua kampung. Saya bersetuju supaya pihak kementerian memperkasa institusi JKKK ini dengan memberikan satu bentuk insentif kepada setiausaha JKKK kerana, kalau kita cuba kesan di mana-mana kampung, biasanya yang lebih mengetahui mengenai sesebuah kampung itu tentang permasalahan, tentang maklumat di sesebuah kampung itu, biasanya setiausaha JKKK. Peranan daripada pengerusi JKKK.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Putatan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Peranan daripada pengerusi JKKK. Saya persilakan sahabat saya Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya dari Sabak Bernam. Saya terpanggil apabila Sabak Bernam menyentuh fasal insentif bagi setiausaha JKKK yang mana kerjanya agak berat sedikit kerana ini semua dikendalikan oleh setiausaha. Jadi baru-baru ini Yang Berhormat, saya masuk ke kampung di kawasan saya. Ada beberapa orang kenamaan yang menyentuh bahawa elaun yang telah diumumkan atau kenaikan gaji yang diumumkan oleh pihak kerajaan bagi semua ketua kampung dan pengerusi JKKK akan dinaikkan. Tapi malangnya ketua kampung dan pengerusi JKKK di negeri Sabah belum mendapat apa-apa berita berkenaan dengan kenaikan-kenaikan gaji dan elaun mereka, apatah lagi menerima elaun tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini soal ketua kampung, JKKK ini Kerajaan Negeri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Putatan. Saya rasa dari segi yang malang tadi tu kita serah kepada kementerian untuk memberikan jawapannya.

Jadi saya bersetuju Tuan Pengerusi bahawa ini di bawah pengurusan kerajaan negeri tetapi, kita yakin bahawa kementerian boleh mengadakan permuafakatan dengan pihak kerajaan negeri kerana kebanyakan peruntukan pembangunan di sebuah kawasan

luar bandar itu adalah daripada kementerian, maka kita rasa ada kewajaran supaya pihak kementerian campur tangan dalam peringkat yang khusus, itu kepimpinan.

Perkara yang kedua, kita mencadangkan supaya di sesebuah kampung itu diwujudkan projek ekonomi contoh.

Ini selaras dengan dasar kerajaan supaya wujud satu kampung, satu produk, oleh kerana itulah saya menyokong teman-teman saya tadi yang mencadangkan supaya Ahli Parlimen ini supaya diberikan satu bentuk peruntukan supaya mereka boleh membantu memastikan projek ekonomi contoh itu diwujudkan. Dan sehubungan dengan perkara ini kita berharap kementerian ini juga bekerjasama ataupun makna selaras dengan kementerian yang lain khususnya Kementerian Pertanian dan Asas Tani begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Usahawan yang juga memberikan perhatian khusus mengenai IKS dan projek-projek ekonomi contoh.

Kalau boleh saya ambil satu contoh, sekarang ini di hadapan saya ini daripada Arau ini saya telah disediakan dengan benih pokok jarak dan kita difahamkan bahawa kalau ini diketengahkan maka ia boleh menjadi sumber pendapatan kepada penduduk luar bandar dan yang miskin boleh dikeluarkan daripada kemiskinan itu.

Satu lagi contoh ternakan, kita juga difahamkan ada satu projek yang difahamkan sangat berjaya dan mudah bagi orang kampung iaitu ternakan ikan keli dalam kanvas dia ada di Machang kalau saya tidak silap, dia ada di Jeli, dia ada di Gua Musang. Jadi kalau ini diketengahkan, ia boleh dijadikan sebagai projek contoh di sebuah kampung yang sebenarnya juga boleh dikaitkan dengan *agro-tourism* di mana ia boleh menjadi satu destinasi pelancongan kecil di kampung-kampung ataupun di kawasan-kawasan tertentu.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, ialah saya lihat kajian yang khusus berkaitan dengan masalah gejala sosial secara objektif tidak dilakukan oleh mana-mana pihak. Oleh kerana kementerian ini bertanggungjawab terhadap pembangunan kampung-kampung melalui GDW yang dahulunya ialah gerak desa wawasan dan sekarang ini telah diubah kepada gerak daya wawasan, ini satu langkah yang saya rasa cukup bagus, proaktif kerana yang penting ialah gerakan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dan saya dapati di luar Bandar khususnya di Sabak Bernam, saya sangat membimbangi sebenarnya gejala sosial yang semakin melebar dan menular khususnya masalah gejala sosial negatif, masalah dadah, masalah gejala sosial sumbang mahram dan seumpamanya. Oleh kerana itu kita berharap melalui kementerian ini supaya satu kajian secara objektif dilaksanakan dan satu agenda tindakan diambil dan dalam konteks agenda tindakan ini saya menyokong teman-teman saya supaya KEMAS diperkemas. Pegawai-pegawai yang kurang sebenarnya segera maknanya dicarikan ganti, kalau di Sabak Bernam, saya difahamkan dan saya telah dimaklumkan pemaju masyarakat kita kekurangan lima orang dan pegawai bina insan kita kekurangan 10 orang. Ini boleh menjejaskan integriti kementerian ini jadi oleh kerana itu kalau ini dapat dilaksanakan dengan segera, kita yakin bahawa pembangunan masyarakat oleh kementerian ini melalui KEMAS dan juga agensi yang lain akan dapat dipertingkatkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya makan sedikit masa sahaja dan dua perkara...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sedikit sahajalah, tidak cukup masalah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Ya, terima kasih. 01702 Sarawak, Pembangunan Elektrik. Tuan Pengerusi di Sarawak kita masih jauh ketinggalan daripada pembekalan elektrik ini bukan sahaja di luar Bandar tetapi juga di persisiran bandar pun dalam kawasan saya mempunyai masih ada 70 peratus luar bandar

dan kawasan ini pun walaupun berdekatan dengan bandar dalam kawasan industri dan sebagainya, kampung-kampung Melayu, kampung-kampung Iban, masih ada yang tidak mempunyai bekalan elektrik yang sepenuhnya. Dari itu saya melihat peruntukan yang disediakan oleh kementerian ini RM78,500,000 ini nampaknya mungkin tidak mencukupi.

Yang kedua saya mintalah kepada kementerian Ahli Parlimen, ADUN diberi sedikit peluang dan ruang untuk memberi input kepada kementerian dan untuk memberi maklumat kepada kementerian supaya input daripada wakil rakyat, input daripada orang-orang yang betul-betul sampai ke *grassroots* di terima pakai. Jangan semua diberi kuasa ini kepada pihak yang duduk dalam hawa dingin di pejabat dan bangunan tinggi dan kepada syarikat-syarikat yang dapat penswastan pembekalan itu sahaja, itu yang pertama.

Yang ketiga saya pindah Tuan Pengerusi kepada 02300 Jalan-jalan Luar Bandar. Kalau kita melihat dalam fakta Tuan Pengerusi bahawa di semenanjung panjang jalan ialah 55,025.72 dan di Sabah 16,090 dan Sarawak hanya 6,471 kilometer sahaja. Di Semenanjung 55,000 lebih, 16,000 di Sabah dan hanya 6,400 di Sarawak. Nampaknya *very serious* dengan izin, *serious imbalance*. Sarawak dengan Semenanjung itu sama besarnya tetapi daripada segi nisbah jalan raya yang dibina hanya hampir 10 peratus sahaja. Jadi bagaimana rakyat Sarawak ini boleh menikmati perkhidmatan jalan raya ini? Jadi ini amat mengecewakan jadi persoalannya dibangkit di sini lagi kita minta pada kementerian supaya menekankan, ini fakta yang sebenarnya yang saya pegang ini.

Pada tahun 2004, jumlah perbatuan jalan 2004, jadi ini fakta kerajaan dan kerajaan mengetahui hanya yang tinggal ini pengkhususan dan pemantauan supaya perimbangan dilaksanakan kalau tidak Sarawak akan sentiasa tertinggal. Itulah tadi Yang Berhormat bagi Sri Aman menangis dalam hati, menangis tidak berair mata oleh sebab kampungnya hanya 3 kilometer tidak ada jalan, di Santubong Tuan Pengerusi masih banyak tempat-tempat yang orang kata, bergincu bibir, *berpowder* muka, pakai bedak amoi pada gincu mungkin L'Oreal tetapi di belakang jalan saya hendak sebut pun payah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Jadi saya berharap perimbangan ini disediakan dan dilihat oleh kementerian jangan gunakan fakta ini sebagai satu benda simpanan sahaja, kalau sampai ke tangan kami. Saya pun melihat kecewa saya, jadi kecewa oleh kerana melihat Semenanjung 55,0100, 16,000 di Sabah hanya 6,000 di Sarawak kilometer panjang jalan.

Saya boleh baca Tuan Pengerusi, yang di Sabah itu pun saya rasa sedih juga, yang 16,000 di Sabah itu hanya 5,800 sahaja yang diturap, 9,595 tidak berturap, masih pakai *grabble*. Sementara di Semenanjung, 49 000 diturap dan 3,200 sahaja yang tidak diturap, manakala di bagi dengan kampung-kampung, bandar-bandar dia hanya sedikit-sedikit sahaja mungkin langkah macam ini sahaja sudah habis yang tidak turap itu. Jadi ini juga menunjukkan tidak ada perimbangan yang tertentu dibuat oleh pihak kerajaan untuk melihat supaya rakyat Malaysia sama rata, di Semenanjungkah, di Sabahkah, di Sarawak diberi peruntukkan daripada pihak kerajaan secara berimbang supaya janganlah orang Sarawak, orang Sabah berjalan atas jalan atau jalan raya tetapi pakai *grabble* tetapi pakai tanah laterit ataupun tanah kuning. Jadi kereta-kereta yang cat putih, cat hitam jadi kuning bila sesekali pakai orang Sabah, jadi orang Sabah sebut-sebutkan cerita ini juga. Jadi saya Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tidak ada benda lain Tuan Pengerusi, tidak ada benda lain asas apabila jalan dibuat api elektrik di bekal, air disampai insya-Allah orang Sabah, orang Sarawak dapatlah menikmati perkara yang sama walaupun kita menerima hakikat bahawa banyak *privatize* atau penswastan membantu di Semenanjung dalam kita memberi penswastan di Semenanjung di Sarawak, Sabah mungkin *human density* ini tidak mencukupi kita tidak boleh membuat penswastan, bawalah sedikit sumber kewangan berlebihan daripada segi *rationya* ke Sarawak dan Sabah untuk biar orang Sarawak itu tahulah jalan buat elok sedikit, orang Sabah itu tahulah

jalan yang elok sedikit Tuan Pengerusi, itu fakta yang sebenarnya Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tebrau.

**4.10 ptg.**

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010200 - Perancangan Strategi. Tuan Pengerusi, saya rasa bagi tujuan pengagihan peruntukan projek-projek pembangunan kawasan-kawasan Parlimen tidak seharusnya semata-mata dikategorikan sebagai kawasan bandar dan kawasan luar bandar, dua jenis sahaja. Tetapi kategori khas perlu diadakan untuk kawasan Parlimen yang misalnya 30% ataupun 40%...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini dasar.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Ia perancangan strategi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lebih elok tumpukan kepada peruntukan yang di bawah Butiran...

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Ya. Saya beri satu contoh iaitu kawasan Parlimen Tebrau. Saya cadangkan ada kawasan Parlimen yang kategori khas itu iaitu separuh kawasan luar bandar supaya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dalam kategori separuh luar bandar itu juga diberi perhatian dan keperluan kemudahan (*amenity*) sosial dan infrastruktur asas seperti jalan, jeti, bekalan air dan elektrik sepatutnya diutamakan supaya tidak lagi mendengar keluh-kesah bahawa mereka dibiarkan kerajaan setelah begitu lama mencapai kemerdekaan.

Saya ingin menarik perhatian KKL B di kawasan Parlimen Tebrau yang masih terdapat 13 buah kampung. Sungguhpun ia dikategorikan sebagai kawasan bandar, tetapi masih ada 13 buah kampung di kawasan luar bandar belum ada bekalan elektrik dan bekalan air. Senarai kampung kategori ini telah pun dikemukakan kepada KKL B. Ini tidak termasuk keperluan jalan tar oleh penduduk-penduduk kampung tersebut.

Saya minta KKL B memikirkan semula kawasan Tebrau yang selama ini dianaktirikan dari segi peruntukan dapat dikategorikan semula sebagai kawasan separuh luar bandar dengan tepatnya dan bukan sahaja kawasan bandar supaya penduduk-penduduk kawasan luar bandar di kawasan Parlimen Tebrau tidak tertinggal dalam arus pembangunan negara.

Saya ingin juga menyentuh Butiran 030000 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Di kawasan Parlimen Tebrau, contohnya Kampung Pasir Salam, sebuah perkampungan Orang Asli di tepi sungai dan juga di tepi laut. Mereka ini bekerja sebagai nelayan. Sehingga sekarang mereka masih tidak ada bekalan elektrik dan bekalan air dan tiada jalan tar untuk ke kampung Orang Asli. Anak-anak mereka ke sekolah dengan menaiki sampan. Bila air surut, ibu bapa kena mendukung anak-anak itu ke sampan yang hanya boleh singgah 20 meter dari pantai. Orang-orang Asli di sini memberitahu bahawa mereka hidup macam itu semenjak negara mencapai kemerdekaan.

Permintaan mereka untuk bekalan air, bekalan elektrik dan juga jalan tar tidak menghasilkan apa-apa pun. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di negeri Johor tidak dapat berbuat apa-apa kerana tiada peruntukan. Saya minta supaya KKL B mempercepatkan bantuan kepada penduduk-penduduk Orang Asli yang berasa terpinggir ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

**4.14 ptg.**

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang untuk saya membahaskan di bawah Kepala B.22 tentang perkara 030000. Jumlah bajet untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang dianggarkan sebanyak RM51 juta adalah satu daripada perbelanjaan yang lebih tinggi walaupun dibandingkan dengan lembaga-lembaga yang lain tetapi secara realitinya

kehidupan masyarakat Orang Asli amat terpinggir di negara ini dan masih sengsara dan hidup dalam kemiskinan yang luar biasa.

Contohnya, purata kadar kemiskinan tegar di Malaysia telah jatuh ke tahap 1.4%. Tetapi untuk masyarakat Orang Asli kadar kemiskinan masih tinggi iaitu 35.2%. Kalau kita tidak dapat membasmi kemiskinan dan menaikkan taraf mereka yang berjumlah hanya 150,000 insan sahaja di Semenanjung Malaysia bagaimanakah kita boleh mengatakan projek pembasmian kemiskinan dan pembangunan di luar bandar dan wilayah telah berjaya?

Tentang perkara 030100 iaitu pentadbiran dan sumber manusia, berapa peratus daripada kakitangan di jabatan ini merupakan daripada masyarakat Orang Asli sendiri? Adakah kementerian mempunyai dasar di mana Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada masa yang akan datang ditadbir oleh mereka sendiri? Dan adakah latihan-latihan yang diperuntukkan dalam perkara 030600 merangkumi latihan tentang pentadbiran dan peningkatan kemahiran masyarakat Orang Asli untuk pada suatu masa akan boleh mentadbir jabatan mereka sendiri?

Mengenai Perkara 030700, Tuan Pengerusi, iaitu kesihatan dan perubatan. Anggaran perbelanjaan yang berjumlah RM9.7 juta yang mewakili penambahan RM400,000 mengecewakan. Sebagai contohnya, masyarakat Orang Asli didapati merupakan 51.5% daripada semua kes malaria di Semenanjung Malaysia pada tahun 2001 dan pada tahun 2003, ini telah meningkat kepada 53.5% semua kes malaria.

Kalau kita meneliti penyakit-penyakit yang biasanya dihadapi oleh masyarakat Orang Asli iaitu malaria, demam panas, tibi, *leprosy*, cirit-birit dan sebagainya. Dengan rawatan yang sempurna kebanyakan penyakit-penyakit ini dapat dirawat dan dicegah di masa yang akan datang jika ditangani secara menyeluruh dan lebih serius lagi.

Sampai ke hari ini, kadar kematian ibu-ibu mengandung atau melahirkan anak, dengan izin *maternal death rate* amat tinggi seperti mana yang diteliti dan dilaporkan pada tahun 2002 di mana wanita Orang Asli merupakan golongan yang paling tinggi menghadapi *postpartum hemorrhage*, dengan izin dan *puerperal sepsis* kalau dibandingkan dengan golongan dan masyarakat yang lain. Kalau kita di kawasan bandar terdapat akses ke klinik dan hospital yang bertaraf pakar perunding, perbelanjaan untuk kesihatan dan perubatan masyarakat Orang Asli harus ditambah dan digandakan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Baru-baru ini perkataan *marginalization* difikirkan menjadi satu isu dan perkataan yang begitu panas. Adakah Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bersetuju bahawa Orang Asli yang berkenaan boleh disifatkan sebagai terpinggir, kumpulan *the most of the marginalized* di negara kita dan semua diketepikan dan diabaikan oleh kerajaan? Tahun hadapan ialah tahun ke-50 Hari Kebangsaan tetapi sampai sekarang tidak ada seorang Orang Asli yang menjadi Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun di peringkat negeri. Bukankah ini menunjukkan kegagalan 100% dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk memajukan Orang Asli dan adakah Yang Berhormat bersetuju kita mahu kerajaan dan kementerian yang berkenaan boleh mengumumkan bilakah Orang Asli sendiri boleh mengambil tempat di semua jawatan tinggi dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli? Kita mahu satu *timeline*.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang. Mestilah diberikan satu masa di mana Orang Asli dapat mengambil peranan yang lebih aktif kerana itu adalah masa depan mereka sendiri dan masyarakat mereka sendiri.

Satu lagi soalan mengenai Perkara 030200 iaitu kewangan dan bekalan berkaitan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini. Di sini saya ingin minta penjelasan daripada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengenai perbezaan besar antara anggaran tahun ini dan tahun depan dari RM4.65 juta jatuh kepada RM1.8 juta. Apakah yang telah dikeluarkan bagi program dan perbelanjaan daripada anggaran tahun ini dan dikeluarkan untuk tahun depan?

Untuk perkara yang terakhir Tuan Pengerusi, 090000 – Dasar Baru yang berjumlah RM68.5 juta dan perkara 100000 – *One Off* yang berjumlah RM3.06 juta apakah program dan dasar baru yang akan dijalankan oleh jabatan ini. Terima kasih.

#### 4.21 ptg.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian 010200 – Perancangan Strategik. Kementerian ini mendapat suatu peruntukan yang cukup besar dan tugasnya adalah besar untuk membasmi kemiskinan dan juga pembangunan infrastruktur. Tetapi yang menjadi kemusykilan saya ialah kementerian ini tidak mempunyai jabatan di negeri-negeri di mana operasi kegiatannya berjalan. Ia cuma bertenggek dan meminjam tempat di Jabatan Pembangunan Negeri.

Oleh hal yang demikian, kerja-kerja dan operasi memantau dan memberi laporan itu tergendala dan ini menyebabkan bahawa banyak projek yang sepatutnya berjalan di peringkat akar umbi itu terbengkalai. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan segera jabatan-jabatan itu, tidak lagi bertenggek dan juga menumpang di Jabatan Pembangunan Negeri.

Perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan di sini ialah dari segi tenaga kerja kementerian ini sendiri. Ramai di antara mereka adalah merupakan tenaga kerja kontrak. Ini menyebabkan *uncertainty* ataupun ketidakpastian dalam mereka menjalankan tugasnya dan ini memberi suatu masalah dari segi dedikasi mereka dan masalah kekendirian mereka dalam mereka menyempurnakan tugas-tugas.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan 010300 iaitu tentang JKK ini, meskipun tadi telah dibangkitkan oleh sahabat kita daripada Sabah bahawa terdapat ketua-ketua kampung yang masih belum dibayar elaun bulanan yang baru dan meskipun ini adalah merupakan tugas kerajaan negeri tetapi peruntukan itu adalah peruntukan yang disalurkan melalui kementerian yang sedang kita bincangkan sekarang ini malah pada setiap tahun diberi peruntukan sebanyak RM63.65 juta untuk diagih-agihkan.

Saya ingin tahu negeri-negeri manakah yang masih belum selesai untuk menguruskan elaun bulanan ketua kampung ini. Negeri cuma menokok tambah sebanyak RM50 sebulan sahaja, jadi saya memerlukan jawapan di sini untuk memastikan kegiatan-kegiatan yang lancar dan pengawasan pemantauan kerja akar umbi itu dapat disempurnakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Seterusnya saya ingin mengambil perhatian yang akhir sekali ialah 011300 – Pelaburan dan Anak Syarikat. Saya ingin menarik perhatian iaitu laporan ketua audit negara tentang FELCRA Berhad ini. Saya ingin tarik perhatian supaya kementerian ini dapat merujuk muka surat 702 iaitu rumusan dan syor Ketua Audit Negara yang di antara lain menyatakan kelemahan yang ketara ialah dari segi pengurusan, tidak mempunyai hala tuju yang jelas mengenai rancangan perniagaan FELCRA dan beberapa cadangan yang begitu mantap telah diberikan di sini.

Oleh yang demikian saya mengharapkan setiap satu yang disyorkan oleh Ketua Audit Negara itu diambil perhatian yang serius untuk memastikan ia tidak hanya mementingkan dari segi keuntungan perniagaan tetapi kepentingan peserta dalam membuat sebarang keputusan dan strategi pengurusan lembaga FELCRA ini sendiri. Sekian, terima kasih.

#### 4.24 ptg.

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus menyentuh Butiran 02300 – Jalan luar bandar. Sebelum itu saya ingin juga menyokong apa yang telah dibangkitkan oleh saudara kita iaitu Yang Berhormat bagi Santubong dan Sri Aman.

Di kawasan saya di Kanowit, semenjak saya sudah menjadi Ahli Parlimen di sana, saya telah menyampaikan beberapa permohonan untuk tidak kurang dari empat batang

jalan luar bandar. Jalan ini ialah jalan induk kepada rumah-rumah panjang yang terdapat di hulu-hulu sungai di sana terutama sekali ialah Sungai "Ngemah" yang sekarang ini mempunyai tidak kurang dari 80 buah rumah panjang ataupun 80 buah kampung dan jalan itu adalah tidak kurang daripada 30 kilometer panjang.

Sedikit sudah dilaksanakan oleh JKR tetapi ia masih belum panjang lagi dan yang paling menjadi masalah sekarang ini ialah harga minyak sudah naik dan penduduk-penduduk di sana memang selalu mengalami masalah kerana apabila mereka mudik ke hulu sungai ia akan memakan masa yang panjang dan kos melampau tinggi.

Mereka menyuruh saya untuk membangkitkan perkara ini supaya jalan itu dapat diberikan kepada kontraktor dan bukan JKR lagi. Saya melihat dari tahun-tahun yang dahulu memang ada peruntukan yang diberikan kepada jalan itu tetapi ia dilaksanakan oleh JKR dan jalan itu sampai sekarang belum jadi-jadi. Juga satu lagi sungai iaitu Sungai Poi adalah sebatang sungai yang mempunyai tidak kurang daripada 40 buah kampung dan jalan ini dianggarkan sepanjang 20 kilometer. Ia juga menjadi masalah musim kemarau sebab sungai ini tidak berapa besar. Sungai ini susah untuk dilalui oleh perahu dan mereka juga memerlukan jalan induk iaitu jalan luar bandar ini.

Sama juga dengan jalan ke hulu Sungai Machan yang panjangnya lebih kurang 17 kilometer. Apabila jalan-jalan ini dapat disiapkan, jalan kampung yang menuju kepada kawasan rumah panjang pun dapat dibuat. Saya menyerulah kepada kementerian untuk meneliti perkara ini sebab saya selalu menyampaikan masalah ini ke kementerian. Saya tidak tahu pada tahun 2007 sama ada peruntukan yang RM470 juta itu ada sedikit melibatkan projek-projek tersebut.

Itu adalah jalan luar bandar, saya tidak mahu menyentuh jalan-jalan yang lain sebab itulah masalah yang paling besar di kawasan saya sebab setakat ini saya ingat mungkin tidak sampai 20% kawasan parlimen Kanowit yang sudah disediakan jalan-jalan luar bandar.

Yang kedua ialah 01702 – Bekalan elektrik di luar bandar yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian sama ada tahun 2007 ini, kawasan yang selalu dipohon iaitu di sepanjang jalan luar bandar sejauh 40 kilometer iaitu Jalan Nibong-Tada itu yang mempunyai tidak kurang 150 buah rumah panjang ataupun 150 buah kampung dengan 13 buah sekolah rendah, satu buah sekolah menengah dan beberapa Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dengan penduduk tidak kurang dari 15,000.

Pemohonan ini saya ingat telah disampaikan kepada kementerian semenjak tahun 1995 dahulu iaitu lebih 10 tahun tetapi sampai sekarang dan seperti Yang Berhormat bagi Santubong telah menyuarakan tadi, sampai sekarang pun perkara ini belum sampai kepada mereka iaitu penduduk di sana dan inilah menjadi suatu isu bila kita menghadapi pilihan raya sebab penduduk di sana sekarang sudah tidak sabar-sabar lagi untuk diberi kemudahan seperti ini. Ini juga banyak memberi masalah kepada sekolah-sekolah yang ingin menyertai program ICT.

Dahulu saya ingat banyak komputer yang diberi kepada sekolah-sekolah ini tetapi macam mana mereka dapat menggunakannya sebab bekalan elektrik yang sepanjang hari tidak ada. *Generator* tidak boleh digunakan sebab ia *short term* dan tidak stabil, jadi saya menyeru kepada kementerian agar pada tahun 2006 dan 2007 supaya peruntukan diberikan kepada kawasan-kawasan ini. Dengan itu, sekian, terima kasih.

**4.29 ptg.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sudah lama masuk.

**Seorang Ahli:** Bintulu baru masuk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini bukan masalah. Saya terpendang, cukup berucap. Kalau tidak ada boleh duduk.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya berharaplah ini hari saya sini bahas sekali lagi saya harap boleh dapat kita

punya Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah betul-betul. Ini masalah memang sudah lama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]** : Cakaplah, keluarkan masalah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]**: Saya mahu sentuh mengenai Butiran 02300 – Jalan-jalan luar bandar.

Memang saya setuju Yang Berhormat bagi Kanowit sebutkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]**: Yang Berhormat, masalah samakah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]**: Bukan, perkara tidak sama...*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]**: Kalau sama, tidak payah sebutlah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]**: Ini perkara memang pening, kalau ini terlibat dalam kawasan Yang Berhormat, memang pengsan Speaker. *[Ketawa]* Saya terus terang, pertama kali saya beri surat pada 16 November 2001. Beri pada KSU, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, tidak ada jawapan. Permohonan kedua, 9 April 2002 kepada Yang Berhormat Menteri, jawapan okey, diluluskan, akan diimplementasi dalam 2003. Pada 3 Disember 2003 saya tanya lagi, dia kata memang akan dilaksanakan 2004. Pada 2004 tidak ada. Pada 9 Ogos 2004 sekali lagi beri kepada menteri sekarang. Katanya mesti akan diluluskan melalui satu pegawai daripada Setiausaha Bahagian Utiliti, Sosial. Katanya mesti akan dilaksanakan dan peruntukan diluluskan pada tahun 2005.

Dalam tahun 2005 akan dilaksanakan tetapi sampai sekarang satu biji batu pun tidak nampak. Inilah jalan Kampung Hilir, banyak kali sudah. Hari ini saya mahu tahu daripada kementerian, terus terang di Dewan yang mulia ini kita hendak buat atau tidak mahu buat? Itu sahaja senang. Kalau tidak mahu buat, saya balik kampung terus terang tidak mahu buat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]**: Kalau tidak mahu buat, Yang Berhormat sendiri buatlah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]**: Ha! Tidak, kalau dia tidak mahu buat saya bawa surat ini, menteri janji punya kepada Perdana Menteri. Saya cakap inilah menunjukkan kelemahan kita. Saya tidak tahu, pegawai tidak buat ataupun siapa tidak buat. Saya tidak tahu. Ini satu hal, satu lagi saya mahu sentuh. Kalau mana-mana kementerian, terutama sekali Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang terlibat dengan orang miskin, bila-bila kita melaksanakan ataupun mahu rancang sesuatu projek mestilah kita mahu siasat dahulu.

Ini mengenai butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Baru-baru ini saya terima surat....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]**: Yang Berhormat tidak mahu tunggu masalah besar selesai dahulu baru masuk perkara lain.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]**: Jangan, ini memang lagi ketawa. Dengar dahulu, Tuan Pengerusi. Minta ampun! *[Ketawa]* Masalahnya, baru-baru ini saya terima surat dari negeri Sarawak bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sudah setuju melaksanakan projek daripada rumah panjang, rumah tanah, rumah longan, rumah bank. Rumah bank ini memang rumah *cubby* dahulu, sekarang ia sudah tukar Tuai Rumah, jadi Rumah Bank. Satu kampung baru, sebuah besar. Sebelum saya masuk jadi Ahli Parlimen sudah ada elektrik, apa lagi sekarang mahu pasang elektrik lagi dalam tahun 2007.

**Seorang Ahli**: Pelik betul.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]**: Jadi, pegawai ada turun padang atau tidak turun padang? Banyak lagi orang tunggu tetapi saya tulis surat banyak kali beritahu, mencadangkan mana rumah perlu elektrik, langsung tidak ada jawapan. Sekarang beri jawapan rumah yang ada elektrik. Sebelum saya masuk jadi Ahli Parlimen saya sudah pangkah ketua. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf suara ada kuat

sikit, ini pun serupa saya sudah goreng. Ini hari saya mesti goreng, mana-mana yang patut kena goreng.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana boleh guna mulut pergi goreng?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh, nanti saya ajar selepas Dewan. *[Ketawa]* Saya berharap Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ambil serius, mana-mana sudah janji sila tunaikan terutama sekali sila baca mana-mana cadangan daripada .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ..... Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada kawasan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Begitu ramai. Kalau semua boleh bekerjasama, ringkaskan, saya cuba bagi. Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**4.35 ptg.**

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 020000 – Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan juga Butiran 020100 – Sumber Manusia dan Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, sebenarnya bagi program-program yang dianjurkan oleh KEMAS dalam kawasan saya, saya cukup berpuas hati dengan program-program itu. Ini kerana di dalam kawasan saya program-program yang di anjurkan oleh KEMAS Parlimen Kota memang kemas-kemas belaka. Cuma dari segi pentadbiran tabika KEMAS ini, saya difahamkan bahawa sudah lama tidak wujud jawatan bagi Pembantu Tabika KEMAS. Saya difahamkan telah pun lebih kurang 10 tahun. Jawatan Pembantu Tabika KEMAS itu telah pun dimansuhkan. Jadi, saya dapat aduan daripada peringkat akar umbi supaya pihak kementerian memberi pertimbangan kepada permintaan ini supaya jawatan Pembantu Tabika KEMAS ini boleh dipulihkan.

Saya difahamkan bahawa jawatan ini cukup penting kerana ia dapat memberi bantuan kepada tabika-tabika KEMAS dalam menyediakan makanan kepada anak-anak muda. Ini kerana dengan tidak wujudnya jawatan Pembantu Tabika KEMAS ini, saya difahamkan guru-guru pula yang kena menyediakan makanan dari semasa ke semasa. Ini memang tidak wujudnya satu pengkhususan. Janganlah kita mencurahkan berjuta-juta ringgit dalam pendidikan tinggi tetapi kita lupa pula pendidikan prasekolah. Itu permintaan pertama.

Selanjutnya, Tuan Pengerusi saya ingin rujuk juga kepada Butiran 020500 – Bina Insan. Saya memberi cadangan kepada pihak kementerian supaya kita adakan hari konvokesyen. Baru-baru ini wujudnya satu program yang dianjurkan oleh KEMAS Parlimen Kota, saya rasa itu merupakan satu kejayaan yang besar. Sebelum ini saya difahamkan bahawa tidak ada hari konvokesyen di peringkat Parlimen, yang ada ialah ia secara *sporadic*, dengan izin, iaitu ada tabika KEMAS yang ada mengadakan hari konvokesyen tetapi banyak pula yang tidak mengadakan hari konvokesyen.

Dalam kawasan saya, wujudnya lebih kurang 23 tabika KEMAS yang saya rasa apa yang kita adakan tempoh hari merupakan satu inisiatif yang cukup baik bagi KEMAS Parlimen Kota. Saya merayu kepada pihak kementerian supaya memberikan satu *allocation*, satu peruntukan yang secara spesifik untuk hari konvokesyen bagi anak muda ini supaya kita boleh memberikan satu pengiktirafan kepada anak-anak muda di peringkat pendidikan prasekolah.

Saya rasa ini merupakan satu inspirasi kepada anak-anak muda kita, di samping kita dapat memberikan pengiktirafan juga kepada guru-guru dalam satu *setting*, dengan izin, dalam satu *occasion* yang sama. Saya rasa ini adalah dua cadangan yang ingin saya berikan di peringkat jawatankuasa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong, kenapa tidak mahu pandang sini? Sila, Yang Berhormat.

**4.38 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, halaman 258, 020000 – Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan halaman 259, 030000 – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Tuan Pengerusi, sebenarnya di Kepong ada dua kampung tradisional, Kampung Desa Rantau dan juga Kampung FRI. Saya berharap dengan ucapan saya ini kedua-dua kampung ini tarafnya dapat dinaikkan. Walau bagaimanapun, hari ini yang pentingnya saya pernah tulis kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, mengenai seorang Orang Asli Temuan di Kampung Orang Asli Ulu Kuang, Rawang, berjumpa dengan saya kerana pada awal bulan Oktober beliau memohon untuk bahan bantuan mengorek pasir di sungai.

Walaupun bagaimanapun hari ini yang pentingnya, saya pernah menulis surat kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengenai seorang Orang Asli Temuan di Kampung Orang Asli Ulu Kuang, Rawang yang berjumpa saya kerana pada awal bulan Oktober, beliau memohon untuk bahan bantuan iaitu mengorek pasir di sungai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu siapa mohon, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pemohon, Tipus bin Rahman, Orang Asli.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mohon sama Yang Berhormat bagi Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya, dia jumpa saya kerana permohonannya ditolak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjangkan pada petang inilah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Permohonan ditolak oleh pihak berkenaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, ditolak. Baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ditolak dan saya tulis kepada pihak kementerian walaupun piagam pelanggan itu kata dalam tempoh satu bulan dia akan jawab tetapi sudah lebih satu bulan tidak jawab lagi. Sebab itu saya bawa ke Dewan yang mulia ini. Ini memang penting sebab saya hendak tahu sebab apa permohonan Tipus bin Rahman ini ditolak sama ada kerana pengalamannya yang tidak baik ataupun sebab musabab yang lain tetapi yang penting itu mestilah jawab pada surat-menyurat dan ini satu perkara yang rumit juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini di bawah mana satu butiran?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Butiran itu saya sudah sebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah sebut, baik. Perkara yang kedua, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang kedua, ya. Tuan Pengerusi memang mengenai peruntukan di dalam perbelanjaan kita ini bagi luar bandar misalnya, di situ disebutkan RM3 bilion. Di antara program yang akan dilaksanakan adalah Projek Jalan Luar Bandar dan Kampung dengan peruntukan RM780 juta, Projek Bekalan Air RM251 juta dan sebagainya dan ini akan diuruskan oleh pihak KEMAS.

Di sini saya pun hendak ucapkan terima kasih kepada Setiausaha Bahagian Pentadbiran Am iaitu Encik Ahmad Zubir bin Abdul Ghani yang menjawab soalan saya sebab pada Oktober yang lepas saya pernah mencelah mengenai pembangunan luar bandar terutamanya mengenai pembinaan jalan-jalan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bererti adakah perkara itu sudah selesai?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Belum selesai lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, belum selesai.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang belum selesai lagi kerana kita sedang bincangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi kalau selesai tidak payah cakaplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ha, tidak selesai lagi. Tetapi saya berterima kasihlah kerana pihak kementerian pun....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada jawablah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ...memberi perhatian kepada saya. Sebenarnya saya pun berasal dari Kampung Hilir Rusa di Jelawat itu, jajahan Bachok juga. Bapa saudara saya masih ada di situ dan saya pun berhaklah untuk membincangkan pembangunan di luar bandar juga. *[Ketawa]* Di sini, Tuan Pengerusi, memang satu perkara yang relevan.

**Seorang Ahli:** Tidak relevanlah, tidak ada butiran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak ada orang kata tidak relevanlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang tidak relevan. Kalau bandingkan dengan sesetengah orang yang lain lebih relevan lagi. *[Ketawa]* Misalnya memang jawapan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tadi mengenai peruntukan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh cepat sedikit tak?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya, saya cepat sedikit. *[Ketawa]* Tahun ini 2006, sejumlah RM223 juta telah pun diperuntukkan bagi Program Jalan Luar Bandar (JALB). Peruntukan tersebut digunakan untuk pelbagai urusan pembayaran bagi 330 projek JALB yang telah disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini adalah sepanjang 1,958.78 kilometer merangkumi 199 unit jambatan dan sebagainya. Saya hendak tanya di sini, setakat mana projek ini dapat dilaksanakan? Kerana, Tuan Pengerusi, bagi pembangunan....

**Beberapa Ahli:** Dasar, dasar!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana dasar pula?

**Seorang Ahli:** Isu habis, habis!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Isu belum habis lagi, mana dasar itu. *[Disampuk]* Ini hendak kacau sahaja. Tidak adalah itu. Ini kerana 330 projek JALB di bawah RMK-9 dan saya hendak tahu setakat manakah projek-projek dilanjutkan untuk tahun depan? Kerana pada tahun depan kita ada peruntukan pembangunan yang lain yang kalau tidak silap saya, ialah lebih RM2 bilion. Adakah 330 projek JALB ini dilanjutkan untuk tahun depan? Seterusnya mengenai...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata dua perkara sahaja. Sudah lebih daripada dua perkara.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini lanjutan sahaja itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Lanjutan sahaja itu. Mengenai....

**Seorang Ahli:** Buang masa sahaja!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Mana buang masa pula? Itu KEMAS. Saya sebutkan KEMAS sebab ini lanjutan sahajalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat silaplah. Patut ada tiga perkara, bukan dualah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dua setengah!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Empat! *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dua setengah! Jadi tahun depan di dalam butiran ini untuk tadika, pihak kementerian hendak mengadakan 70 tadika KEMAS yang baru. Yang saya hendak tahu di sini dengan secara ringkasnya, bilangan tadika yang ada sekarang kerana ini penting. Sangat penting, saya pun hendak menyaksikan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bilangan-bilangan taska dan juga tabika di luar bandar ditambahkan dan juga tahap atau standard itu mesti dipertingkatkan kerana kita hendak menyaksikan lebih ramai kanak-kanak di kampung dapat menyertai tabika dan taska dan supaya dapat digalakkan perkembangan sosial, emosi, intelek dan fizikal mereka di samping mempunyai asas yang kukuh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, sudah lebih daripada dua setengah. Baiklah, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

**4.48 ptg.**

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin menyentuh Butiran 010700 – Khidmat Teknikal. Saya berterima kasih dengan pihak kementerian seperti juga di lain-lain tempat, kawasan Parlimen saya juga diperuntukkan dengan peruntukan untuk projek-projek kecil luar bandar termasuk PJK. Tetapi terdapat masalah, Tuan Pengerusi, setakat ini pun projek-projek kita di kawasan tidak mencapai prestasi pelaksanaan yang memuaskan. Bererti projek-projek kecil ini sekarang belum mencapai apatah lagi 100%, mungkin dalam lingkungan 70% begitu. Ini sudah akhir tahun.

Apa yang saya cadangkan di sini masalah yang terdapat iaitu mengenai khidmat teknikal ini kerana pegawai yang membantu di dalam pelaksanaan projek ini dari segi khidmat teknikal ialah seorang pegawai kalau di peringkat daerah seperti daerah Lawas, seorang pegawai daripada majlis daerah dan seorang lagi daripada JKR. Ini tidak mencukupi bagi projek-projek yang agak banyak di sesebuah kawasan. Oleh itu saya pohon supaya pegawai teknikal di lantik khas untuk menjalankan spesifikasi ataupun BQ bagi setiap projek supaya projek-projek kecil di luar-luar bandar ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

Seterusnya saya menyentuh Butiran 010500 - Teknologi Maklumat dan Infodesa. Saya berterima kasih juga kerana pada tahun ini diumumkan satu infodesa bagi kawasan Parlimen saya di Bukit Mas. Tetapi akhir-akhir ini saya difahamkan projek ini ditarik balik dan saya pohon kepada pihak kementerian supaya melaksanakan projek ini, kerana pengumuman sudah pun diketahui oleh pihak kampung dan saya menyerulah supaya projek ini diteruskan di kawasan Parlimen saya di Bukit Mas. Selain daripada itu Tuan Pengerusi, juga saya menyeru kepada pihak kementerian kerana di kawasan saya di Bukit Mas ada empat kawasan DUN, jadi sebuah kawasan DUN iaitu di Ba'Kalalan tidak mempunyai Penolong Pegawai KEMAS Daerah. Saya mohon supaya seorang pegawai dapat dilantik untuk khususnya dalam kawasan DUN Ba'Kalalan, supaya dapat membantu di dalam pelaksanaan projek-projek mahupun tugas-tugas yang ada kaitan dengan KEMAS ini di kawasan tersebut dan saya juga menyeru kepada....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh....

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Ini yang terakhir Tuan Pengerusi, dahulu harga getah turun dan kebanyakan getah ataupun pekebun-pekebun kecil menebang getah

mereka dan sekarang harga getah naik. Saya minta dan menyeru kepada pihak kementerian supaya penanaman getah semula di Sarawak amnya, dan khasnya di kawasan Parlimen saya di Bukit Mas dapat dimulakan supaya penduduk-penduduk kampung mendapat hasil daripada getah khususnya harga yang agak lumayan sekarang ini. Jadi saya rasa itu sahaja, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Seramai 19 ahli sudah berucap, jadi sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bolehkah saya benarkan setiap ahli bawa satu isu sahaja? Kalau boleh setiap ahli satu isu. Yang Berhormat bagi Tuaran satu isu kalau tidak saya hendak minta Timbalan Menteri menjawab.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 02300 jalan-jalan luar bandar yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM2,542,393,670 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM469,814,000 diperuntukkan untuk Bajet 2007. Tuan Pengerusi saya merasakan peruntukan ini tidak cukup.

Untuk makluman, bagi negeri Sabah peruntukan sebanyak RM500 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan jumlah batang jalan yang akan dapat diselesaikan akan diturap ialah berjumlah 78 batang jalan, sedangkan Tuan Pengerusi jumlah batang jalan yang perlu diturap di negeri Sabah ialah lebih daripada 1,000. Dan panjang jalan raya yang perlu diturap iaitu jalan JKR negeri ialah 4,000 kilometer.

Bagi negeri Sabah kadar untuk menurap jalan raya JKR ialah lebih kurang 1 juta bagi 1 kilometer. Ini bererti bahawa peruntukan yang diberi untuk negeri Sabah pada tahun hadapan iaitu hanya RM100 juta. Kita hanya akan dapat menurap sebanyak 100 kilometer sahaja. Dan ini bererti bahawa dalam sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan yang kita dapat turap hanyalah 500 kilometer sahaja sedangkan yang kita perlu turap ialah 4000 kilometer. Ini bererti bahawa kalau kita mahu turapkan seluruh jalan dalam masa 14 tahun, iaitu setibanya tahun 2020 peruntukan diberikan tidak mencukupi. Kita memerlukan untuk menurap keseluruhannya sebanyak hampir RM5 bilion untuk negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, soal jalan raya ini amat penting kita berkali-kali menyatakan, beberapa Ahli Parlimen dan beberapa sahabat serta rakan-rakan tadi menyatakan perkara ini, tetapi saya amat hairan kenapa pihak kerajaan tidak dapat memberi keutamaan kepada penurapan jalan-jalan ini. Bagi kawasan saya di Tuaran masih ada lagi 199 kilometer yang masih lagi *gravel*, ini bererti saya perlukan RM199 juta untuk menurap. Ini baru jalan JKR belum lagi jalan majlis daerah. Dan yang diperuntukkan kepada negeri Sabah untuk tahun depan baru RM100 juta. Jadi bererti bahawa kawasan Tuaran belum selesai.

Saya ingin bertanya bagaimanakah asas Kementerian Kewangan memberi peruntukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan peruntukan yang begitu sedikit. Sebenarnya apabila kita lihat peruntukan sehingga RM2.5 bilion nampak besar, tetapi saya sebenarnya hairan kenapa peruntukan ini tidak dipecahkan berapa yang diperuntukkan untuk Semenanjung, berapa peruntukan yang diagihkan untuk Sabah dan berapa untuk Sarawak. Dan saya ingin bertanya berapakah sebenarnya agihan keseluruhan dan bagi kami Ahli Parlimen saya ingat bukan sahaja daripada Sabah dan Sarawak ini, kita menyokong dan kita meminta supaya pihak kerajaan memberi keutamaan, amat penting jalan raya ini. Baru-baru ini saya membawa pihak RTM selama 5 jam, kita bawa kereta pusing di kawasan saya dengan keadaan yang begitu teruk dan ini tidak diberi keutamaan. Yalah baru-baru ini Jambatan Pulau Pinang mahu dibuat dengan belanja berapa bilion, lepas itu pembangunan Wilayah Iskandar berapa bilion. Tetapi kenapa yang asas ini yang bekalan elektrik ini, yang jalan raya ini tidak diberi keutamaan.

Saya fikir ini bukan main-main, bukan main-main, kita balik kalau Yang Berhormat bagi Sri Aman sudah bercakap berapa tahun di sini. Saya pun sejak daripada tahun 1999 sudah bercakap dalam hal ini dan kita mintalah supaya diberi pertimbangan. Isu ini pendek sahaja Tuan Pengerusi iaitu dalam soal bekalan elektrik, jadi saya mengucapkan terima kasih kerana di kawasan saya pada tahun depan telah diberi peruntukan untuk bekalan elektrik untuk 24 buah kampung. Saya amat berterima kasih dalam hal ini. Walau

bagaimanapun seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, saya amat yakin bahawa 24 buah kampung ini akan dilaksanakan. Dan saya amat berterima kasih sebab Yang Berhormat Menteri, saya sudah bawa ke kawasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah bawa ke kawasan. Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri Pelajaran sudah nampak begitu banyak buat sekolah rendah yang masih lagi menggunakan *genset* yang tidak boleh menggunakan hal-hal lain, oleh kerana tidak ada bekalan elektrik dan sebagainya. Masalah *genset* yang rosak, masalah tidak ada bekalan diesel dan sebagainya dan hal ini dibuat, tetapi apabila kita merujuk kepada pihak SESB, pihak SESB mengatakan, "Yang Berhormat kalau betul-betul mahu buat silakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, tetapi kami tidak boleh jamin ada karan atau tidak".

Dalam hal ini saya amat hairan, kenapa pihak SESB yang menjalankan perniagaan yang akan nanti mencaj bekalan elektrik. Ini bukan percuma. Kenapa mereka sehingga pada hari ini bukan tidak dapat menyelesaikan soal bekalan karan. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi saya memohon....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** ... supaya peruntukan yang telah diberikan untuk bekalan elektrik untuk 24 buah kampung di kawasan saya. Saya berterima kasih sebab *for the record*lah, saya mengatakan itu hari di kawasan masih ada 40 buah kampung yang tidak ada bekalan elektrik, lain kali kita dapat 24 buah kampung, tetapi saya berharap akhirnya apabila nanti dia selesai karan pun ada. Banyak lagi tetapi apa boleh buat, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat bagi Saratok satu minit Yang Berhormat. Ada ramai hendak ucaplah.

**Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi satu sahaja. Ini berkaitan dengan Butiran 010800 - Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial. Tuan Pengerusi, satu *request* atau permintaan daripada penduduk-penduduk di rumah panjang di kawasan ini adalah untuk membantu mereka melalui prasarana ataupun utiliti dan ameniti sosial ini untuk meratakan tapak rumah panjang bagi mereka yang hendak buat rumah panjang yang baru.

Jadi, perkara ini telah kita kemukakan kepada timbalan menteri semasa dia melawat kawasan saya di Rumah Sengkek Lengah Toi dia sendiri tengok betapa susahnyanya meratakan tempat ini oleh kerana ada bukit sedikit dan berbatu juga dan dia berjanji hendak membawa perkara ini kepada kementerian dan sampai ke hari ini kita belum ada berita. Jadi kalau....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]:** .... dapat minta....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan menteri ambil ingatan ambil tindakan yang baik.

**Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]:** .... memberi jawapan dan kita ucapkan terima kasih. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat bagi Rembau.

**5.00 ptg.**

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Bekalan Elektrik Luar Bandar 01700 dan juga Bekalan Air Luar Bandar. Jadi, dalam hubungan ini, di kawasan saya sekarang ini sedang giat, kita galakan rakyat yang ada dapat tanah kurnia di luar bandar membina rumah mesra rakyat yang dibina oleh SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad.) Tetapi, masalahnya, kebanyakan tempat itu tidak ada, selain daripada tidak ada jalan asas, api dan air tidak ada. Jadi SPNB tidak akan bina rumah kalau tidak ada api dan air. Sebab itu saya harap, pihak kementerian timbangkan khususnya dua kawasan, iaitu di Kampung Agam, di Astana Raja dan di Solok Itik di Legong Hulu sebab dengan adanya rumah mesra rakyat ini kosnya RM40 ribu bayar RM100 sebulan dengan sendirinya akan dapat meramaikan lagi penduduk kampung dan

mengelakkan penghijrahan belia ke bandar dan dalam masa yang sama juga dapat meramaikan sekolah-sekolah yang ada di kampung yang sekarang ini contohnya, Legong Hulu sekolah cuma ada dua puluh empat murid sahaja.

Jadi, salah satu strategi saya sebagai Ahli Parlimen ialah dengan menggalakkan pembinaan rumah mesra rakyat tadi, tetapi tidak akan dapat berjalan kalau kementerian tidak bina. Jadi, saya harap kementerian akan bekerjasama dengan SPNB sebab program ini dapat dilaksanakan pada tahun hadapan, dan saya difahamkan misalnya di Astana Raja itu daripada 60 lot sebahagian besar sudah setuju hendak bina. Begitu juga di Solok Agam ada 40 lot, cuma tunggu jalan dan juga, jalan sudah dibina tahun ini, jalan asas, cuma tunggu api dan air daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, terima kasih. Yang Berhormat bagi Pendang.

*[Pembesar suara tidak berfungsi]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada *mic*? Pinjam sebelah. Kalau tidak ada *mic*, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Ada, ada, sudah ada.

#### 5.02 ptg.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, hanya satu butiran sahaja, iaitu 02300. Kalau di tempat lain tadi disebut jalan tidak berturap, tetapi di tempat saya lain pula Tuan Pengerusi, jalan melompat. Tuan Pengerusi ada kereta yang boleh masuk gear lompat, boleh pergi tempat sayalah. Ada banyak, sekurang-kurangnya, saya sebut di sini tiga kampung, Kampung Alor Ali, Alor Mengkuang dan Bakar Arang. Masalahnya di sini begini, apa saya hendak tahu kuasa untuk memberikan nama jalan-jalan ini adalah sama ada JKKK, Penghulu ataupun DO. Apabila dimasukkan nama kampung untuk dibina jalan, selalunya JKKK tiga buah kampung yang saya sebut ini, dia letakkan satu kilometer dari rumah dia, bukan daripada jalan besar.

Maknanya apabila dia sampai daripada jalan besar ke satu kawasan, kemudian jalan tidak berturap, kemudian satu kilometer daripada rumah dia itu ada jalan berturap. Jadi ini yang disebutkan oleh orang kampung sebagai jin yang kacau keselamatan kampung, bukan Jawatankuasa Keselamatan dan Keharmonian Kampung. Jadi, saya harap pihak kementerian boleh meneliti tiga buah kampung ini dan saya telah pun membuat laporan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berhubung dengan kampung-kampung tersebut....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** ... untuk mengetahui siapakah yang lebih berkuasa sebenarnya untuk menentukan supaya jalan-jalan ini bersambung dan tidak menjadi jalan yang sekat-sekat dan terpaksa masuk gear lompat. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tenom.

#### 5.04 ptg.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 02004 - Bekalan Air Alternatif. Saya terus kepada masalah, di kawasan saya banyak di antara kampung-kampung ada yang menerima bekalan air bersih yang mana telah diberi peruntukan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan saya lihat ada juga di kampung-kampung masih menggunakan bekalan alternatif seperti paip graviti. Bermakna saya lihat banyak di antara kampung-kampung ini kebanyakan paip-paipnya masih lagi dalam keadaan yang teruk dan mereka sering mengemukakan masalah ini kepada saya dan saya harap pihak kementerian dapat mengambil perhatian ini. Satu perkara lagi Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pemasangan penyelenggaraan lampu jalan kampung dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian pada tahun-tahun sudah telah memberi peruntukan untuk

pemasangan lampu jalan kampung. Tetapi, apa yang saya dapati hari ini saya tidak mahu perkara ini berulang kembali lagi, fasal pihak kontraktor gagal untuk memasang lampu-lampu jalan kampung. Jadi, saya harap pihak kementerian mengambil perhatian tentang perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Akhir sekali, akhir sekali Tuan Pengerusi berkenaan dengan pendidikan prasekolah ini. Di kawasan Parlimen saya, banyak sekolah-sekolah tadika telah diwujudkan dan saya lihat apabila saya membuat lawatan bersama-sama dengan pegawai KEMAS, saya lihat ada di antara sekolah-sekolah tadika ini ada yang tidak mempunyai bangunan dan masih lagi menggunakan balai raya untuk tempat anak-anak luar bandar ini belajar. Jadi, saya harap di kawasan saya di kawasan Parlimen Tenom....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** ... supaya dapat dibina.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cepatlah. Yang Berhormat bagi Sepanggar.

#### 5.06 ptg.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 01703 - Bekalan Elektrik Luar Bandar Sabah di mana walaupun kawasan saya di pinggir Bandar Raya Kota Kinabalu, tetapi ramai lagi penduduk-penduduk yang menggunakan pelita. Sebenarnya saya telah pun membuat permohonan beberapa tahun yang lalu untuk pemasangan elektrik, *extension of electricity*, tetapi sehingga sekarang belum dilaksanakan. Begitu juga sekiranya beberapa kampung di mana telah pun mendapat bekalan ini, disebabkan kekurangan penjana elektrik ini, maka mereka diminta membayar transformer. Saya rasa ini tidak adil, oleh kerana sebenarnya transformer itu sudah pun dilaksanakan oleh pembinaan *extension* semua ini. So, itulah saya minta supaya dapat dibekalkan *extention* bagi rumah-rumah yang masih belum dapat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bailah Yang Berhormat, cukup. Kubang Kerian.

#### 5.07 ptg.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, satu perkara tentang 010300 - Pengurusan Sumber Manusia. Apabila saya melihat tentang objektif Jabatan Kemajuan Masyarakat iaitu KEMAS membangunkan sumber manusia ke tahap cemerlang untuk membantu kementerian merealisasikan wawasannya wujudkan luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan. Di sini saya hanya ingin menyatakan hasil daripada beberapa tinjauan dan juga kehadiran saya dalam majlis-majlis taklimat ataupun majlis-majlis yang dijemput untuk saya hadir mendengar taklimat yang diberikan oleh pegawai-pegawai daripada kementerian ini. Saya dengan tidak menafikan tentang jasa yang telah mereka berikan kepada kerajaan.

Cuma saya ingin menyentuh tentang prestasi mereka kerana saya melihat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat desa hari ini semakin kompleks dan mencabar. Masalah keruntuhan rumah tangga masalah terlibatnya remaja dalam gejala sosial dan juga bagaimana mereka berhadapan dengan cabaran perkampungan yang akan diambil alih dan seumpamanya. Maka, saya melihat kadang-kadang khidmat nasihat yang diberikan ataupun kaunseling yang diberikan itu *out of date* dengan saya melihat pegawai yang tidak memiliki pengetahuan yang cukup. Tidak peka dengan masalah semasa dan kekurangan pengetahuan dalam birokrasi kerajaan. Oleh itu saya mengharapkan supaya asas-asas kepada kaunseling sebagai contoh, asas-asas kepada pembangunan manusia, asas-asas kepada pengetahuan tentang pentadbiran am mesti dipertingkatkan dan bagaimana mereka berhadapan dengan keluarga, dengan masyarakat, dengan pelajar dengan belia yang semakin mengharapkan bimbingan di peringkat akar umbi.

Di sinilah saya melihat bahawa dalam topik pengurusan sumber manusia ini, saya mengharapkan biarlah pegawai-pegawai yang dihantar itu dapat memberikan nasihat,

dapat memberikan bimbingan dan juga rakyat serta belia-belia di kampung-kampung sebagai contoh mendapat bimbingan dan nasihat yang sewajarnya dan bukannya nasihat dalam bentuk ataupun pada zaman 60-an, lagu lama. Dengan tidak mereka dapat mempersembahkan khidmat nasihat ataupun kaunseling yang dihadapi oleh masalah semasa yang sedang berlaku pada hari ini. Sekian Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

5.10 ptg.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana. *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat. Bukan 'jek' itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya akan bercakap Butiran 102500, 1070. Tetapi perkara ini di dalam prasarana utiliti dan imuniti sosial lah, 010800. Tuan Pengerusi, kita patut bersyukur atas kejayaan yang lepas. Kita patut bersabar untuk yang akan datang. Ini, Yang Berhormat sesetengah kita tengok, tak ada bersyukur. Tidak, setengah-setengahlah. Bukanlah... Saya tak kata pembangkang. *[Ketawa]*. Saya bercakap wakil rakyat daripada Kelantan, Pasir Puteh P.28. Jalan teruk!

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ha! Barisan Nasional lah!

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Api, teruk!!

**Beberapa Ahli:** Ha, ha..

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Jadi, saya minta maaflah. Pasir Mas, yang ada barang kali.. Itu rakan-rakan beliau daripada Kelantan, dia tahu. Kerana saya sudah berpakat dengan negeri, kerana patutnya negeri buat jalan. Tetapi tak boleh buat. Dia kata *no 'pith'*. Tak ada duit, *no money*. *[Disampuk]* Bukan tak nak buat. Jadi, terpaksa kita Kerajaan Persekutuan sebagai Yang Amat Berhormat, hadhari dia..*[Disampuk]*. Nak tengok maju, maka terpaksa beri. Cuma saya minta jangan lewat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sana perlu bagi jalanlah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Minta diamlah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Sahabat saya. Malas nak marah dah saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Pasir Putehlah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Bagi peluanglah. Enam orang serang saya Tuan Pengerusi, tapi sihat. Saya minta supaya kementerian hantar lebih awal dia punya geran ataupun dia punya peruntukan. Janganlah kita sudah senarai bulan satu, bulan lapan, bulan sembilan. Jadi, kita nak buat pun, kita ada 'kocak loceng', kita ada sekurang-kurangnya sebut harga.

Jadi sebab itulah, itu sahaja saya nak komen. Jadi, sebab itulah itu sahaja saya nak komen. Saya berterima kasih atas kejayaan dan saya bersyukur akan datang, mintalah Kelantan ini lain daripada negeri yang tiga belas tadi. Kerana kita diperintah oleh pembangkang, satu negeri sahaja. *[Disampuk]* Iaitulah Kelantan Darul Naim. Kalau dia tengok jalan comel, api jalan ada, insya-Allah dia akan balik dekat kita semula. Sekarang ini pun 22-23. Minta maaf Tuan Pengerusi, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Minta maaf. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Cukup! Yang Berhormat bagi Putatan.

**5.13 ptg.**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sungguh hebat, sahabat dari Pasir Puteh. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri KPLB. Saya tunggu untuk berbahas untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana Kementerian KPLB lah yang paling terdekat kepada masyarakat di luar bandar..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada, adakah ..

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ada butiran. Yang penting, menjadi tajuk perbualan di kedai kopi ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Bagi Maksud B22, Butiran 09000, yang berjumlah RM156 juta. Ini fasal lembaga kawasan wilayah yang menjadi tajuk perbahasan, perbualan di kedai kopi di Sabah. Ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Saya tertengok-tengok dalam perbahasan RMK-9 ini, 2007 ini sudah menjelang kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi saya tidak nampak...,

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Mic* sudah habis.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Mic* sudah lain tempat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini Tuan Pengerusi, ini bukan perbuatan saya. Ini perbuatan teknikal. Jadi, Butiran bagi Wilayah Utara, Wilayah Timur, Wilayah .. Selatan pun saya tidak lihat. Jadi, ini jadi tajuk perbualan di kedai kopi kenapa ada terdengarnya kerajaan negeri tak ingat, dibuat, diterajui oleh pihak-pihak GLC dan mereka mahu. Ini saya minta kepastian daripada kementerian, kerajaan negeri mahu kerajaan yang sanggup berkecualan untuk melaksanakan RDA ini. Dan jika begitu, bilakah ini dapat diselesaikan? Lembaga urusan ini dapat diwujudkan supaya dari segi butiran dapat disediakan dan siapa yang memastikan adanya Lembaga Kemajuan di negeri Sabah dan di Sarawak ini? Dan kalau tidak ada, bagaimana pendekatan yang dibuat oleh pihak kementerian supaya mewujudkan di negeri Sabah dan Sarawak? Sekian, itu sahaja. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**5.16 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh satu Butiran 06000, RISDA. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah. Ini satu masalah yang dihadapi oleh penoreh getah ataupun pekebun kecil di Pahang, Bera. Kerana Yang Berhormat bagi Bera tak datang, jadi saya bawa masalah ini. Dahulu, apabila pekebun kecil hendak menjual getah mereka, mereka mesti mempunyai permit. Ini untuk mengelakkan orang-orang yang tidak mempunyai kebun, tetapi ada getah. Itu maksudnya mereka curilah. Sekarang harga getah sangat tinggi. Jadi, selalunya berlaku pencurian. Jadi, saya ingin meminta kementerian sama ada bolehkah mengembalikan sistem ini. Hanya mereka yang mempunyai kebun dan satu permit yang boleh menjual getah. Ini untuk mengelakkan pencurian ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Menteri boleh jawab. Timbalan Menteri.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tak bangun! *[Dewan riuh]*

Bukan sekarang. Sekarang bila buka.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Riuh menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, ya, Yang Berhormat bagi Bagan.

**5.17 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Eh mana boleh masa main. Ini fung sui tak baguslah.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan penubuhan KEMAS di kawasan saya dan juga saya mengalu-alukan PJK di kawasan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** PJK?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Projek Jalan Kampung lah! *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Haiya! Saya ingat itu pingat. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tetapi saya ingin bertanya, kawasan saya dan seluruh kawasan Seberang Prai, semua adalah di bawah jagaan Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP. Jadi, ini Majlis Perbandaran. Bandar! Semua kawasan dijaga oleh satu majlis perbandaran.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Yalah. Saya sudah berkata mengalu-alukan penubuhan KEMAS. Jadi saya ingin tahu, di kawasan bandar KEMAS boleh masuk juga. Di jalan-jalan kampung pun ada sign board. Projek menurap semula jalan kampung, sekian-sekian. Kementerian Luar Bandar, bolehkah ini dilakukan? Saya mengalu-alukan. Kalau boleh, lebih lagi KEMAS ditubuhkan, lebih jalan kampung dibuat, dibina, dan KEMAS ini boleh dipakai apabila pilihan raya sudah sampai. Digerak untuk memancing undi untuk merayu. Untuk merayu undi untuk Barisan Nasional. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ini ahli yang ke tiga puluh dua. Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**5.19 ptg.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ahli yang terakhir. Terima kasih Tuan Pengerusi, ya? Saya ingin merujuk kepada butiran 04000 dan 020400, pelaksanaan program pembangunan kawasan luar bandar. Tuan Pengerusi, kita boleh tengok setiap kali pilihan raya, Barisan Nasional akan kata, undi Barisan Nasional, ada pembangunan. Apabila telah menghadapi masalah kekurangan tanah di kawasan bandar, ramai yang telah pergi ke luar bandar mencari tanah. Jadi di sini, kementerian ini mempunyai tanggungjawab berat pelaksanaan program pembangunan kawasan luar bandar. Jadi masalahnya ialah, tanah-tanah yang terbiar yang sedia ada di luar bandar. Buat masa ini saya nampak kawasan saya di Pusing. Kawasan tanah yang ada, dia tidak dibangunkan untuk kebaikan faedah penduduk komuniti tempatan di luar bandar. Tapi tanah itu telah diberi kepada syarikat milikan ahli politik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang tanah siapa yang diberikan?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya tahu itu bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Tapi persoalannya bagaimanakah boleh kementerian ini memastikan ada satu kerjasama dan apakah adanya kerjasama buat setakat ini di mana untuk melaksanakan program pembangunan luar bandar ini adalah untuk faedah orang kampung dan bukan kepada pemaju-pemaju atau ahli-ahli politik Barisan Nasional atas nama membangunkannya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini dasar.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini rujukan yang sangat tepat 020400 - Pendidikan Masyarakat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tahu.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dan di mana dia kata akan menaiktarafkan hidup penduduk luar bandar....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita bincangkan peruntukan yang kita pohon.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi saya hendak tahu kalau tanah ini tak ada, bagaimanakah boleh melaksanakan projek untuk kebaikan penduduk luar bandar terutamanya seperti kompleks sukan, taman dan juga tempat-tempat untuk bersenam dan untuk melatih mereka menjadi jaguh sukan. Kementerian Belia dan Sukan mahu mencari jaguh di luar bandar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi saya hendak tahu bagaimana boleh ada konsisten dan penyelarasan di antara Kerajaan Persekutuan dan kementerian ini dengan luar bandar agar pembangunan itu benar-benar kepada penduduk luar bandar dan bukan kepada ahli politik yang mendaftar syarikat pemaju ambil tanah, bina rumah kedai untuk perniagaannya sendiri. Saya pohon jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Timbalan Menteri.

#### 5.21 ptg.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan rasa terima kasih tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi dengan penuh keprihatinan terhadap masalah rakyat dan bangun menyatakan pandangan, teguran, rintihan, maklumat, kritikan, sindiran dan pujian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang 2007 di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kepala B.22 dan P.22.

Rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang penting dan relevan lalu menyentuh secara mendalam isu-isu kemajuan luar bandar dan wilayah meliputi prasarana, utiliti, *amenity* sosial, kemiskinan, pembangunan wilayah, KEMAS, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, FELCRA dan lain-lain. Dalam perkiraan saya selama beberapa jam yang lalu, seramai 32 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangun untuk turut serta dalam perbahasan ini.

Terdapat ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mula-mula tadi bangun tetapi telah meninggalkan Dewan kerana tidak dapat kesempatan dan ramai lagi pula tidak dapat turut serta kerana berada di PWTC dalam Perhimpunan Agung Pemuda, Wanita dan Puteri pada waktu yang sama. Saya akan cuba dengan sedaya-upaya yang termampu oleh saya untuk menjawab semua persoalan dan permasalahan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpengetahuan dan bijaksana.

Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah membangkitkan tentang PJK yang mahu supaya kawasan-kawasan di negeri Selangor yang rata-rata telah sempurna jalannya, telah ditarkan jalannya di serata kampung dan beliau mahukan kalau begitu jadinya jalan-jalan baru perlu diwujudkan ke kawasan-kawasan yang belum lagi ada rumah-rumah. Laksana antara telur dengan ayam manalah dahulu. Tetapi setelah mendengar rintihan dan permasalahan yang dibangunkan oleh semua wakil rakyat-wakil rakyat Ahli-ahli Parlimen yang lain terutama daripada Sabah dan Sarawak, tentu sekali kita terpaksa memberi keutamaan kepada jalan-jalan kampung di Sabah dan Sarawak dan lain-lain tempat yang masih ketinggalan berbanding dengan negeri Selangor yang telah hampir selesai jalan-jalannya diturap.

Namun begitu, pihak kementerian masih lagi menyediakan peruntukan di kawasan-kawasan pinggir bandar di negeri Selangor. Peruntukan sebanyak RM400,000 setahun untuk membangunkan kawasan-kawasan yang masih memerlukan peruntukan jalan kampung.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, projek jalan kampung boleh dibina di kawasan penempatan baru, kawasan penempatan tersusun yang baru dibuka atau baru

diusahakan. Peringkat permulaannya, kadang-kadang sebelum jalan kampung dibuat kita menggunakan *crusher-run* dahulu dan akan diturap dengan *premix* kemudian.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat juga membangkitkan tentang pendidikan pra sekolah yang dianggap tidak bermaya seolah-olah kelas Tabika KEMAS ini di kategori sebagai kelas kedua. Saya ingin menafikan sekeras-kerasnya bahawa persepsi Tabika KEMAS ini sebagai kelas kedua adalah tidak tepat sama sekali. Perlu saya tegaskan di sini, kementerian sentiasa menyelaraskan dengan Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perpaduan tentang tabika-tabika yang sedia ada supaya ia tidak bertindih di antara kawasan yang sama. Mana mungkin berlaku perbezaan kelas kerana Tabika KEMAS, Tabika Perpaduan dan Tabika Kementerian Pelajaran - prasekolah semuanya menggunakan kurikulum yang sama. Lainlah kalau mahu dibandingkan dengan tabika-tabika swasta, yang ibu bapa perlu membayar beribu-ribu ringgit sebulan. Mungkin ia mempunyai kategori yang lebih baik berbanding dengan yang dapat dibuat oleh pihak kerajaan.

Bilangan tabika sehingga kini di seluruh negara daripada Perlis hinggalah ke Sabah berjumlah 8,307 buah yang juga ingin diketahui oleh Yang Berhormat bagi Kepong yang sekarang ini sedang melelapkan mata.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, 8,307 buah. Dia sudah tidak sedar. Sehingga kini, saya ingin menyatakan bahawa seramai 195,314 orang kanak-kanak Tabika KEMAS seluruh negara telah terlibat dengan Tabika KEMAS dan mereka ini daripada 195,314 tentunya mempunyai rasa hormat dan harapan yang tinggi kepada Tabika KEMAS untuk mendidik anak-anak mereka di peringkat prasekolah supaya lebih berjaya lagi.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sejarah Tabika KEMAS ini bermula pada tahun 1970 apabila cuma 10 Tabika KEMAS sahaja diwujudkan dengan 300 orang pelajar. Kita buat *pilot project*. Projek permulaan dengan hanya 10 Tabika KEMAS dan 300 orang murid. Sekarang ini daripada 10 kita telah tambah tahun demi tahun dan hari ini kita dapat 8,307 daripada 10 yang kita mulakan kira-kira 36 tahun yang dahulu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun telah membangkitkan satu isu yang sangat menarik kepada saya iaitu tentang rumah PPRT yang diduduki oleh adik-beradik yang gila. Saya mempunyai pengalaman yang sama di kawasan Parlimen saya. Apabila bertugas di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya rasa begitu tertekan memandangkan terdapat seorang orang gila yang berada di kawasan saya duduk dalam satu rumah seperti reban ayam, sangat daif dan saya sangat bersimpati dengan beliau.

Memandangkan kementerian saya tidak mempunyai peruntukan di tahun 2006 untuk rumah orang yang sedemikian, maka saya telah membuat keputusan membelanjakan Peruntukan Parlimen saya sendiri sebanyak RM15,000 untuk orang gila dan daif ini kerana beliau sangat-sangat memerlukan.

Rumahnya seperti reban ayam dan kalau NTV7 atau TV3 mengambil, akan jatuhlah reputasi saya sebagai Ahli Parlimen. Apabila siap rumah itu dibuat, saya menghadapi masalah kerana orang gila itu tak mahu masuk ke dalam rumah. Apabila pegawai daerah bertanya kepada saya, kenapa orang gila itu tak mahu masuk? Saya beritahu kerana dia orang gila. Jadi rumah itu siap, dia tak mahu masuk kerana dia mahu rumah lamanya juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Kita berhenti setakat masalah orang gila.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jawapan Yang Berhormat boleh disambung semula pada hari esok.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya akan sambung balik pagi esok, di waktu Persidangan Agung UMNO saya akan berada di sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***